



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 22

Rabu

19 Disember 2018

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH DUA ORANG AHLI	(Halaman 1)
PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalukan Pelantikan Dua Orang Ahli Baharu	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 34)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Kewangan 2018 Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2018 Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2008 Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2018 Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2018 Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2018 Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2018 Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2018 Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2018	(Halaman 35) (Halaman 69) (Halaman 72) (Halaman 74) (Halaman 89) (Halaman 95) (Halaman 99) (Halaman 101) (Halaman 118) (Halaman 115)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 19 Disember 2018**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAN DUA ORANG AHLI

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

LANTIKAN BAHARU

1. Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari
2. Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN DUA ORANG AHLI BAHARU

Tuan Yang di-Pertua: Salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Di kesempatan ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah, dan Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari dan Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh. Kedua-dua Ahli Yang Berhormat adalah pilihan Dewan Undangan Negeri Selangor, mengikut Perkara 45(1)(a), Perlembagaan Persekutuan... *[Tepuk]*

Adalah menjadi harapan saya agar kedua-dua Ahli Yang Berhormat akan mematuhi ikrar taat setia seperti mana yang dilafazkan sebentar tadi, terutamanya kepada prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Rukun Negara yang menekankan antara lain, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta keperibadian mulia yang menjiwai amalan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

■1010

Selanjutnya, saya percaya bahawa dengan pelantikan Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi ini sebagai ahli badan Legislatif tertinggi negara akan membantu ke arah memperkasakan imej Parlimen Malaysia sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa. Saya juga sering mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya perbahasan haruslah menekan kepada isu-isu berkepentingan rakyat dan sama sekali mengelakkan menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai medan politik. Ketepikan fahaman politik berasaskan parti dan pastikan perbahasan yang kualiti yang boleh menyumbang kepada proses pembinaan negara.

Pada masa yang sama, saya juga berharap Ahli-ahli yang berpengalaman di dalam Dewan yang mulia ini dapat membantu Ahli-ahli baharu, terutamanya dalam soal Peraturan Mesyuarat, Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Dalam pada itu, Ahli-ahli Yang Berhormat juga digalakkan terlibat dalam program-program anjuran pihak urus setia Parlimen sama ada program di dalam negeri ataupun program-program dengan kerjasama Pertubuhan Parlimen Serantau dan Antarabangsa. Akhir sekali, saya amat berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa mendukung visi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

1. **Tuan Haji Muhammad bin Mustafa** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah usaha kerajaan dalam menyelesaikan dilema ibu bekerja yang menghadapi masalah untuk menghantar anak ke pusat asuhan yang selamat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak

1984 dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2011. Setiap pengusaha taman asuhan kanak-kanak hendaklah mematuhi keperluan dan kehendak yang dinyatakan di dalam peraturan yang telah ditetapkan. Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan taman asuhan kanak-kanak yang dikendalikan oleh pengusaha berada di tahap keselamatan yang tinggi, kementerian melalui JKM juga menjalankan pemantauan ke taska berkaitan. Di antara bentuk pemantauan yang dijalankan ialah:

- (i) mengesan taska yang tidak berdaftar secara berterusan;
- (ii) menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke taska oleh pegawai yang diberi kuasa;
- (iii) JKM membimbing pengasuh dan memberi maklumat tentang Kursus Asuhan PERMATA dan program seminar taklimat berkaitan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak melalui 42 agensi latihan yang telah diiktiraf oleh JKM;
- (iv) JKM juga mengadakan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan ibu bapa tentang kepentingan dan kelebihan menghantar anak ke taska yang berdaftar dengan JKM. Baru-baru ini juga kementerian telah pun melancarkan info grafik bagi membimbing ibu bapa mengenai pemilihan pengasuh; dan
- (v) satu bengkel pindaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak telah diadakan pada 11 Julai 2018 bagi memantapkan kawal selia taska di seluruh Malaysia.

Manakala, untuk tindakan penguatkuasaan yang telah diambil daripada tahun 2014 sehingga Jun tahun 2018, JKM telah mengeluarkan arahan bertulis kepada 123 buah taska, tindakan lak pada 24 buah taska, 62 buah taska dikenakan tindakan kompaun, 11 buah taska ditutup sementara, 235 buah taska dibatalkan pendaftaran dan 28 buah taska telah pun didakwa.

Semua agensi kerajaan telah diwajibkan untuk menubuhkan taska menjelang 1 Januari 2019. Oleh itu, JKM telah menubuhkan pasukan *task force* di kalangan pegawai diberi kuasa taska bagi membuat audit dan memberikan khidmat nasihat teknikal kepada semua agensi kerajaan bagi memastikan taska di tempat kerja disediakan, terutamanya yang mempunyai waktu syif.

Hasil daripada pengauditan tersebut, didapati masih terdapat tiga kementerian yang belum menubuhkan taska iaitu Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Kementerian Tenaga

Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Melalui peruntukan Bajet 2019, kementerian ini diberi tanggungjawab menguruskan peruntukan RM10 juta yang disediakan kepada 50 buah taska di tempat bangunan kerajaan bagi menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja akan bertambah dan menambahkan kapasiti kanak-kanak di taska di tempat kerja yang boleh mengurangkan kerisauan dan dilema ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke taska.

Bagi tujuan ini juga, kementerian telah melaksanakan beberapa langkah dan inisiatif baharu dalam menggalakkan majikan menyediakan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja sektor awam dan swasta seperti berikut. Kementerian ini juga menggalakkan sektor swasta untuk bersama-sama mewujudkan taska di tempat kerja, khususnya kepada badan korporat dan turut melaksanakan tanggungjawab sosial- CSR, untuk memberi peluang kepada golongan B40 yang bekerja berhampiran untuk menghantar anak ke taska tersebut.

Kementerian ini juga masih sedang berbincang dengan syarikat utiliti untuk mengurangkan kadar tarif bagi kos operasi taska. Sebagai kesimpulan, *task force audit* pemutihan di Putrajaya masih sedang dilaksanakan dan hasilnya nanti akan dijadikan rujukan untuk dilaksanakan di seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah berapakah jumlah taska yang berdaftar dengan kementerian setakat ini dan berapa jumlah anak-anak asuhan? Kedua, sejauh manakah penglibatan pekerja-pekerja atau pengasuh dari- kepada luar negara ataupun orang asing yang terlibat dengan taska ini? Sekian, terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama saya boleh jawab tetapi soalan kedua agak spesifik, saya minta diberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator. Untuk taksa berdaftar, anggaran yang kita ada sekarang hanya 10 peratus daripada taska di luar sana berdaftar dengan JKM. Jumlah yang berdaftar yang kita ada adalah 4,412 taska dan saya telah jawab secara menyeluruh dalam sidang yang lepas bagaimana kita mempunyai kekangan dalam mendapatkan 90 peratus yang lain untuk datang berdaftar. Oleh sebab itu, kita sedang berbincang dengan syarikat utiliti untuk membantu penyelarasan bagi menyenangkan proses pendaftaran bagi taska-taska tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang soalan kedua berkenaan dengan bilangan anak dalam asuhan?

Puan Hannah Yeoh: Saya tidak ada juga- agak spesifik dan soalan mengenai warga asing? Pekerja warga asing?

Tuan Yang di-Pertua: Itu nombor dua, yang bilangan kanak-kanak?

Puan Hannah Yeoh: Saya tidak ada- agak spesifik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam merangkumi soalan.

Puan Hannah Yeoh: Saya bagi secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, silakan.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, apakah pihak kementerian akan mengambil langkah segera untuk memastikan setiap pengasuh melalui ujian saringan ataupun mewujudkan satu modul khas kepada pengasuh-pengasuh supaya mereka boleh dibantu dari sudut memperlengkapkan *anger management*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan *anger management* dan saringan untuk pengasuh-pengasuh. Kementerian dalam proses mengkaji dan *review*. Kursus yang diberikan kepada pengasuh sekarang ini, anggaran hari yang mereka perlu datang untuk menghadiri kursus adalah 28 hari. Akan tetapi kita juga ada modul yang lebih singkat untuk bagi pengasuh yang bekerja dengan taksa yang berdaftar, kemungkinan mereka tidak perlu melalui kursus seperti *financial management*.

Jadi, untuk pengasuh yang bukan operator, mungkin kita hendak pendekkan untuk pastikan latihan mereka lebih efektif dan mereka tidak datang untuk 28 hari tetapi hanya duduk dan melalui silibus yang tidak relevan kepada mereka.

Untuk pemantauan pengasuh ini, kita sudah berbincang dengan Persatuan Pengasuh Berdaftar dan *Early Childhood Council (ECCE)*, dan kita telah dapati bahawa untuk yang menjaga kurang daripada empat orang kanak-kanak, pengasuh *informal care* di rumah, kawan, saudara mara, golongan ini memang sukar untuk kita pantau di seluruh Malaysia. Oleh sebab itu, kita telah melancarkan info grafik bagi membimbing ibu bapa sendiri dalam pemilihan. Kita juga telah sarankan melalui banyak *media statement* kepada ibu bapa supaya tidak memilih pengasuh secara talian *online*, jangan cari dalam *Facebook*, kita kena gunakan pengasuh melalui *personal recommendation*, daripada kawan-kawan yang kita percayai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada kursus spesifik?

Puan Hannah Yeoh: Ada kursus, 28 hari KAP, kita ada. Akan tetapi kita sedang *review timeline* itu untuk pastikan kita dapat menggalakkan lebih untuk menghadiri kursus tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

■1020

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri menjawab soalan saya yang saya rasa agak detil. Cuma persoalannya saya tanya berkenaan dengan ruang TASKA ini sebab kita tengok banyak bangunan antara kekangan yang diadakan taska untuk bangunan-bangunan pejabat terutamanya bangunan pejabat lama adalah ruang yang mana ruang itu mengikut *specs* yang dibenarkan oleh bomba dan sebagainya.

Contohnya, TASKA kena di tingkat bawah kalau bangunan tinggi. Kemudian ada akses keselamatan dan sebagainya. Kalau kita tengok banyak bangunan yang sedia ada sekarang terutamanya pejabat-pejabat tidak ada ruang-ruang seperti itu mengikut spesifikasi.

Maka saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk satu, mewajibkan setiap bangunan yang baru dibina dalam perancangan dan sebagainya mewajibkan ruang untuk TASKA, memudahkan ibu-ibu yang bekerja di bangunan tersebut untuk menghantar anak?

Kedua, apakah cara bagaimana kerajaan bercadang untuk mengatasi isu ini yang mana bangunan-bangunan lama tidak mempunyai ruang yang sesuai untuk dijadikan TASKA di bangunan-bangunan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini adalah berkenaan dengan bangunan?

Puan Hannah Yeoh: Akan tetapi, saya boleh menjawab Tuan Yang di-Pertua kerana saya tahu fasal kes ini.

Okey, terima kasih Yang Berhormat, memang kita dalam perbincangan dengan KPKT mengenai penyelarasan dan untuk tujuan pendaftaran untuk kita dapatkan 90 peratus di luar sana untuk berdaftar.

Jadi, pilot projek kita di Putrajaya sangat penting untuk JKM dan kementerian-penemuan itu kita akan duduk bersama dan melihat kenapa 90 peratus di luar tidak boleh berdaftar. Mereka memang mempunyai banyak kekangan teknikal seperti yang saya telah jelaskan- tidak dapat sokongan daripada jiran sebelah dan juga sekarang ini kita dalam proses untuk menggalakkan majikan membina TASKA di tempat kerja.

Jadi, ada permintaan ataupun soalan yang datang daripada industri perkilangan di mana mereka mempunyai banyak warga kilang mereka, wanita dan mempunyai anak tetapi adakah kilang merupakan satu tempat yang sesuai untuk kita bina taska. Jadi, isu-isu spesifik dan teknikal ini kita sudah ada satu kumpulan, *task force* untuk melihat penemuan di Putrajaya yang kita boleh lalui dan kita kena atasi semua kekangan teknikal itu supaya kita boleh implementasikan di seluruh Malaysia. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup Yang Berhormat tiga orang. Silakanlah, Datuk Suhaimi ini susah sikit.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada kementerian, kepada Yang Berhormat Menteri kerana banyak terdapat ibu-ibu yang terlibat dengan dadah yang mempunyai anak dan mereka ini dimasukkan ke dalam pusat-pusat pemulihan, *rehab center*.

Kalau di luar negara kerajaan mereka sudah mula prihatin dengan anak-anak yang hendak dibesarkan oleh pusat latihan ini. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan bercadang akan mengadakan tadika di dalam pusat-pusat *rehab center* ataupun penjara untuk ibu-ibu yang mempunyai anak kecil ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun dadah itu luar tetapi adakah mengadakan tadika dalam penjara dan sebagainya?

Puan Hannah Yeoh: Untuk menjawab soalan seperti ini memang senang- kerajaan akan kata kita akan mengkaji cadangan yang baik tetapi kita kena lihat dan bincang dulu dengan pihak berkuasa, di tempat-tempat seperti ini sama ada sesuai ataupun tidak untuk membawa anak-anak masuk ke tempat tersebut.

Seperti *detention center* juga, Imigresen kita juga telah menjalankan proses dialog dengan pusat Imigresen untuk melihat bukan sahaja warga Malaysia tetapi kanak-kanak warga asing yang ditahan *unaccompanied minor* dalam *detention center* sama ada kita hendak keluarkan ataupun kita hendak pastikan mereka tinggal di situ bersama kawan-kawan atau ibu bapa yang ada dalam pusat tahanan.

Jadi dalam proses ini kita kena pertimbangkan, *what is in the best interest of the child?* Memang kita sudah mula perbincangan dengan pusat Imigresen. Hasrat kementerian adalah untuk mewujudkan satu negara, satu Malaysia yang lebih selamat untuk semua kanak-kanak bukan sahaja kanak-kanak Malaysia tetapi kanak-kanak warga asing juga. Itu adalah

tanggungjawab kita untuk menjaga mereka kerana mereka masih kecil dan tidak boleh menjaga kebajikan sendiri. Terima kasih.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. sebelum saya mengemukakan soalan, saya terlebih dahulu mengalu-alukan kedatangan Persatuan Komuniti India Cemerlang Negeri Kedah ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

2. **Dato' Haji Husain bin Awang** minta Perdana Menteri menyatakan, persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh terutamanya bagi mengelak implikasi buruk akibat banjir.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini izinkan saya mengucapkan juga tahniah kepada dua orang Senator yang baharu dilantik khususnya pada sahabat saya Yang Berhormat Senator Dr. Haji Yaakob bin Sapari.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Dato' Haji Husain bin Awang adalah berkaitan dengan isu-isu banjir. Untuk makluman Yang Berhormat, Monsun Timur Laut (MTL) telah bermula pada 27 Oktober 2018 dan dijangka berakhir pada Mac 2019. Bagi meminimumkan implikasi buruk akibat banjir, kerajaan melalui pelbagai kementerian akan terus melaksanakan 212 projek fizikal di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, RMK-11 yang melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM95.5 bilion.

Memandangkan Yang Berhormat daripada Terengganu, bagi negeri berkenaan- bagi negeri Terengganu sahaja, sebanyak 31 projek fizikal telah diluluskan di bawah RMK-11 yang melibatkan sejumlah RM283 juta yang melibatkan pelbagai kementerian, Yang Berhormat.

Untuk maklumat Yang Berhormat semua agensi yang terlibat dengan pengurusan bencana telah pun bersiap-siaga untuk menghadapi banjir dalam Monsun Timur Laut kali ini. Persediaan yang telah dibuat adalah antaranya seperti berikut:

- (i) agensi yang dipanggil *first responder* iaitu yang melibatkan tiga agensi polis, bomba dan Angkatan Pertahanan Awam. Di mana agensi ini telah menyediakan kekuatan anggota seramai 78,612 orang;
- (ii) sebanyak 5,482 pusat pemindahan telah disediakan di mana 1,080 buah pusat pemindahan di kawasan berisiko yang dilanda banjir telah diaktifkan;

- (iii) enam Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DSKB), 162 stor bencana dan 528 pangkalan hadapan telah diperengkap dengan bekalan makanan dan keperluan mangsa;
- (iv) sejumlah 1,454 buah kenderaan pacuan empat roda, 15 aset udara, 425 ambulans, 859 lori- tidak termasuk lori yang pergi demo itu ya- ICERD, kadang-kadang hendak bergurau supaya...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sebanyak 138 bot polis, bomba dan APM telah diaktifkan.

Tuan Yang di-Pertua, manakala bagi memastikan kebajikan pesakit yang memerlukan pemerhatian khusus pelihara, hospital ini telah mengenal pasti mereka. Kementerian Kesihatan juga telah bersedia dari segi logistik dan stok ubatan.

Yang Berhormat, pada 30 Oktober 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan supaya tiga perkara:

- (i) kegiatan pembalakan semasa Monsun Timur Laut (MTL) dihentikan;
- (ii) cuti anggota yang terlibat dibekukan mulai November hingga Disember 2018 dan boleh dilanjutkan sehingga Mac 2019 sekiranya keadaan memerlukan; dan
- (iii) rakyat khususnya mangsa banjir perlu mematuhi arahan pihak berkuasa untuk memindahkan segala bentuk operasi. Rakyat juga dinasihati untuk menjaga kebersihan di pusat pemindahan khususnya tandas agar sistem kumbahan tidak mengalami masalah tersumbat dan kesihatan semua terpelihara.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kerjasama daripada NGO seperti MERCY, MBM, dan beberapa yang lainnya telah diperkukuhkan dan kepakaran mereka juga akan digerakkan sekiranya perlu.

Bagi menghadapi Monsun Timur Laut kali ini inisiatif baharu juga diperkenalkan adalah seperti. Satu, pemberian peruntukan awal daripada Tabung Keperluan Wang Amanah Bencana Negara (KWABBN) sebanyak RM1.74 juta bagi perbelanjaan sekretariat jawatankuasa pengurusan bencana negeri dan perbelanjaan operasi jawatankuasa pengurusan bencana daerah selain daripada peruntukan agensi berkaitan. Penyerahan ini telah selesai 19 November.

■1030

Seterusnya rundingan kerjasama dengan Telco di bawah *Corporate Social Responsibility* (CSR) juga telah menyampaikan hebahan notis amaran banjir kepada penduduk yang terlibat melalui sistem pesanan ringkas.

Ketiga, rundingan kerjasama dengan *Indah Water Consortium* (IWK) bagi memastikan sistem kumbahan di pusat pemindahan di selenggara sepenuhnya. Kerajaan juga telah meminta Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bagi membangunkan peta risiko bencana negara membolehkan respons dan perancangan awal yang lebih efektif dibuat.

Seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga turut diminta untuk menyelenggarakan perparitan di kawasan masing-masing. Akhirnya, bagi jangka panjang, kerajaan akan terus mencari kaedah pengurangan risiko bencana melalui penerapan sains dan teknologi yang berkesan untuk menyokong proses membuat keputusan dan tindakan yang lebih tepat dan cepat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan negara kita di Malaysia setidak-tidaknya mempunyai usaha bagi mengurangkan risiko bencana banjir yang memerlukan kepada penelitian yang khusus dari semua pihak. Kawasan yang mudah dilanda banjir bagi negara adalah dianggarkan lebih kurang sembilan peratus daripada keluasan tanah negara. Bencana banjir ini dikatakan setiap tahun berlaku dan sememangnya berlaku di negara kita.

Bagaimana negara dapat pastikan ataupun kerajaan dapat pastikan pengurusan bencana banjir ini dilakukan dengan baik melalui langkah-langkah pencegahan sehingga tidak perlu terlalu fokus kepada usaha pemindahan dan sebagainya. Itu soalan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jangka masa panjang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat saya hendak beritahu selepas berlakunya peristiwa banjir yang besar di Kelantan itulah telah ditubuhkan NADMA. NADMA ini adalah badan yang menguruskan bencana dan tidak terhad bukan untuk banjir sahaja. Sebenarnya berdasarkan perundingan saya dengan pihak-pihak yang telah memberikan makluman kepada saya, memang sekarang ini boleh dikatakan mereka agak lebih bersedia dan banyak

memperkenalkan sistem-sistem yang diperkenalkan ini yang mungkin dahulu tidak wujud ataupun tidak begitu dilaksanakan.

Sebagai contoh, wujudnya sistem warna. Kalau melibatkan banjir ini kalau dua hari sebagai contoh sebelum berlakunya ada warna kuning, ada warna biru ada warna jingga sampai ke warna merah. Itu contohlah bagaimana proses siap siaga itu dibuat dengan lebih baik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sekarang ini proses untuk banjir ini mereka menyediakan persiapan ini dalam bentuk sebelum, semasa dan juga pasca banjir selepas banjir. Jadi ini memang telah pun dibuat dengan, saya rasa kalau dilihat perancangan itu memang perancangan yang baiklah. Cumanya kadangkala Yang Berhormat, kita akuihlah, walaupun perancangan yang baik macam mana pun kadang-kadang kita pun ini melibatkan semua negara dalam dunia ini pun sebagaimana hebat pun kadang-kadang ada masa-masa berlaku di luar kawalan kita. Kalau dalam undang-undang dipanggil '*Act of God*' ini kadang-kadang melibatkan yang kita tidak ini. Jadi...

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan saya tadi ialah berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil sebagai langkah pencegahan. Apa yang dijawab oleh Yang Berhormat itu ialah langkah-langkah pengurusan ketika banjir berlaku ataupun persiapan yang menghadapi banjir. Soalan saya belum dijawab itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, nanti saya bagi jawapan bertulis kalau Yang Berhormat tidak puas hati. Sebenarnya saya hendak kata Yang Berhormat, pengurusan itu adalah langkah pencegahan itu melibatkan pengurusan. Kalau dahulu Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat sudah jawab berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil semasa banjir. Soalan itu ada tak rancangan- rancangan supaya banjir sebegini boleh dielakkan pada masa akan datang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sebenarnya Yang Berhormat dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, berdasarkan yang saya dapat makluman ini ialah, memang langkah-langkah itu telah diambil untuk pencegahan akan datang juga. Cumanya pencegahan ini walau macam mana hebat dibuat pun seperti yang saya kata tadi, kadangkala dia di luar kawalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ha, itu kadang-kadang yang susah kita hendak kawal. Akan tetapi, langkah-langkah pencegahan ini memang saya difahamkan memang

diambil. Yang Berhormat tidak perlu risaulah. Cumanya untuk banjir yang kali ini saya difahamkan mungkin tidak berlaku banjir besarlah. Saya tanya tadi, adakah akan berlaku banjir besar seperti mana berlaku di Penang dan juga di Kelantan? Menurut yang diberikan makluman kepada saya, tidak akan berlaku sebesar yang macam dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukit dengan cerun-cerun untuk mendalamkan sungai?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Akan tetapi, saya sebenarnya Yang Berhormat saya ada senarai-senarai kerja-kerja yang telah dibuat. Kalau Yang Berhormat mahu, saya akan bagi kemudianlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, bolehlah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya ada di punya senarai. Akan tetapi saya rasa hendak jawab sebab panjang sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ha, nanti saya boleh bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan.

3. Puan Bathmavathi Krishnan minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan aspek *accessible tourism* diberi perhatian dari segi tempat kunjungan pelancong, pengangkutan, laluan awam, dan tempat penginapan yang mesra OKU serta menepati piawaian *universal design*.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

Tuan Yang di-Pertua, tahap kebolehcapaian kepada fasiliti produk pelancongan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan satu fokus berterusan bagi memastikan destinasi pelancongan, produk dan perkhidmatan boleh dikunjungi dan dinikmati oleh semua kategori pelancong tanpa mengira batasan fizikal, kecacatan atau usia.

Kementerian menyedari kepentingan pasaran daripada segmen pelancong berkeperluan khas ini dan memberi perhatian serius terhadap perkara ini selaras dengan visi kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia. Kementerian juga terus komited dalam memastikan semua kategori pelancong boleh melancong ke Malaysia dengan selamat dan selesa dengan berpandukan kepada prinsip, "*Tourism for All- promoting universal accessibility*" dengan izin, oleh *United Nations World*

Tourism Organization (UNWTO). Kementerian sentiasa peka dengan perkembangan terkini industri pelancongan dan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan pelancongan di Malaysia terutamanya dalam aspek *accessible tourism* bagi menarik minat pelancong, sama ada dalam ataupun luar negara. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) penetapan standard bagi setiap pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan di mana ia perlu mematuhi Piawaian Malaysia (*Malaysia Standard*) MS1184:2014 *universal design and accessibility in the built of environment*; dan
- (ii) kelengkapan yang perlu dipasang di setiap projek pelancongan termasuklah tanjakan iaitu ram, susur tangan- *hand rails*, tempat letak kereta yang boleh diakses, papan tanda dan tandas yang mesra OKU.

Selain itu kementerian juga telah menetapkan salah satu kriteria di bawah pengelasan premis penginapan pelancong iaitu sekurang-kurangnya satu bilik dengan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya hendaklah disediakan oleh premis penginapan mengikut Garis Panduan Penginapan Premis Pelancongan.

Kedua, bekerjasama dengan *Malaysian Inbound Tourism Association* (MITA) bagi pembangunan pakej-pakej pelancongan khas yang memenuhi pelancong kurang upaya. Pakej ini termasuk kemudahan seperti kerusi roda dan van pelancongan, bas dengan tanjakan ataupun ram. Destinasi pelancongan yang paling popular bagi golongan OKU yang saya boleh sebut di sini ialah Taman Tasik Perdana di Kuala Lumpur dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah.

Antara cadangan pakej-pakej lain untuk OKU termasuklah aktiviti menyelam skuba di Pulau Tioman dan memandu kereta perlumbaan di litar negara, Sepang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian sedang dalam proses mengkaji dan menggubal Dasar Pelancongan Negara 2020-2050. Dasar ini juga akan bersifat lebih menyeluruh, inklusif, komprehensif dan berpaksikan *trend* industri pelancongan di peringkat global yang meliputi pelbagai aspek dan subsektor pelancongan termasuklah *accessible tourism*. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat?

■1040

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berbunyi berikut.

Aktiviti rekreasi selam skuba atau *scuba diving* kini menjadi semakin popular juga di kalangan OKU. Dive Hard sebuah organisasi antarabangsa telah mempromosikan aktiviti ini di Malaysia bagi OKU. Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur mesra OKU di pulau-pulau destinasi selam skuba yang juga boleh menjadi sebagai tempat tarikan lebih ramai pelancong tempatan dan dari luar negara. Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih ke atas soalan tambahan tadi daripada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Saya anggap soalan itu soalan yang baik berkenaan dengan *accessible tourism*. Dive Hard iaitu satu organisasi yang menggalakkan aktiviti skuba dan saya sebut tadi aktiviti skuba di Pulau Tioman yang mempunyai satu pakej untuk Orang Kurang Upaya.

Kita mengalu-alukan mana-mana pertubuhan untuk mengadakan infra ataupun kemudahan mesra orang OKU dan kita tidak menyatakan bahawa kita akan memberi alasan dan sebagainya untuk menolak permohonan mereka. Pihak kementerian juga akan bekerjasama dengan mana-mana agensi dalam untuk memastikan bahawa, terutamanya daripada PBT, untuk memastikan bahawa program-program ataupun infra atau bangunan-bangunan yang hendak dibuat ataupun pusat pelancongan yang hendak dibina adalah mesti mematuhi MS 1184 ataupun piawaian standard untuk OKU.

Kementerian juga bercadang untuk mengadakan bengkel atau *workshop* untuk *industry player* ataupun pemain-pemain industri terutamanya daripada sektor pelancongan memberi kesedaran awam tentang perlunya kita bersifat inklusif dan perlunya infra-infra yang dibina memenuhi kriteria MS 1184 itu dan kita jemput pakar-pakar seperti Dr. Naziaty Mohd Yaacob daripada Universiti Malaya yang memang kita tahu dia adalah mereka yang aktivis...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, soalan khusus kepada...

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, saya bagi satu secara *general*...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah Yang Berhormat. Kita kekurangan masa Yang Berhormat.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Jadi, tentang fasal Pulau Tioman. Okey. Jadi, saya rasa harap-harap jawapan itu dapat...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya meminta maaf kepada Menteri-Menteri yang hadir, Dewan berterima kasih. Akan tetapi oleh sebab kekurangan dan kekangan masa ini, banyak soalan yang kita tidak dapat kemukakan.

4. Datuk Haji Husam bin Musa minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk memberikan imej baru kepada KEMAS dan sekolah-sekolah tadika dan taska kendalian KEMAS khususnya bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa atas soalan itu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebagai agensi yang berperanan untuk membangunkan masyarakat luar bandar, KEMAS akan meneruskan gerakan agenda pembangunan luar bandar seperti yang telah digariskan.

Seiring dengan hasrat Kerajaan Pakatan Harapan untuk melihat pembangunan Malaysia yang seimbang, maka peranan dan tanggungjawab anggota KEMAS sebagai penggerak masyarakat luar bandar akan terus diperkasa.

Oleh itu, dalam kerangka hala tuju baharu KEMAS, setiap anggota KEMAS dikehendaki untuk menumpukan fokus mereka kepada tugas-tugas hakiki serta melaksanakan program pembangunan masyarakat luar bandar melalui teras dan strategi yang telah digariskan dalam Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar.

Manakala, bagi mempertingkatkan pendidikan prasekolah, KEMAS telah menetapkan semua guru-guru di tabika dan taska KEMAS perlu memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Sehingga kini, terdapat seramai 61 peratus atau 7,672 orang guru-guru tabika dan taska KEMAS yang memiliki diploma.

Bagi pengambilan guru-guru baharu bermula tahun 2016, KEMAS hanya mengambil mereka yang mempunyai kelayakan minimum Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Manakala, guru-guru yang belum memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak, mereka perlu menghadiri kursus dalam masa cuti di institusi pengajian tinggi untuk mendapat diploma tersebut. Sepanjang tempoh lima tahun iaitu daripada tahun 2019 sehingga tahun 2023, KEMAS menyasarkan seramai 835 orang untuk mengikuti Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Daripada segi peningkatan penguasaan bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di tabika KEMAS, terdapat beberapa langkah telah diambil. Antaranya ialah pertama, memperkenalkan modul e-STREAM iaitu ringkasan pada *Science, Technology, Religion, Engineering, Arts dan Mathematics* yang telah dilancarkan pada 11 Oktober 2018.

Modul e-STREAM ini dibangunkan dengan kerjasama pakar-pakar dari bidang pendidikan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), badan bukan kerajaan iaitu *Competency In Early Childhood Education* (CECD Group) yang bekerjasama dengan NGO di *United Kingdom* (CACHE UK) dan Pertubuhan Sekolah Belantara yang bertujuan memupuk minat kanak-kanak seawal usia dalam bidang sains dan teknologi.

Modul e-STREAM ini juga adalah tambahan kepada modul asas Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang mengandungi enam tunjang iaitu tunjang komunikasi; kemanusiaan; keterampilan diri; sains dan teknologi; perkembangan fizikal; serta kerohanian, sikap dan nilai. Modul e-STREAM ini merupakan projek rintis yang dilaksanakan di sebuah tadika KEMAS di setiap negeri terlebih dahulu dan akan dikembangkan kepada tabika KEMAS di seluruh negara pada tahun 2019.

Program peningkatan kemahiran bahasa Inggeris. Ini yang kedua. Program yang kedua. Selain pendekatan bahasa Inggeris dalam KSPK, KEMAS juga telah merangka program tambahan bermula tahun 2016 iaitu modul saringan pengukuhan dan pengayaan atau MSPP di mana aktiviti saringan *literacy* bahasa Inggeris, *reading and writing*, dengan izin, terhadap kanak-kanak umur enam tahun dilaksanakan sebanyak tiga kali setahun. Pencapaian kanak-kanak dikongsi bersama ibu bapa dan pengukuhan diadakan semasa cuti sekolah pada bulan Disember.

KEMAS juga akan mula mengadakan program *English is Fun*, dengan izin, bermula pada Januari tahun 2019 yang merupakan program berkonsepkan *English Day*. Ini akan dilaksanakan secara serentak di semua tabika KEMAS seluruh Malaysia. Aktiviti pembelajaran secara interaktif akan disediakan sebagai bahan bantu mengajar seperti dalam bentuk animasi dan *motion graphic*.

Akhirnya, KEMAS juga telah melaksanakan kajian kecekapan bahasa Inggeris di kalangan guru di tabika KEMAS dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah dimulakan pada pertengahan tahun 2018 bagi menilai tahap penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan guru dalam pengajaran dan pembelajaran di tabika

KEMAS. Tindakan penambahbaikan akan dibuat berdasarkan dapatan kajian ini setelah rumusan diperoleh pada bulan Disember tahun 2018. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Husam bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas jawapan tersebut. Kita tahu bahawa sebahagian besar pelajar ataupun murid tabika ataupun tadika KEMAS adalah pelajar-pelajar luar bandar. Sebarang kekurangan dalam pemberian pendidikan awal Bahasa Inggeris dan Matematik akan meningkatkan jurang. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi, apakah ada aplikasi-aplikasi khusus yang diguna pakai oleh KEMAS untuk peningkatan Bahasa Inggeris dan Matematik selain daripada modul e-STREAM yang disebutkan? Adakah pihak kementerian membuat tinjauan dan kajian terhadap aplikasi dan modul yang digunakan oleh tadika-tadika swasta di bandar-bandar di mana pencapaian mereka dalam memberikan penguasaan bahasa Inggeris dan Matematik adalah begitu berjaya sekali? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu. Saya mula dengan soalan kedua itu iaitu adakah tinjauan dibuat di peringkat sekolah tadika swasta.

■1050

Buat masa ini, kementerian belum buat apa-apa tinjauan di peringkat tadika swasta. Itulah statusnya buat masa sekarang. Tumpuan kita adalah untuk- macam saya sebutkan dengan program-program yang saya cadangkan tadi, untuk penambahbaikan kemahiran di dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi seperti sains, teknologi dan juga bahasa Inggeris. Jadi, itulah jawapan saya.

Dari segi- memang kita mengakui ada jurang di antara luar bandar dan bandar. Akan tetapi majoriti besar, boleh saya katakan majoriti besar tadika KEMAS adalah di kawasan luar bandar. Jadi, semua program yang saya huraikan tadi, kita harap akan memberikan manfaat yang berterusan kepada golongan itu. Jadi, itu sahajalah jawapan saya. Sekian, terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh tentang pertindihan kelas KEMAS dengan prasekolah seperti yang saya bangkitkan baru-baru ini. Kita melihat bahawa banyak kampung Orang Asli dan kampung Melayu tidak ada kelas KEMAS sedangkan pelajar yang di bawah umur itu ramai. Akan tetapi, di sesetengah tempat ada kelas KEMAS dan ada kelas prasekolah di bawah KPM.

Apakah tindakan kementerian untuk memindahkan kelas KEMAS ke kampung-kampung yang tidak ada kelas tadika?

Kedua ialah melihat kelas KEMAS di Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang, saya rasa itu satu-satunya kelas KEMAS di Malaysia yang berada di atas air. Sangat daif dan perlu baik pulih. Apakah tindakan pihak kementerian untuk membaik pulih tadika yang uzur? Sekian, terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Buat masa sekarang, memang kita tahu dua kementerian menjalankan pendidikan prasekolah. Institusi KEMAS atau Jabatan KEMAS adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan ada tadika prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Buat masa sekarang, belum ada apa-apa rancangan spesifik yang khusus untuk selaraskan isu ini. Akan tetapi kalau itulah cadangan Yang Berhormat Senator, memang ini akan diambil kira untuk masa hadapan. Dari segi penubuhan kelas-kelas KEMAS yang baharu, itu bergantung kepada permohonan. Katakan ada permohonan daripada mana-mana kampung yang belum ada apa-apa...

Tuan Yang di-Pertua: Kelas KEMAS.

Tuan Sivarasa Rasiah: Kelas KEMAS, permohonan itu boleh dipertimbangkan. Ini terpulang kepada keadaan di kampung itu dan sebagainya.

Berkaitan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang daif.

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, betul. Di Pasir Gudang, pihak-pihak KEMAS akan turun dan semak keadaan tadika KEMAS itu di Pasir Gudang. Itu akan diberikan keutamaan dari segi apa-apa selenggaraan yang perlu. Sekian, terima kasih.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mahu tanya tentang kriteria yang digunakan oleh KEMAS ataupun kementerian untuk membuka sesuatu tadika atau tabika KEMAS. Adakah ia mengambil kira prasekolah yang ada di sekolah berdekatan dan juga Tabika Perpaduan yang ada berdekatan? Ini kerana ia akan berlaku pertindihan fungsi dan juga perebutan kanak-kanak untuk ke tempat masing-masing. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, kriteria untuk membuka. Terima kasih di atas soalan itu. Apa yang hanya boleh saya sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, kriteria yang kita akan pakai untuk membuka satu tadika KEMAS baharu ialah- memang seperti yang saya sebutkan tadi, permintaan daripada penduduk.

Kedua ialah unjuran kanak-kanak. Berapakah kanak-kanak yang ada di kawasan kampung itu. Adakah jumlah itu sesuai untuk pembukaan satu kelas KEMAS yang baharu.

Dari segi pertindihan, sebab soalan ini pun juga menyentuh soal pertindihan. Memang kita ada kerjasama. Tadi saya sebut kita belum ada satu program khusus untuk melihat ini secara keseluruhan, seluruh Malaysia dan sebagainya. Akan tetapi memang apabila kita buka yang baharu, kita juga akan lihat sama ada terdapat kelas prasekolah di bawah KPM dan semua itu akan diambil kira. Kita tidak mahu menambahkan kepada pertindihan yang sedia ada. Kerjasama ada di antara Kementerian Pendidikan dan kita. Akan tetapi yang saya sebutkan tadi, penjelasan ini adalah untuk satu program jangka masa panjang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Anggaran jumlah murid yang diperlukan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, anggaran jumlah murid adalah sekurang-kurangnya 25 orang sehingga 30 orang murid.

5. Puan Hajah Sabani binti Mat minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menggalakkan kaum bukan Melayu khususnya untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Soalan ini agak kerap ditanya di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara, jawapannya hampir sama. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif di peringkat kebangsaan mahupun peringkat negeri bagi menarik minat kaum bukan Melayu untuk menyertai ATM. Antara inisiatif yang diambil untuk menggalakkan kaum bukan Melayu menyertai ATM adalah seperti berikut:

- (i) pameran kerjaya ATM;
- (ii) promosi memasuki perkhidmatan ATM melalui media sosial;
- (iii) pengiklanan dan promosi pengambilan memasuki ATM melalui media cetak;
- (iv) mengadakan promosi khas di Sekolah Menengah Kebangsaan termasuklah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina dan juga Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil serta institusi awam dan swasta yang mempunyai ramai pelajar bukan Melayu;
- (v) melaksanakan pemilihan di lokasi pengambilan yang dekat dengan komuniti-komuniti;

- (vi) menyediakan Pusat Khidmat ATM yang menyediakan kaunter-kaunter pendaftaran pemilihan bagi memberikan penerangan mengenai perkhidmatan ATM dan mendaftar secara *online* pada sebilangan masa kepada calon-calon yang berminat; dan
- (vii) mengadakan kerjasama dengan NGOs supaya mempamerkan dan juga memaklumkan masyarakat berkenaan dengan perkhidmatan ATM.

Justeru, Kementerian Pertahanan mempelawa agar Ahli-ahli Dewan bersama-sama memainkan peranan mempromosikan ATM kepada warga belia setempat khususnya kaum bukan Melayu. Terima kasih.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Walaupun mungkin macam mana Yang Berhormat Menteri katakan tadi, soalan ini kerap ditanya dalam sama ada di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, tetapi saya kemukakan juga soalan ini adalah di atas sebab kerana kita tahu bahawa isu kurangnya penglibatan orang-orang bukan Melayu khususnya dalam angkatan tentera ini adalah merupakan satu isu yang lama.

Maksudnya, sejak daripada awal kemerdekaan lagi dan sehingga sekarang ini, ini bukan bermakna kerajaan tidak mengadakan apa-apa usaha untuk menarik minat golongan-golongan tersebut. Akan tetapi mungkin atas dasar gaji, atas dasar sukar kenaikan pangkat, atas dasar bekerja sebagai angkatan tentera ini satu kerja yang memerlukan disiplin yang tinggi, memang punlah. Jadi, itu antara sebabnya.

Jadi setakat sekarang ini, kalau saya baca perangkaan yang dikeluarkan pada hujung tahun 2017, mengatakan tidak sampai 10 peratus pun penglibatan, maksudnya bukan orang Melayu dalam angkatan tentera. Jadi setakat sekarang, apakah usaha-usaha kerajaan selain daripada apa yang Yang Berhormat Menteri katakan tadi? Maksud saya, hendak bagi ia menarik minat di kalangan golongan tersebut. Ini sebab menjaga keamanan, keselamatan negara tidak terletak kepada satu bangsa sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang penglibatan bukan Melayu dari Sabah dan Sarawak itu tinggi, hampir 16 peratus penglibatan dari Sabah dan Sarawak.

■1100

Akan tetapi memang saya setuju dengan Yang Berhormat Senator, kita memerlukan perspektif baharu. Kementerian akan mengambil kira cadangan-cadangan Yang Berhormat Senator dan juga membuat kajian dan memberi ruang kepada semua, terutamanya Ahli-ahli

Dewan ini supaya kita boleh membaiki dan juga mengambil kira, mendapat lebih ramai bukan Melayu dalam ATM. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Laksamana.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingat moto untuk tentera darat dan juga tentera udara tetapi untuk tentera laut, "Sedia Berkorban". Ini juga mungkin menakutkan orang-orang yang hendak menyertai angkatan tentera. Apa kata kalau kita kaji semula moto-moto tersebut macam tentera laut di negara luar, ada yang menggunakan, "*Join the Navy to sail the seven seas*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Mungkin ia akan memberi kelonggaran sekatan pemikiran kepada bangsa-bangsa lain, bangsa-bangsa bukan Melayu untuk menyertai angkatan tentera. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun hendak tambah sedikit kerana ini isu patriotisme. Oleh kerana kaum Bumiputera sahaja yang ramai dalam tentera, ia memberi gambaran bahawa kaum lain ini tidak patriotik. So, saya pun hendak tahu usaha.

Tuan Liew Chin Tong: Jawab Tuan Yang di-Pertua ini [*Ketawa*] Saya rasa memang ada pelbagai isu tetapi dalam Malaysia Baharu ini kita boleh ambil pendekatan baharu. Saya rasa kalau isu slogan ataupun moto itu, adakah itu lebih penting ataupun mungkin dengan *Paskal* baru-baru ini, minat daripada pelbagai kaum daripada semua saya rasa akan meningkat tahun ini kerana *Paskal*. So, mungkin kita memerlukan pendekatan baharu. Adakah isu ini isu patriotisme ataupun isu ini isu lain seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, saya rasa kita boleh ambil pendekatan baharulah.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua tidak faham *Paskal*. Tuan Yang di-Pertua tahu *Paskal*? *Paskal* merupakan satu *movie* yang dilakonkan oleh Pasukan Khas Tentera Laut...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Ia memang menarik, Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh cadangkan supaya ditayangkan di Dewan Negara ini juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju Yang Berhormat Senator Laksamana. Tidak ada soalan tambahan?

Datuk John Ambrose: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Menteri ini hebatlah.

Datuk John Ambrose: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini- ya, ada soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah statistik taburan mengikut kaum bagi setiap pangkat dan jawatan dalam tentera?

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya ingat Menteri tidak ada...

Tuan Liew Chin Tong: Ya, saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Saya ingin tanya soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan merekrut pegawai tentera masuk ke dalam servis. Bagaimana peranan macam PALAPES contohnya, di universiti dan sebagainya untuk meningkatkan minat untuk menyertai angkatan tentera udara dan sebagainya dalam memenuhi keperluan semasa?

Tuan Liew Chin Tong: Sebenarnya PALAPES ataupun Wataniah adalah cara untuk dapat lebih ramai mereka yang tidak mahu berkhidmat secara sepenuh masa tetapi mereka juga ingin berkhidmat secara *volunteer* ataupun secara sukarelawan. Kita perlu kaji semula Wataniah. Wataniah itu pendekatan yang baik tetapi perlu dinaiktarafkan, perlu dikaji semula, perlu ditambah baik. Itu kementerian sedang usahakan. PALAPES itu, satu cara yang baik juga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingat sehingga satu *affirmative action*, dengan izin, diambil, soalan seperti ini akan dibangkitkan, sering dibangkitkan.

Tuan Liew Chin Tong: Saya ingat dalam pemerintahan sebelum ini atau kerajaan sebelum ini ada satu program untuk meningkatkan penglibatan kaum India sampai ke tujuh peratus dalam tujuh tahun. Program itu akan diteruskan dan sedang diteruskan. Itu pun satu cara untuk menaikkan peratusan penglibatan kaum-kaum lain. Kementerian masih juga akan kaji cara lain. Terima kasih.

6. Dato' Sri Khairudin Samad minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, apakah perancangan dan usaha kerajaan dalam memastikan kestabilan ekonomi negara berada dalam keadaan yang baik dan kuasa beli rakyat dapat ditingkatkan secara menyeluruh.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, suara serak sedikit, tidak berapa sihat. Ekonomi Malaysia

terus kekal stabil pada kadar pertumbuhan 4.7 peratus setahun bagi tempoh suku tahun pertama sehingga suku tahun ketiga 2018. Pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan domestik yang disokong oleh penggunaan swasta yang terus kukuh.

Kestabilan ekonomi ini juga disokong oleh kepelbagaian sumber pertumbuhan ekonomi yang tidak terlalu bergantung kepada mana-mana komoditi, sektor atau pasaran eksport. Kadar pengangguran pula terus berada pada tahap guna tenaga penuh iaitu pada kadar di bawah empat peratus. Manakala, kedudukan inflasi terus terkawal dan menunjukkan trend penurunan kepada 0.6 peratus pada bulan Oktober 2018.

Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan ke arah negara maju dan inklusif, kerajaan juga telah memperkenalkan dasar sosioekonomi dan inisiatif dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas untuk mengukuhkan lagi asas ekonomi dan meningkatkan daya saing negara. Bagi tujuan ini, lima strategi ekonomi makro telah dikenal pasti seperti berikut:

- (i) memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif, di mana produktiviti buruh adalah disasarkan sebanyak RM88,450 setiap pekerja pada tahun 2020, berbanding dengan RM81,268 untuk tahun 2017;
- (ii) menggalakkan pelaburan berkualiti bagi menerajui pertumbuhan ekonomi dengan memberi keutamaan kepada pelaburan yang berintensif modal serta pelaburan yang menyumbang kepada penjaan aktiviti ekonomi bernilai tinggi;
- (iii) melaksanakan inisiatif untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi, termasuk mencergaskan sektor pembuatan ke arah menghasilkan produk yang lebih kompleks dan bernilai tinggi;
- (iv) mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baik imbalan pembayaran negara; dan,
- (v) memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemapanan dalam jangka sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga akan memastikan pertumbuhan ekonomi lebih memanfaatkan rakyat, di mana kuasa beli rakyat perlu ditingkatkan seiring dengan peningkatan pendapatan. Antara lain inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kuasa beli rakyat adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah melalui program peningkatan pendapatan serta penyediaan keperluan asas yang meliputi aspek perumahan, pendidikan dan kesihatan;
- (ii) meningkatkan keupayaan isi rumah B40 mendapat pekerjaan, terutama bagi pekerjaan berpendapatan tinggi dengan membina kapasiti dan keupayaan melalui pendidikan dan latihan kemahiran;
- (iii) menggalakkan program-program pembangunan keusahawanan dan ekonomi perkongsian atau *sharing economy* dengan keusahawanan sosial atau *social enterprises*, dengan izin, termasuk pembangunan kemahiran usahawan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana;
- (iv) meningkatkan produktiviti dalam kalangan isi rumah B40 melalui penggunaan teknologi dan amalan kerja terbaik. Isi rumah, terutamanya yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan perikanan akan digalakkan untuk memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan produktiviti. Sementara itu, pekebun kecil getah dan kelapa sawit akan digalakkan untuk menggabungkan aktiviti menerusi pengurusan berasaskan komuniti bagi menjamin jualan secara pukal untuk menikmati faedah ekonomi bidangan atau *economy of scale*;
- (v) meningkatkan sistem perlindungan sosial bersepadu dan komprehensif, khususnya bagi isi rumah B40 melalui pelaksanaan program perlindungan sosial oleh pelbagai agensi kerajaan;
- (vi) melaksanakan dasar gaji minimum yang diselaraskan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi membolehkan peningkatan langsung kadar bayaran kerja lebih masa (*overtime*), caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan perlindungan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO);

■1110

- (v) meneruskan pemberian subsidi ke atas barangan keperluan yang terpilih di samping penyeragaman harga antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan juga diberikan kepada menangani cabaran struktur seperti meningkatkan produktiviti buruh, memastikan pelaburan dan inovasi yang berkualiti dan mendorong industri untuk meningkatkan rantai nilai ke arah mencapai ekonomi yang

mampan dan bersifat inklusif. Kerajaan yakin dengan Dasar Pembangunan Ekonomi yang diperkenalkan ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, bahkan akan mampu meningkatkan kuasa beli rakyat secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada apa dah?

Dato' Sri Khairudin Samad: Bukan, dirangkumi. Saya hendak tanya soalan sosial, jawapan Menteri tadi cukup hebat, merangkumi soalan tambahan saya. Jadi, saya bagi peluang kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang lain kalau ada. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bila bertanya dengan soalan itu, pendek sikit. Ini dasar kementerian dah ditanya dah. Jawapan pun dah beri tapi Yang Berhormat Yusmadi nak tanya juga, silakan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya soalan mewakili, dengan izin, *the bottom of the pyramid*.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Soalan saya khusus kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam menjelaskan dasar-dasar tadi, pada pandangan saya ia masih lagi menggambarkan sangat *broad*, sangat luas. Cuma adakah pendekatan yang lebih khusus, terutama kepada mereka yang, dengan izin, *the bottom of the pyramid*, terutama yang golongan miskin. Adakah indikator-indikator tertentu digunakan?

Contoh macam semalam, kita dengar harga telur, dah semua cakap fasal telur. Contoh, kalau dulu, dengan izin, *the genius of* Profesor Diraja Ungku Aziz ini, dia pakai indeks sarung. Dia boleh tahu orang kampung ini ada berapa sarung, kaya dia banyak mana. Jadi, sekarang ini mungkin kementerian dalam merangka dasar yang sangat umum ini, apakah indikator khusus kerajaan untuk menilai kemampuan tadi ini, rakyat miskin di bawah, terutama di desa. Mungkin kalau ada pendekatan yang boleh dijelaskan.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Antara pendekatan bila kita bercakap tentang rakyat termiskin, dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 disebut tentang penggunaan *Multidimensional Poverty Index* yang merangkumi pelbagai perkara, dari segi pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

Maklumat lanjut tentang hal tersebut adalah di dalam buku KSP RMKe-11. Itu antara lain memberi gambaran bahawa kerajaan mengambil berat tentang apabila kita bercakap tentang kemiskinan, bukan sahaja tentang pendapatan garis kemiskinan tetapi juga pelbagai dimensi yang melibatkan kebajikan rakyat. Seperti saya sebut tadi termasuklah akses kepada pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Sekian, terima kasih. Itu antaranya ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.

7. Tuan Aknan a/l Ehtook minta Menteri Pengangkutan menyatakan, langkah yang diambil bagi menangani masalah pemandu lori yang positif dadah seperti kes pemandu lori yang membawa besi terbabas berdekatan Terowong Menora pada 7/10/18. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian ke atas pemilik kenderaan berat atau majikan pemandu yang didapati memandu di bawah pengaruh bahan yang memabukkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook di atas soalan yang merujuk kepada suatu insiden khusus di Terowong Menora pada 7 Oktober 2018 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pemanduan di bawah pengaruh bahan, *driving under the influence*, dengan izin, yang memabukkan, termasuk penyalahgunaan dadah boleh menyebabkan pemandu kenderaan berkenaan memandu dalam keadaan yang membahayakan keselamatan pengguna jalan raya yang lain, termasuk diri beliau sendiri. Tata Amalan Keselamatan Industri atau *Industrial Code of Practice (ICOP)*, dengan izin, SPAD menggariskan keperluan pengendali berlesen memeriksa serta memantau tahap kesihatan dan keadaan fizikal pemandu sebelum pemandu memulakan pemanduan. Kegagalan pengendali untuk mematuhi keperluan di bawah ICOP Keselamatan SPAD ini merupakan satu pelanggaran syarat lesen dan tindakan undang-undang atau tindakan pentadbiran boleh dikenakan terhadap pengendali yang tidak mematuhi keperluan yang disyaratkan itu.

Tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas pengendali adalah pengeluaran kompaun bagi kesalahan yang dilakukan atau kes didakwa di mahkamah. Manakala, tindakan pentadbiran yang boleh diambil ke atas pengendali adalah seperti tindakan penggantungan permit kenderaan ataupun penggantungan lesen pengendali. SPAD juga menjalankan audit pasca pelanggaran ICOP Keselamatan ke atas pengendali yang terlibat dalam kes

pelanggaran maut. Mengambil contoh kemalangan maut berhampiran Terowong Menora pada 6 Oktober 2018 yang mengorbankan lima nyawa, melalui audit pasca pelanggaran SPAD telah mendapati bahawa pengendali telah gagal untuk mematuhi keperluan ICOP Keselamatan.

Kegagalan pengendali telah menyebabkan kesemua permit kenderaan yang dilesenkan kepada pengendali digantung selama 14 hari bagi memberikan kesedaran kepada pengendali tentang kepentingan untuk memastikan keperluan yang disyaratkan di bawah ICOP Keselamatan itu dipatuhi.

SPAD juga telah menjalankan audit susulan dan pengendali tersebut didapati telah menunjukkan penambahbaikan atas pematuhan keperluan ICOP Keselamatan. Sememangnya terdapat peruntukan-peruntukan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 di bawah seksyen 44 yang merujuk khusus kepada pemanduan di bawah pengaruh minuman yang memabukkan dan dadah dan seksyen 45A yang merujuk kepada kepekatan alkohol yang melebihi daripada had yang ditetapkan.

Berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987, selain seksyen 44, dan seksyen 45A yang merujuk kepada kemalangan biasa dan kemalangan yang melibatkan kematian, di bawah Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan (Mata Demerit) 2017, memandu kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi paras yang dibenarkan dan memandu kenderaan motor di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah akan dikenakan sebanyak 10 mata demerit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, lazimnya bila kita dengar ada kemalangan maut melibatkan lori dan bas. Kemudian hari berikutnya kita dapati dalam laporan akhbar mengatakan bahawa pemandu berkenaan ada 30 saman hingga 40 saman yang masih tertunggak. Tidakkah ada mekanisme yang tertentu untuk memastikan bahawa mereka yang ada saman bilangan tertentu boleh kita, dengan izin, *take off of the road* supaya tidak membahayakan pemandu ataupun pengguna jalan yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah cadangan kementerian?

Dato' Kamarudin Jaffar: Ada Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana saya sebutkan dalam salah satu jawapan atau penggulungan saya minggu yang lalu, kita sedang memperketat lagi bahawa saman apabila mencukupi masa yang dibenarkan, saya fikir 60 hari, maka urusan mahkamah akan bermula. Apabila urusan pendakwaan mahkamah bermula, nama-nama yang terlibat itu akan disenaraihitamkan dan oleh itu urusan-urusan dengan JPJ

ataupun urusan-urusan lain akan terhad dan menandakan bahawa saya rasa, maka nama orang-orang yang terlibat itu akan dalam perhatian JPJ, SPAD dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chung.

[Soalan No. 8 – YB. Datuk Ir. Yong Wui Chung tidak hadir]

9. Puan Hajah Rahemah binti Idris minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan, apakah usaha kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan untuk meningkatkan pendapatan peniaga kecil dan usahawan muda bagi mereka sama-sama bersaing dalam situasi ketidakpastian ekonomi pada waktu ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Puan Hajah Rahemah binti Idris atas soalan kepada kementerian ini yang ingin bertanyakan mengenai program-program keusahawanan yang meningkatkan pendapatan peniaga kecil dan usahawan muda, khususnya bagi sama-sama bersaing dalam institusi ketidakpastian ekonomi pada waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menjalankan berbagai-bagai aktiviti keusahawanan. Secara umumnya, semua program keusahawanan ini tidak menghadkan kepada had umur mana-mana. Ternyata dalam kebanyakan program-program yang telah dilaksanakan oleh kementerian, para pesertanya adalah anak-anak muda dan orang-orang muda kerana mereka inilah yang bersemangat dan mereka mencari peluang-peluang kehidupan melalui program-program keusahawanan.

Antara agensi kami yang sangat aktif dalam pembangunan usahawan ini ialah SMECorp. Mereka menjalankan pelbagai program seperti Program Rangkaian Perniagaan, Program Galakan Eksport Bumiputera di mana di dalam program-program begini, pemadanan perniagaan ataupun *business matching* dilakukan dengan syarikat-syarikat yang ternama, yang berjaya dan multinasional supaya mereka, anak-anak muda kita ini dapat meningkatkan usaha-usaha perniagaan mereka.

■1120

Begitu juga dalam Program Galakan Eksport Bumiputera ini, malah mereka disediakan geran bagi membantu peniaga-peniaga kecil, usahawan muda untuk memperkukuhkan produk perniagaan mereka.

Begitu juga SME Corp menjalankan program *Going-Export (Go-Ex)*. Ternyata program ini juga disertai ramai oleh anak-anak muda walaupun ia tidak terhad kepada anak-anak muda. Sebahagian mereka berjaya dengan kerjasama pihak MITI untuk mengeksport produk di luar negara. Begitu juga yang khusus juga *Business Accelerator Program* oleh SMECorp yang bersepadu, yang bermatlamat untuk membangun dan memupuk PKS yang dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan dengan menyediakan sokongan kewangan, nasihat dan teknikal.

Selain daripada SME Corp, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) membantu dalam *business coaching* untuk anak-anak muda ini. Ada satu lagi program di bawah *Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC)* yang menawarkan kemahiran pengetahuan dan rangkaian yang perlu oleh usahawan untuk memastikan mereka mampu menarik pelaburan dalam tempoh empat bulan setelah menyertai program.

Khusus sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua ialah Program TUBE, ini Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera yang mempunyai beberapa fasa, bimbingan yang rapat seperti mengadakan *boot camp*, memahamkan mereka dalam aspek-aspek keusahawanan, *business learning*, dengan izin, dan juga program bimbing ini ya, *hand holding* ini sehingga mereka dalam tempoh satu tahun dibimbing ini boleh mendaftarkan syarikat dan dibantu dengan geran RM15,000 sebagai permulaan untuk menjadikan mereka ini usahawan. Ini antara program yang khusus untuk anak-anak muda kita.

Dalam urusan umum yang lain, beberapa inisiatif turut dijalankan oleh kementerian dalam usaha membantu meningkatkan usahawan muda ini. Kita telah mengadakan beberapa siri Dialog Pembudayaan dan Pemeraksanaan Keusahawanan Anak Muda di MaGIC, Cyberjaya. Kita juga mengadakan Bengkel Teknikal Dana RM1 bilion yang disebut di dalam Manifesto Pakatan Harapan. Ada dana RM1 bilion dipohon untuk anak muda ini dan dialog ini bertujuan untuk membina satu platform bagi usahawan muda bertukar-tukar pandangan dan mengemukakan pelbagai idea untuk memperkasakan pembangunan serta kesejahteraan usahawan muda ini.

Bengkel ini disertai oleh beberapa kementerian termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Belia dan Sukan dan yang lain-lainnya. Satu Kertas Kabinet telah di bentang untuk membentuk Jawatankuasa Penyelarasan Dana Pemeraksanaan dan Keusahawanan Anak Muda ini dan telah diluluskan di mana Kementerian Pembangunan Usahawan menjadi pengerusinya.

Jadi *insya-Allah* dengan beberapa agensi lain seperti TEKUN juga memberikan bantuan untuk anak-anak muda kita maka, dengan izin, *the owners is on the youth now*. Jadi

insya-Allah dengan usaha-usaha Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin kita dapat membina lebih ramai usahawan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat bila bertanya soalan dan soalan Ahli-ahli Yang Berhormat ini naik, seharusnya Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan itu hadir. Kalau tidak hadir saya harap mereka akan wakilkan kerana kita ada Timbalan Menteri dan Menteri hadir untuk menjawab soalan dan membuang masa mereka bila hadir ke sini mereka boleh membuat kerja yang lain yang memberi manfaat. So, saya harap teguran saya ini diambil perhatian oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Puan Hajah Rahemah binti Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberi penjelasan dengan panjang dan lebar tentang program-program untuk anak muda ini. Syabas dan tahniah. Mudah-mudahan negara kita akan melahirkan ramai usahawan muda yang setaraf di peringkat dunia. Terima kasih banyak-banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan soalan tambahan.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita ketahui bahawa Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai pusat perniagaan dan juga kewangan antarabangsa ataupun Labuan IBFC sebagai pusat yang dapat mencetus aktiviti ekonomi yang lebih bermakna di pulau tersebut semenjak penubuhan IBFC pada tahun 1990. Labuan IBFC ini juga telah beroperasi sekian lama dan berkembang menjadi antara pusat perniagaan pertengahan pesisir dan juga pusat kewangan yang berkembang pesat dan terkemuka di rantau Asia Pasifik.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah pelan dan juga tindakan pihak kementerian dalam menjadikan pusat kewangan ini sebagai salah satu pusat yang dapat melatih dan meningkat ekonomi usahawan-usahawan bumiputera kita agar kita dapat bersaing di peringkat global. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab mengenai teguran Tuan Yang di-Pertua tadi saya berkeyakinan yang tidak hadir ini adalah sebab-sebab pentingnya, tidak sempat hendak memberitahu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, tetapi mewakili Menteri-menteri ini-saya hendak mewakili Menteri-menteri ini kami datang tidak adapun tidak apa. Kami seronok berada di sini. So, tidak ada kekecewaan ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini memberi gambaran yang buruk kerana kalau dia orang tidak hadir semua orang Menteri hadir soalan tidak naik...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya lah.

Tuan Yang di-Pertua: ...Tidak payahlah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Mungkin buruk di sini, tetapi bagi *bench* Menteri kita berasa tidak ada apa. Kami akan tetap menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih. Pertanyaan mengenai Labuan tadi ini, saya cukup merasa positif bahawa Labuan walaupun dikatakan sedikit malap buat masa ini bukan hanya di Labuan mungkin kesan ekonomi dunia tetapi dia bisa bangun semula, kata orang Indonesia ya. Jadi kita tahu di sana ada beberapa syarikat-syarikat yang ternama, dia ada *shipyard* dan kita ada *offshore* punya *banking system*.

Saya berharap, saya hendak menyebut kita ada satu Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dulu. Kita pakailah juga SL1M lagi ya buat sementara ini yang menempatkan graduan yang tidak bekerja di syarikat-syarikat ini. Saya mengharapkan anak-anak muda yang tidak dapat pekerjaan ini, dapat dilatih di bawah program ini di Labuan, di syarikat-syarikat di sana, bukan untuk menjadi pekerja tetapi diisi dengan sedikit program keusahawanan di dalam skim SL1M itu. Tidak seperti yang dahulu hanya berkisar mengenai program syarikat yang mereka ditempatkan.

Contohnya kalau Maybank mereka diberi latihan mengenai pengurusan kewangan tetapi ada unsur keusahawanan di sana. Kalau itu berlaku maka Labuan kita boleh masukkan dalam penyediaan tempat-tempat untuk latihan anak-anak muda kita. Jadi dalam aspek perniagaan yang lain jawapan yang tadi menepati seluruh negara termasuk Labuan, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah berkenaan dengan maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi apakah ia sudah sampai dan menyeluruh kepada seluruh pelosok masyarakat. Ini kerana di sana ada anak-anak muda yang prihatin dan ada juga anak

muda yang tidak prihatin yang mereka itu ialah menjadi anak muda yang terbiar dan dibiarkan dan mereka tidak ambil hal langsung dengan soal-soal maklumat ini.

Jadi sejauh mana langkah yang diambil oleh pihak kementerian supaya maklumat-maklumat yang baik ini betul-betul sampai ke sasaran dengan kerjasama penghulu, pegawai atau NGO supaya maklumat ini tidak apa orang panggil terhalang ataupun terbengkalai tidak sampai ke sasaran yang sebenar.

Kedua, sejauh mana usaha kementerian dengan kerjasama pusat-pusat tahanan dadah ini supaya penagih-penagih dadah yang sudah habis tempoh dan keluar ke dalam masyarakat dapat manfaat daripada apa yang disebut program-program yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Ini supaya mereka tidak kembali semula mengambil dadah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1130

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Boleh, boleh, *insya-Allah*. Menteri dia datang itu, dia akan jawab juga walau macam mana pun. Terima kasih Tan Sri. Saya seperti juga Yang Berhormat, baru saja menjadi Menteri. Jadi, sebelum ini pun saya pun tidak dimaklumkan walaupun sudah dua penggal di Kelantan sebagai Ahli Parlimen contohnya. Detil-nya memang kita tidak dimaklumkan, maksudnya adalah maklumat memang tidak sampai. Jadi, saya tidak bercadang untuk mengulangi kelemahan-kelemahan yang berlaku sebelum ini kerana apabila kita melihat banyaknya program ini, amat malang kalau ia tidak dimanfaatkan oleh rakyat secara menyeluruh.

Jadi, hasrat kita melalui kementerian ini, dengan menyediakan maklumat-maklumat dengan portal dan sebagainya pun mungkin tidak sampai. Kita kena proaktif sedikit dan *insya-Allah* kita mengambil cadangan daripada Yang Berhormat tadi untuk kita laksanakan supaya manfaatnya sampai kepada semua.

Mengenai bekas-bekas penagih ini, ini satu kelompok yang apabila berjaya melalui proses pemulihan ini, mereka mesti disokong dari segi kerjaya dan dari segi masa depan supaya tidak terdorong untuk kembali. Jadi, sekali lagi kita akan cari kaedah supaya program usahawan ini sampai kepada mereka kerana ini satu bidang yang neutral yang boleh meraikan bekas-bekas penagih ini, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari.

Dr. Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua, ini baru hendak bertanyakan soalan. *Alhamdulillah*, banyak program dibuat oleh kementerian untuk merangsang keusahawanan.

Saya hendak bertanya, apakah ada kajian setiap tahun untuk memantau sejauh mana keberkesanan program-program itu, berapa ROI nya. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua sebelum, saya teruskan saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari atas pelantikan ke dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya telah diganggu oleh bentara tadi. Soalan, soalan apa itu?

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya rasa Yang Berhormat ada dengar itu.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Saya faham soalnya Tuan Yang di-Pertua .

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, ini kerana saya tidak hendak cadangan nanti dia akan-Yang Berhormat Menteri ini suka berucap.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan saya, dalam banyak program kementerian, apakah ada kajian dibuat setiap tahun, ada agensi yang memantau sejauh mana keberkesanan program-program itu?

Tuan Yang di-Pertua: *Okay*, terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya baru tersedar Tuan Yang di-Pertua tadi diganggu sebentar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Soalnya sangat tepat. Saya berkeyakinan semua program kita perlu dipantau. Kalau tidak, kita tidak tahu, keberkesanan penggunaan dana awam kita sama ada memberikan kesan ataupun tidak ataupun pembaziran semata-mata? Ada banyak kaedah dan saya dimaklumkan agensi-agensi sentiasa melakukan pemantauan. SMECorp misalnya, mungkin kaedah pemantauan program-programnya malah mereka memberikan skor kepada program-program mereka dan juga usahawan-usahawan yang mereka lantik.

Agensi-agensi pembiaya melaporkan kejayaan pembiayaan mereka dalam konteks jumlah yang dikeluarkan dan juga bayaran balik dan antaranya ada yang agensi gagal mendapatkan bayaran balik yang baik seperti TEKUN sebelum ini. Perkara-perkara ini dimaklumkan kepada kementerian dan kita mengambil langkah-langkah supaya pemantauan ini diteruskan selain daripada kajian-kajian *one-off*, dengan izin, seperti yang dilakukan oleh SMECorp bagi meneliti kejayaan program-program yang khusus. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.34 pagi

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan DR.24/2018 Rang Undang-undang Kewangan 2018; DR.22/2018 Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2018; DR.23/2018 Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2018; DR.30/2018 Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2018; DR.31/2018 Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2018; DR.28/2018 Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2018; DR.29/2018 Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2018; DR.18/2018 Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2018; DR.20/2018 Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018; dan DR.34/2018 Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2018 sebagai nombor 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan 10 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 20 Disember 2018.”

Tuan Yang di-Pertua: Seorang yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2018****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.36 pagi**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kewangan 2018 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Cukai Jualan 2018 dibaca kali yang kedua sekarang.”

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan 2018 yang dicadangkan adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019 pada 2 November 2018. Selain itu, pindaan Rang Undang-undang Kewangan ini adalah bertujuan untuk menambah baik peruntukan perundangan percukaian untuk meningkatkan pentadbiran cukai, penguatkuasaan dan memperkukuhkan layanan cukai sedia ada yang mana memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa beberapa pindaan telah dicadangkan di dalam peringkat jawatankuasa yang mana telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 10 Disember 2018. Pindaan ini berbangkit setelah kerajaan perhalusi secara teliti beberapa langkah tertentu yang diumumkan semasa Belanjawan 2019. Ini termasuklah:

- (i) sekatan had masa ke atas elaun modal serta elaun cukai pelaburan yang kini dicadangkan kini tidak lagi dihadkan tempoh tuntutan;
- (ii) pengurangan kesan pengenaan cukai keuntungan harta tanah; dan
- (iii) pindaan berkaitan sekatan ke atas pemotongan perbelanjaan syarikat pemastautin yang mengurus niaga dengan entiti Labuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sebentar.

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sambung.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 97 Fasal yang dibahagikan kepada lapan bab seperti berikut.

Permulaan. Dalam bab "Permulaan" terdapat dua fasal seperti berikut:

- (i) fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2018; dan
- (ii) fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Cukai Jualan 2018.

■1140

Bab II yang terdiri daripada 28 fasal iaitu fasal 3 hingga 30 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu Akta 53 seperti berikut.

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Fasal 10, 11, 12, 15, 16, 17, 18, 19, 23, 23A, 23B, 23C, 23D, 24, 25, 27, 28, 29 dan 30 mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Fasal 13 disifatkan mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019, 2020 dan 2021. Fasal 14 disifatkan mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan 2020.

Fasal 4B dan fasal 5, 6, 6A, 7, 8, 19A, dan sub fasal 23AA disifatkan mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Fasal 4A dan fasal 9, 20, 21, 22, dan 26 disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 2 seperti berikut. Pertama, menggantikan peruntukan takrif "*Labuan company*" dengan peruntukan takrifan baharu yang merangkumi entiti Labuan selaras dengan yang diperuntukkan dalam Jadual 1, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dan bertujuan untuk memasukkan takrifan *research and development* (R&D), selaras dengan definisi yang dikeluarkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) bagi menyelaraskan definisi R&D tersebut di peringkat nasional dan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan di peringkat kementerian dan agensi kerajaan. Berikutan dengan takrifan R&D tersebut, pindaan berbangkit turut dilakukan

kepada Akta 53 dalam seksyen 34 dan 34A serta Jadual 3 melalui fasal 7, 8 dan 24 rang undang-undang ini.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 4A(ii) bagi meluaskan dan menjelaskan skop pembayaran kepada seseorang yang bukan pemastautin di Malaysia sebagai balasan ke atas sebarang nasihat, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 12 bagi memperuntukkan sebarang pendapatan yang diperoleh dari perniagaan yang dijalankan di Malaysia, adalah disifatkan sebagai pendapatan yang terbit di Malaysia dan dikenakan cukai di bawah Akta 53. Selain itu, peruntukan ini turut memperjelaskan definisi "*place of business*" bagi menangani isu bukan pemastautin dari negara yang tidak memasuki perjanjian pengelakan percukaian dua kali dengan Malaysia dan menjalankan perniagaannya di Malaysia.

Fasal 6A bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu bagi meminda seksyen 15A yang berbangkit daripada pindaan seksyen 4A(ii), berhubung pengenaan cukai ke atas apa-apa bayaran yang dibuat kepada bukan pemastautin bagi nasihat, bantuan atau perkhidmatan termasuk berkaitan pengurusan atau pentadbiran apa-apa pengusahaan, usaha niaga, projek atau skim saintifik industri atau komersial.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 39 bagi memasukkan peruntukan baharu (1)(r). Peruntukan baharu ini bagi menjelaskan bahawa apa-apa bayaran yang dibuat oleh seseorang pemastautin kepada syarikat Labuan tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta 53, melainkan dibenarkan di bawah peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan subseksyen 5F yang baharu kepada seksyen 44. Peruntukan baharu ini bagi menjelaskan kerugian larasan yang tidak dapat diserap dalam suatu tahun taksiran yang boleh dibawa ke hadapan dan dibenarkan potongan dihadkan bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran kerugian berlaku.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan peruntukan khas yang baharu berhubung dengan seksyen 43 dan seksyen 44. Peruntukan baharu ini bagi menjelaskan kerugian larasan yang tidak dapat diserap dalam suatu tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya boleh dibawa ke hadapan dan dibenarkan potongan untuk tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut hingga tahun taksiran 2025.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 44A seperti berikut:

- (i) meminda subseksyen 1 bagi menjelaskan layanan *relief* kumpulan, di mana satu syarikat menyerah, boleh menyerahkan kerugian tahun

semasa kepada satu syarikat menuntut, untuk tempoh tiga tahun taksiran berturut-turut sahaja;

- (ii) memasukkan peruntukan baharu (1A) bagi menjelaskan penetapan tempoh asas bagi tahun taksiran pertama syarikat menyerah beroperasi;
- (iii) memasukkan peruntukan baharu (aa) kepada subseksyen 44A(10), bagi menjelaskan ketidakpakaian tuntutan *relief* kumpulan tidak layak dituntut oleh syarikat yang menuntut sekiranya pada tahun taksiran yang sama mempunyai baki elaun cukai pelaburan dan rugi perintis yang belum diserap; dan
- (iv) meminda subseksyen 12 bagi menyelaraskan takrifan "*ordinary shares*" dan "*residual profits*" seperti mana takrifan di dalam Akta Syarikat 2016.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 44A, bagi menjelaskan suatu tempoh peralihan bagi menentukan tempoh kelayakan untuk syarikat menyerah yang telah memulakan operasi sebelum tahun taksiran 2019.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(k) bagi menaikkan amaun potongan pelepasan cukai individu ke atas amaun deposit bersih ke dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) daripada RM6,000 kepada RM8,000.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 49 seperti berikut:

- (a) menggantikan subseksyen 1 dengan peruntukan baharu bagi menjelaskan amaun potongan pelepasan individu bagi pembayaran premium insurans, caruman kepada skim yang diluluskan dan caruman berkenaan pencen dinaikkan kepada amaun tidak melebihi RM7,000. Amaun ini diasingkan kepada RM3,000 bagi pembayaran premium insurans dan takaful, manakala RM4,000 bagi caruman kepada skim yang diluluskan dan caruman berkenaan pencen duda, balu dan anak yatim; dan
- (b) menggantikan subseksyen 1A dengan peruntukan baharu bagi menjelaskan individu yang merupakan penjawat awam yang memilih skim persaraan berpencen, amaun pelepasan ke atas bayaran premium insurans hayat atau caruman takaful dibenarkan sehingga RM7,000.

Fasal 16 dan fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 60 dan 60A bagi menjelaskan penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans semula akan dikenakan kadar cukai baharu lapan peratus seperti di bawah perenggan 3, Bahagian 1, Jadual 1. Pindaan ini

juga turut memasukkan syarat substantif iaitu mempunyai bilangan pekerja berkemahiran tinggi sepenuh masa yang mencukupi dan jumlah perbelanjaan operasi yang mencukupi yang akan ditetapkan oleh Menteri.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 60AA bagi menjelaskan pengendali perniagaan takaful semula alir masuk akan tertakluk kepada kadar cukai baharu lapan peratus seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 4, Bahagian 4, Jadual 1.

■1150

Pindaan ini juga turut memasukkan syarat substantif iaitu mempunyai bilangan pekerja berkemahiran tinggi sepenuh masa yang mencukupi dan jumlah perbelanjaan operasi yang mencukupi yang akan ditetapkan oleh Menteri.

Fasal 19 bertujuan untuk memotong seksyen 60B. Dengan pindaan ini, penanggung perniagaan insurans luar pesisir akan dikenakan kadar cukai yang sama seperti perniagaan insurans yang lain.

Fasal 19A bertujuan memasukkan peruntukan baharu iaitu pindaan seksyen 109B yang berbangkit daripada seksyen 4A(ii) berhubung pengenaan cukai ke atas apa-apa bayaran yang dibuat kepada bukan pemastautin bagi nasihat, bantuan atau perkhidmatan termasuk berkaitan pengurusan atau pentadbiran apa-apa pengusahaan, usaha niaga, projek atau skim saintifik, industri atau komersial.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 140A dengan memasukkan peruntukan baharu (5A) bagi meluaskan maksud "*control*" khususnya dalam konteks pindahan harga. Pindaan ini menjelaskan situasi kewujudan elemen kawalan sekiranya 20 peratus atau lebih modal saham dipegang oleh seseorang atau orang ketiga.

Fasal 21 bertujuan untuk memasukkan peruntukan 140C bagi tujuan pelaksanaan, dengan izin, *earning shipping rules* di Malaysia. Menerusi seksyen baharu ini, apa-apa faedah yang dibelanjakan berkaitan atau ke atas apa-apa bantuan kewangan dalam dengan izin, *control transaction* tidak dibenarkan pemotongannya daripada pendapatan kasar berpunca dari sumber perniagaan untuk tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan.

Fasal 22 bertujuan untuk meminda perenggan 154(1)(ed) yang merupakan pindaan berbangkit daripada pindaan peruntukan seksyen 140C yang baharu.

Fasal 23 bertujuan untuk meminda Jadual 1 seperti berikut:

- (a) pindaan perenggan 2A Bahagian I untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan syarikat pemastautin dan ditubuhkan di Malaysia yang mempunyai modal berbayar RM2.5 juta ke bawah pada kadar 17

- peratus bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai RM500 ribu yang pertama;
- (b) pindaan perenggan 2D Bahagian I untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan perkongsian liabiliti terhad pemastautin dan ditubuhkan di Malaysia yang mempunyai sumbangan modal berjumlah RM2.5 juta ke bawah pada kadar 17 peratus bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai RM500 ribu yang pertama;
 - (c) pindaan untuk menggantikan perenggan 3 baharu, perenggan 4 baharu dan Bahagian VIII bagi menjelaskan pengenaan cukai ke atas pendapatan perniagaan insurans semula dan perniagaan takaful semula pada kadar lapan peratus;
 - (d) pindaan kepada Bahagian IX untuk memotong kadar 10 peratus bagi menjelaskan penanggung perniagaan insurans luar pesisir akan dikenakan kadar cukai 24 peratus yang sama seperti perniagaan insurans yang lain;
 - (e) pindaan kepada Bahagian XII bagi menjelaskan pengenaan cukai ke atas pendapatan perniagaan insurans semula dan perniagaan takaful semula di bawah seksyen 60AA adalah pada kadar lapan peratus; dan
 - (f) pindaan kepada Bahagian V bagi menggantikan perenggan (ii) dengan memasukkan peruntukan baharu yang berbangkit daripada pindaan seksyen 4A(ii) berhubung pengenaan cukai ke atas apa-apa bayaran yang dibuat kepada bukan pemastautin bagi nasihat, bantuan atau perkhidmatan termasuk berkaitan pengurusan atau pentadbiran apa-apa pengusahaan, usaha niaga, projek atau skim saintifik industri atau komersial.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda Jadual 3 seperti berikut:

- (a) pindaan kepada perenggan 37B dan perenggan 37D bagi memasukkan perkataan "*research and development*" yang merupakan pindaan berbangkit daripada fasal 4; dan
- (b) pindaan kepada perenggan 75 dan memasukkan perenggan 75D yang baharu bagi menjelaskan tuntutan elaun modal bawa ke hadapan yang tidak dapat diserap daripada pendapatan larasan dihadkan kepada tujuh tahun taksiran mulai tahun taksiran pertama elaun modal dibuat. Baki

elaun modal yang masih belum diserap selepas had tempoh tujuh tahun taksiran akan diabaikan.

Fasal 24 dan fasal 25 berkenaan pindaan perenggan 75 dan peruntukan baharu 75D telah dipinda dan digugurkan di peringkat Jawatankuasa Dewan Rakyat menjelaskan bahawa tuntutan elaun modal bawa hadapan tidak tertakluk kepada sekatan had tempoh tujuh tahun taksiran.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda proviso perenggan 35A Jadual 6. Pindaan ini bagi menjelaskan bahawa pengecualian cukai ditamatkan ke atas pendapatan faedah unit amanah iaitu dana borong yang merupakan pasaran mata wang yang diluluskan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda perenggan 4 dan memasukkan peruntukan perenggan baharu 4B di dalam Jadual 7A untuk menjelaskan baki elaun pelaburan semula ataupun EPS yang tidak dapat diserap, hanya boleh dibenarkan untuk di bawa ke hadapan untuk diserap sehingga tempoh maksimum tujuh tahun berturut-turut sebaik sahaja tamat kelayakan tuntutan EPS. Baki EPS bawa ke hadapan yang tidak dapat diserap pada akhir tempoh tersebut hendaklah diabaikan.

Fasal 28 bertujuan untuk memasukkan peruntukan khas kepada perenggan 4B dalam Jadual 7B. Pindaan ini bagi menjelaskan baki EPS yang tidak dapat diserap bagi tahun taksiran 2018 dibenarkan untuk dibawa ke hadapan untuk tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut mulai tahun taksiran 2019. Baki EPS yang tidak dapat diserap sepenuhnya selepas tahun taksiran 2025 hendaklah diabaikan.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda perenggan 5 dan memasukkan peruntukan perenggan baharu 5A di dalam Jadual 7B untuk menjelaskan baki elaun pelaburan semula sektor perkhidmatan ataupun EPSP yang tidak dapat diserap hanya boleh dibenarkan untuk dibawa ke hadapan untuk diserap sehingga tempoh maksimum tujuh tahun berturut-turut sebaik sahaja tamat tempoh tuntutan EPSP. Baki EPSP bawa ke hadapan yang tidak dapat diserap pada akhir tempoh tersebut hendaklah diabaikan.

Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan peruntukan khas kepada perenggan 5A, Jadual 7B. Pindaan ini bagi menjelaskan baki EPSP yang tidak dapat diserap bagi tahun taksiran 2018 dibenarkan untuk dibawa ke hadapan untuk tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut mulai tahun taksiran 2019. Baki EPSP yang tidak dapat diserap sepenuhnya selepas tahun taksiran 2025 hendaklah diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III yang terdiri daripada- Ini bagi pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Bab III yang terdiri daripada lapan fasal iaitu fasal 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37 dan 62 adalah bertujuan untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 seperti berikut.

Fasal 31 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Fasal 32 disifatkan mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61 dan 62 - macam dalam kelas Matematik ya- disifatkan mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

■1200

Fasal 33, 34 dan 35 disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Fasal 32 bertujuan untuk meminda seksyen 2 bagi menggantikan takrif penyelidikan dan kemajuan. Peruntukan baharu adalah selaras dengan definisi yang dikeluarkan oleh *Organization for Economic Corporation Development* (OECD) bagi menyelaraskan definisi R&D tersebut di peringkat nasional dan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan di peringkat kementerian dan agensi kerajaan.

Fasal 33 bertujuan untuk meminda dan memasukkan proviso baharu bagi menjelaskan syarat aktiviti substantif ke atas galakan cukai yang diberikan kepada syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak untuk mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi dan jumlah perbelanjaan operasi yang mencukupi bagi aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan.

Fasal 34 bertujuan untuk memasukkan suatu peruntukan khas berhubung dengan seksyen 6 bagi menjelaskan tempoh pematuhan syarat substantif ke atas pengecualian cukai yang diterima oleh syarikat penyelidikan dan kemajuan, kontrak sedia ada dan baharu yang diluluskan sebelum dan selepas 16 Oktober 2017.

Fasal 35 bertujuan untuk meminda seksyen 21E bagi mentakrifkan maksud harta intelek dan menjelaskan bahawa apa-apa pendapatan daripada royalti dan pendapatan lain yang berpunca daripada hak harta intelek yang diterima oleh syarikat perintis adalah tertakluk kepada pengenaan cukai pendapatan.

Fasal 36 bertujuan untuk meminda seksyen 25 bagi menjelaskan kerugian perintis yang tidak dapat diserap selepas tempoh perintis hanya dibenarkan untuk dibawa ke hadapan bagi tempoh maksimum sehingga tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tamat

tempoh perintis. Kerugian perintis yang tidak dapat diserap selepas tempoh tersebut hendaklah diabaikan.

Fasal 37 bertujuan untuk memasukkan peruntukan khas berhubung seksyen 25 bagi menjelaskan layanan baki kerugian perintis yang tidak dapat diserap sepenuhnya sehingga tahun taksiran 2018 dibenarkan untuk dibawa ke hadapan bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut mulai tahun taksiran 2019. Apa-apa baki kerugian perintis yang tidak dapat diserap selepas tahun taksiran 2025 hendaklah diabaikan.

Fasal 38 hingga 61 berkenaan pindaan seksyen 29A hingga 29O dan peruntukan khas bagi setiap seksyen terlibat telah dipinda dan diluluskan di peringkat Jawatankuasa Dewan Rakyat bagi menjelaskan bahawa tuntutan elaun cukai pelaburan bawa hadapan tidak tertakluk kepada sekatan had tempoh tujuh tahun taksiran.

Fasal 62 bertujuan untuk meminda seksyen 30A bagi menjelaskan tempoh pegangan aset bagi pelupusan aset bagi tujuan elaun cukai pelaburan dinaikkan daripada dua tahun kepada lima tahun dari tarikh pembelian aset tersebut.

Bab IV pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab IV yang terdiri daripada enam fasal iaitu fasal 63 hingga 68 bertujuan meminda Akta Setem 1949 seperti berikut.

Fasal 63 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Fasal 64 hingga 67, perenggan 68(a) hingga 68(c) dan perenggan 68(e) mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Perenggan 68(d) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Fasal 64 bertujuan untuk meminda seksyen 2 bagi memperkemaskan takrif "*banker*" dan "*small and medium enterprise*".

Fasal 65 bertujuan untuk meminda seksyen 9 bagi membenarkan pemungut memberi kuasa kepada mana-mana orang termasuk *banker, dealer or insurer* bagi mengkompaun bayaran duti ke atas surat cara tertentu melalui pemberitahuan dalam warta.

Fasal 66 bertujuan untuk meminda seksyen 15 di mana bagi keadaan penstrukturan semula tempoh syarikat pemindah milik hendaklah kekal sebagai pemilik *beneficial share* sekurang-kurangnya tiga tahun bagi tujuan syarikat mendapat pengecualian di bawah peruntukan ini. Syarikat yang terlibat dikehendaki untuk memaklumkan kepada pemungut apa-apa perubahan dalam pemilikan syer dalam masa 30 hari daripada tarikh perubahan itu berlaku.

Fasal 67 bertujuan untuk meminda seksyen 15A dengan memasukkan beberapa syarat baru bagi menuntut *relief* duti setem seperti berikut;

- (a) syarikat yang menerima pindah milik iaitu *transferee* merupakan syarikat yang di tubuh, didaftar dan diperbadankan di Malaysia;
- (b) *transferee* tidak boleh melupuskan aset yang telah diperolehi dalam tempoh tiga tahun dari tarikh pindah milik dan hendaklah kekal bersekutu untuk tempoh tiga tahun; dan
- (c) pindah milik aset yang dibuat adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi. Cadangan pindaan juga mensyaratkan pengecualian duti setem akan ditarik balik dan faedah enam peratus akan dikenakan jika didapati pengisytiharan atau keterangan yang dikemukakan oleh pembayar duti dalam permohonan untuk pengecualian adalah tidak benar.

Fasal 68 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama seperti berikut.

- (a) perenggan 68(a) dan 68(e) bertujuan untuk menggugurkan butiran 10 dan 53 iaitu "*Article of association of a company*" dan "*Memorandum of association of a company*" kerana surat cara tersebut tidak lagi terpakai dalam Akta Syarikat 2016. Perenggan 68(b) bertujuan untuk meminda sub butiran 22(1) dan 22(6) seperti berikut:
 - (i) menjelaskan tentang layanan duti setem bagi sekuriti ke atas suatu tempoh tetap dan sekuriti bagi tempoh sepanjang hayat atau tempoh yang belum ditetapkan; dan
 - (ii) pengenaan duti setem RM10 adalah meliputi perjanjian jual beli konvensional dan jual beli mengikut prinsip syariah.

Perenggan 68(c) bertujuan untuk memasukkan butiran baharu 29A bagi memperuntukkan bahawa penyeteman Perlembagaan Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 adalah sebanyak RM200.

Perenggan 68(d) bertujuan untuk meminda subbutiran 32(a) untuk memasukkan kadar baharu duti sebanyak empat peratus ke atas pemindahhakan, penyerahhakan, pemindahan atau bil jualan mutlak mana-mana harta dengan nilai pasaran yang melebihi RM1 juta.

Bab V pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab V yang terdiri daripada dua fasal iaitu Fasal 69 dan Fasal 70 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut.

Fasal 69 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 70 bersifat mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Fasal 69A dan 69B berkenaan pindaan dalam Jadual 2 dan Jadual 3, Akta 169 tersebut telah disyorkan untuk dipinda di peringkat jawatankuasa dan telah diluluskan bagi menjelaskan pindaan ke atas peruntukan seperti berikut.

- (a) harga pemerolehan Harta Tanah adalah berdasarkan nilai harta tanah pada tahun 2000 untuk harta tanah yang diperoleh sebelum tahun 2000 bagi pelupusan harta tanah oleh mana-mana orang di bawah Bahagian I, Jadual 5, Akta 169 termasuk rakyat Malaysia dan pemastautin tetap.

■1210

Penetapan harga pemerolehan ini adalah susulan daripada kenaikan kadar CKHT bagi warganegara Malaysia dan pemastautin tetap iaitu daripada kosong peratus kepada lima peratus.

- (b) pelupusan harta tanah yang dibuat penderma secara kasih sayang diberikan layanan tiada untung dan tiada rugi, dengan izin, *no gain no loss* tanpa mengira tempoh pegangan harta tanah oleh penderma. Ini bagi memastikan pelupusan dalam tahun keenam dan seterusnya tetap tidak dikenakan cukai di bawah akta ini. Pemeroleh pula dianggap memperoleh aset berdasarkan harga perolehan penderma. Pelupusan secara kasih sayang adalah di antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak, datuk atau nenek dan cucu.

Fasal 70 bertujuan untuk meminda Jadual 5, Akta 169 bagi memperuntukkan kenaikan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah ke atas pelupusan harta tanah dalam tahun keenam dan seterusnya seperti berikut:

- (a) bagi syarikat, kadar CKHT dinaikkan daripada lima peratus kepada sepuluh peratus;
- (b) bagi selain syarikat dan selain individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap iaitu warganegara dan pemastautin tetap. Kadar CKHT dinaikkan daripada kosong peratus kepada lima peratus; dan
- (c) bagi individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada lima peratus kepada sepuluh peratus.

Bab VI, pindaan ke atas Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Bab VI yang terdiri daripada 12 fasal iaitu Fasal 71 hingga 82 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] seperti berikut.

Fasal 72 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1), Akta 445 bertujuan untuk meminda takrif Aktiviti Perniagaan Labuan untuk memperuntukkan bahawa Aktiviti Perniagaan Labuan bererti suatu aktiviti perdagangan Labuan atau aktiviti bukan perdagangan Labuan yang dijalankan dalam, dari atau melalui Labuan

Fasal 73 bertujuan untuk meminda seksyen 2A, Akta 445. Pindaan yang dicadangkan memotong peruntukkan berkenaan dengan kuasa Menteri untuk meluluskan transaksi antara entiti Labuan dengan pemastautin dibuat dalam Ringgit.

Fasal 74 bertujuan untuk meminda seksyen 2B, Akta 445 untuk mengenakan syarat bilangan pekerja sepenuh masa dan jumlah perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi di Labuan. Ini bagi membuktikan kewujudan operasi entiti Labuan di Labuan yang akan memberi kesan limpahan ekonomi di Labuan.

Fasal 75 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 445 untuk menjelaskan bahawa untung bersih yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta 445 tidak meliputi pendapatan yang diperoleh daripada hak harta intelek kerana pendapatan berkenaan adalah tertakluk kepada cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 76 bertujuan untuk memotong seksyen 7, Akta 445 dengan pindaan yang dicadangkan. Entiti Labuan tidak lagi mempunyai pilihan untuk memilih membayar cukai sebanyak RM20,000.

Fasal 77 bertujuan untuk menggantikan seksyen 8, Akta 445 untuk menjelaskan bahawa Ketua Pengarah boleh memberikan arahan mengenai tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dalam hal apabila aktiviti perdagangan Labuan tidak mempunyai tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Fasal 79 bertujuan untuk menggantikan seksyen 11, Akta 445 berikutan dengan pemotongan seksyen 7 dan pindaan seksyen 8, Akta 445.

Bab VII pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Timbalan Yang di-Pertua, Bab Ke-7 yang terdiri daripada lapan fasal iaitu Fasal 83 hingga 90 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 seperti berikut.

Fasal 83 bertujuan untuk menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta ini iaitu pada 1 Januari 2019.

Fasal 84 bertujuan untuk memasukkan takrif “perkhidmatan bercukai diimport” iaitu bermaksud apa-apa perkhidmatan bercukai yang diperoleh oleh mana-mana orang di Malaysia daripada mana-mana orang yang berada di luar Malaysia.

Fasal 85 bertujuan untuk meminda seksyen 7 bagi memastikan pengenaan cukai perkhidmatan adalah meliputi perkhidmatan bercukai yang diimport ke dalam Malaysia.

Fasal 86 bertujuan untuk meminda seksyen 9 bagi meluaskan kuasa Menteri untuk meliputi kuasa untuk menetapkan nilai perkhidmatan bercukai di import.

Fasal 87 bertujuan untuk menggantikan subseksyen 11(1) dengan subseksyen baharu bagi memperuntukkan tempoh masa apabila cukai perkhidmatan menjadi genap masa dan kena dibayar ke atas perkhidmatan bercukai. Pindaan ini menetapkan bahawa perkhidmatan bercukai, cukai adalah genap masa apabila pembayaran di terima. Manakala bagi perkhidmatan bercukai yang diimport ke dalam Malaysia, cukai adalah genap masa apabila pembayaran dibuat atau invois diterima, mana-mana yang terdahulu.

Fasal 88 bertujuan untuk meminda seksyen 24 bagi memastikan mana-mana orang yang memperoleh apa-apa perkhidmatan bercukai di import, menyimpan rekod berkenaan perkhidmatan bercukai di import tersebut.

Fasal 89 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 26A bagi menyediakan kaedah untuk orang selain orang yang kena cukai membuat pengisytiharan dan pembayaran bagi pengimportan perkhidmatan bercukai. Pindaan ini selanjutnya menetapkan kadar penalti bagi kesalahan kegagalan membuat pembayaran dalam masa yang ditetapkan. Kadar penalti yang ditetapkan adalah seperti yang berikut:

- (a) penalti sebanyak 10 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh 30 hari pertama;
- (b) penalti tambahan sebanyak 15 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh 30 hari yang kedua; dan
- (c) penalti tambahan sebanyak 15 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh 30 hari yang ketiga.

Fasal 90 bertujuan untuk meminda seksyen 27 bagi meluaskan kuasa Ketua Pengarah untuk mentafsir apa-apa cukai genap masa dan kena dibayar dan penalti yang kena dibayar oleh orang selain orang kena cukai di bawah seksyen baharu 26A, jika orang itu tidak mengemukakan perisytiharan di bawah seksyen baharu yang dicadangkan atau mengemukakan perisytiharan yang tidak betul atau tidak lengkap.

Akhir sekali Timbalan Yang di-Pertua, Bab VIII. Pindaan kepada Akta Cukai Jualan 2018. Bab VIII yang terdiri daripada tujuh fasal iaitu fasal 91 hingga 97 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 seperti berikut.

Fasal 91 bertujuan untuk menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta ini iaitu pada 1 Januari 2019.

Fasal 92 bertujuan untuk meminda subseksyen 9(3) untuk memperluas pemakaian subseksyen tersebut kepada semua pengilang sama ada pengilang berdaftar dan pengilang tidak berdaftar.

Fasal 93 bertujuan untuk meminda seksyen 27 bagi meluaskan kuasa Ketua Pengarah untuk mentaksirkan apa-apa cukai genap masa dan kena dibayar dan penalti yang kena dibayar oleh orang selain orang kena cukai berbanding peruntukan semasa yang hanya memperuntukkan kuasa Ketua Pengarah terhadap kepada orang kena cukai sahaja.

■1220

Fasal 94 merupakan pindaan editorial untuk meminda tajuk pada bahagian enam akta susulan dari pengenalan seksyen 41A, Akta Cukai Jualan 2018.

Fasal 95 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 41A. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan amaun cukai jualan yang boleh dipotong berkenaan dengan barang bercukai yang dibeli oleh mana-mana pengilang berdaftar daripada mana-mana orang yang tidak berdaftar.

Barang yang terlibat mestilah merupakan bahan mentah, komponen atau bahan pembungkusan yang digunakan semata-mata untuk pengilangan barang bercukai. Fasal ini selanjutnya memberi kuasa untuk menepatkan bentuk, cara dan syarat-syarat bagi potongan amaun cukai jualan.

Fasal ini juga memperuntukkan jika mana-mana pengilang berdaftar telah melanggar apa-apa syarat yang dikenakan oleh Menteri, Cukai Jualan yang telah dipotong menjadi genap masa dan kena dibayar pada masa syarat itu tidak dipatuhi.

Fasal 96 merupakan pindaan editorial untuk meminda subseksyen 82(6) bagi menggantikan perkataan "*enam*", dengan perkataan "*lima*".

Dan fasal 97 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 88A untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang mendapatkan potongan cukai jualan di bawah seksyen baharu 41A secara tidak wajar.

Tuan Yang di-Pertua, itulah antara yang ingin dibawakan pindaan Rang Undang-undang Kewangan yang bertujuan untuk menambah baik peruntukan perundangan percukaian

untuk kita tingkatkan lagi pentadbiran cukai, penguatkuasaan dan memperkukuhkan layanan cukai sedia ada yang mana memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Cukai Jualan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Saya minta Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Dipersilakan.

12.23 tgh.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi keizinan kepada saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2018 dalam pemberian insentif dan layanan pengecualian cukai terhadap penyimpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional dan langganan insurans bagi individu pemastautin di seluruh negara berkuat kuasa tahun 2019.

Dalam Rang Undang-undang Kewangan 2018, fasal 14 dicadangkan untuk meminda perenggan 46(1)(k) [*Akta 53*] bagi menaikkan pelepasan cukai bagi individu yang mencarum ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional untuk anak-anak dan tanggungannya merupakan satu langkah yang baik.

Ini akan membantu PTPTN menjana dana bagi Pinjaman Pelajaran Tinggi Malaysia yang mana sehingga tahun 2018, Kerajaan Persekutuan menanggung jaminan pinjaman berjumlah lebih RM40 bilion. Nilai pelepasan dari RM6,000 pelepasan setahun yang dinaikkan kepada RM8,000 setahun berkuat kuasa pada tahun 2019, tahun 2020 dan tahun 2021 perlu disinergikan dengan promosi lebih luas agar masyarakat didedahkan dengan insentif pelepasan cukai individu yang lebih menarik.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan insentif ini seperti berikut:

- (a) sejauh manakah sambutan dan statistik terkini pembayar cukai pendapatan yang menyimpan dalam SSPN dan diberikan pelepasan ke atas simpanan SSPN sejak ia diperkenalkan;
- (b) bagaimanakah Lembaga Hasil Dalam Negeri dan PTPTN menggandakan kerjasama erat bagi menarik minat ramai pelabur SSPN agar dana yang diperoleh dari simpanan tahunan pembayar cukai ini akan meningkatkan pelaburan PTPTN dan perolehan dana pusingan pinjaman pelajaran; dan
- (c) bagi pelepasan diberikan pada tahun 2019, tahun 2020 dan tahun 2021, berapakah unjuran kehilangan pendapatan yang dianggarkan Kerajaan Persekutuan dalam anggaran pendapatan Kerajaan Persekutuan untuk tempoh tahun 2019, tahun 2020 dan tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, galakan pemupukan budaya menyimpan di kalangan rakyat merupakan satu insentif penting dalam menjamin rakyat Malaysia mempunyai perancangan kewangan yang holistik. Mengikut beberapa kajian, hampir tiga per empat daripada rakyat Malaysia tidak mampu untuk menyimpan RM1,000 untuk tujuan kecemasan. Fenomena ini amat membimbangkan kita semua.

Oleh itu dalam Fasal 15, kerajaan meminda bagi memberikan pelepasan kepada individu sehingga RM7,000 bagi pelaburan yang dibuat ke dalam Skim Insurans Takaful atau penyimpanan dalam skim pelaburan yang diberikan kelulusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Bagi penjawat awam yang bertaraf pencen, had bagi pelepasan pembayaran premium insurans atau takaful adalah sehingga RM7,000. Soalan saya kepada kerajaan adalah seperti berikut:

- (a) apakah jenis-jenis pelaburan dan skim penyimpanan yang diluluskan untuk mendapat pelepasan sehingga RM4,000 bagi tahun taksiran 2019 dan 2020 ini; dan
- (b) apakah had pelepasan bagi insurans hayat atau perubatan boleh dinaikkan lagi sehingga RM7,000 memandangkan ramai pekerja swasta dan mereka yang bekerja sendiri memerlukan skim perlindungan insurans yang lebih komprehensif dan semestinya bayaran bagi insurans untuk diri sendiri, ahli keluarga melebihi nilai pelepasan yang

diberikan pada tahun 2019. Ini kerana pekerja kerajaan mendapat pelepasan RM7,000 tetapi mereka yang bekerja swasta hanya RM3,000 sahaja.

Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa.

12.29 tgh.

Datuk Haji Husam bin Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini. Saya ada beberapa perkara yang hendak mendapatkan penjelasan dan juga beberapa perkara yang nak saya bangkitkan.

Pertama adalah mengenai dengan keadaan pada waktu ini di mana walaupun Pakatan Harapan telah menghapuskan GST dan memperkenalkan SST tetapi pada umumnya rakyat belum merasai, dengan izin, *feel good factor* dan harga barangan dan perkhidmatan tidak menunjukkan penurunan yang boleh dirasai padahal niat Pakatan Harapan adalah untuk memberikan satu rasa nyaman kepada rakyat. GST dianggap sebagai mencengkam kehidupan mereka dan digantikan dengan satu Akta Cukai Jualan dan Perkhidmatan yang baharu dapat memberikan satu rasa ataupun satu keadaan di mana mereka boleh merasai penurunan kos hidup.

■1230

Saya ingin tahu kenapakah ini tidak berlaku. Adakah kerajaan mengkaji kenapa dengan pengenalan SST walaupun GST dihapuskan keadaan itu tidak wujud dan pada pendapat saya, tujuan Pakatan Harapan adalah untuk memberikan rasa lega kepada rakyat jelata dan juga dalam pendekatan pengutipan cukai pada pendapat saya Kerajaan Pakatan di permulaan Kerajaan Pakatan ini harus dilihat lebih mesra dengan *tax payer*.

Termasuk umpamanya para *tax payers*, dengan izin, tidak merasa terbeban dan diburu seperti dalam masa era kerajaan yang lalu sesetengah *tax payers* ditekan untuk mengemukakan penyata-penyata melebihi tahun-tahun ke belakang yang bertujuan ataupun satu tekanan politik.

Saya berharap sebagai permulaan antara *feel good elements* yang boleh diperkenalkan untuk menghapuskan persepsi negatif rakyat kepada cara-cara penguatkuasaan akta-akta berkaitan dengan cukai ini ialah untuk memberikan satu tawaran

iaitu pengakuan sukarela oleh individu dan syarikat-syarikat terhadap apa-apa perkara pengisytiharan cukai mereka ke belakang dapat menikmati penalti yang rendah. Umpamanya sehingga satu masa iaitu katakan pada 30 Jun 2019 sebagai satu cara untuk Pakatan Harapan memberikan satu tawaran yang boleh dinikmati oleh pembayar-pembayar cukai.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada buku Laporan Ketua Audit Negara tahun 2017 Siri 2, mengenai dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia iaitu semasa GST dilaksanakan pada muka surat kedua, *“Sehingga Jun 2018 sebanyak RM19.47 bilion tunggakan bayaran balik GST yang telah dilaporkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Namun begitu mengikut laporan ini terdapat perbezaan antara angka yang dilaporkan oleh Jabatan Kastam dan Jabatan Audit Negara sejumlah RM1.41 bilion iaitu Jabatan Audit melaporkan tunggakan adalah RM19.55 bilion sedangkan Jabatan Kastam melaporkan RM19.47 bilion.”*

Saya ingin tahu adakah angka-angka tunggakan ini telah disahkan oleh Kementerian Kewangan khususnya untuk membolehkan bayaran balik ini adalah satu bayaran balik yang sebenar, bukan satu tuntutan yang mungkin tidak benar. Berdasarkan laporan audit ini sendiri pada seterusnya Jabatan Kastam Diraja Malaysia hendaklah mengemukakan angka tunggakan bayaran balik yang telah disahkan kepada Kementerian Kewangan untuk tindakan bayaran balik. Jabatan Kastam Diraja hendaklah menyelesaikan kes-kes orang kena cukai yang telah lewat mendaftar atau lewat menghantar penyata dengan mengenakan tindakan perundangan yang sewajarnya.

Saya berharap pihak kementerian dapat memberikan maklum balas mengenai perkara ini kerana jika sekiranya bayaran balik terhadap tuntutan-tuntutan yang tidak wajar dilakukan ini akan merugikan negara kita.

Saya merujuk kepada Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi. Saya ingin tahu perkhidmatan bercukai di import. Seingat saya perkhidmatan bercukai diimport ini tidak ada sebelum GST diperkenalkan dan kemudian ia diperkenalkan dalam cukai perkhidmatan SST ini. Kalau tangkapan saya ini benar saya ragu sama ada elemen-elemen cukai yang ada dalam GST dikekalkan dalam akta cukai yang baru kita perkenalkan.

Jika elemen-elemen cukai yang ada dalam GST yang tidak ada sebelum ini dikekalkan saya curiga ia akan memberikan kesan berganda kepada rakyat jelata dan kesan berganda ini berbeza daripada kesan berganda dalam GST. Saya berharap ini dapat diberikan sedikit pencerahan supaya kesan berganda daripada elemen-elemen cukai GST yang diperkenalkan

semula dalam akta cukai baharu kita ini tidak akan memberikan kesan buruk kepada rakyat jelata.

Dari segi pengenalan cukai SST ialah untuk mengurangkan beban rakyat jelata. Saya ingin tahu berapakah sasaran kutipan daripada akta-akta cukai yang baru kita perkenalkan. Adakah jumlah sasarnya adalah lebih rendah daripada sasaran GST ataupun sebaliknya.

Kemudian dari segi industri tempatan apabila kita mengenakan cukai import ke atas bahan-bahan mentah, secara spesifik saya ambil dalam konteks batik kerana industri batik adalah satu industri yang penting bagi negeri Kelantan dan Terengganu khususnya. Saya bimbang jika sekiranya kita tidak memberikan pelepasan kepada bahan-bahan mentah untuk kita berikan kepada kilang-kilang ataupun industri-industri dalam negara kita, ia akan meningkatkan harga barangan tersebut.

Selain daripada itu, dalam konteks cukai perkhidmatan yang kita kenakan enam peratus, saya suka mencadangkan supaya cukai perkhidmatan ini khususnya untuk perkhidmatan seperti restoran dan lain-lain diturunkan kepada lima peratus dan *threshold*-nya ataupun ambangnya dibesarkan iaitu kalau kita kenakan *threshold* pada hari ialah RM1 juta kita boleh turunkan kepada RM500 ribu, di mana lebih banyak pembayar cukai disenaraikan tetapi kos dikurangkan menjadi RM500 sahaja. Saya kira ini boleh dengan cepat menimbulkan kesan untuk menurunkan harga barang dan dapat dinikmati oleh rakyat dengan lebih cepat.

Selain daripada itu jika saya diizinkan, saya merasakan bahawa kerajaan boleh melakukan beberapa tindakan lain untuk meningkatkan hasil dengan tujuan mengurangkan beban kepada rakyat dengan tidak mengenakan cukai-cukai yang membebankan iaitu umpamanya adalah sumbangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan (KWDP).

Seingat saya pada tahun 2014, Dewan Parlimen telah meminda Akta SSM di mana sumbangan sebelumnya adalah 50 peratus daripada pendapatan kasar SSM. Akan tetapi telah dipinda pada tahun 2014 berkuat kuasa pada tahun 2015 kepada 30 peratus daripada keuntungan bersih dan ini telah menyebabkan sumbangan SSM kepada KWDP telah menurun hanya kepada RM51 juta pada tahun 2015, RM29 juta pada tahun 2016 dan RM56 juta pada 2017. Sedangkan sebelum pindaan tersebut, SSM telah menyumbang sebanyak RM136 juta pada tahun 2015, RM161 juta pada tahun 2016 dan RM159 juta pada tahun 2017.

■1240

Ini bermakna pengurangan di antara RM136 juta hingga RM161 juta satu tahun. Jika sekiranya Kementerian Kewangan meminda semula akta ini dan SSM boleh menyumbang

kepada KWDS kembali kepada kadar asal 50 peratus dari keuntungan kasar, ini boleh meningkatkan pendapatan kepada kerajaan. Ini hanya satu contoh yang saya berikan. Saya yakin dengan kreativiti kerajaan baharu Pakatan Harapan, banyak lagi penyusunan semula seperti ini yang tidak membebankan rakyat, boleh meningkatkan pendapatan negara dan dengan sendirinya beban cukai dapat kita kurangkan kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Silakan pula Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Silakan.

12.41 tgh.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk turut dalam membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2018. Bagi meringkaskan perbahasan, saya cuma ingin menyentuh dua perkara.

Pertama adalah berkenaan dengan pengecualian duti setem bagi surat cara pemberian *sales and purchase* dan juga surat cara pinjaman perumahan rumah pertama. Keduanya saya hendak sentuh berkenaan dengan kajian semula duti import basikal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2019, kerajaan telah memberikan pengecualian duti setem kepada pembeli rumah pertama sebagaimana yang berikut. Ini di mana nilai hartanah kalau sehingga RM300,000, peratus pengecualian cukai duti setem dan surat cara diberikan pengecualian 100 peratus bagi pindah milik dan 100 peratus bagi pinjaman bank.

Bagi hartanah yang RM300,000 hingga ke RM1 juta, 100 peratus pindah milik sahaja diberikan pengecualian duti setem. Bagi RM300,000 hingga ke RM500,000, 100 peratus pindah milik dan pinjaman bank hingga RM300,000, baki akan dikenakan duti setem.

Oleh sebab pembelian rumah pertama ini amat penting kepada golongan muda yang mana rata-rata pasangan ini amat sukar untuk mendapatkan hartanah di bawah harga RM300,000 di Lembah Klang dan di bandar utama seperti Penang, Johor dan di beberapa bandar besar yang lain, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Pertama, apakah nilai banjaran RM300,000 hingga ke RM500,000 itu boleh dinaikkan sedikit hingga ke RM600,000? Ini kerana pada masa kini, harga minimum rumah-rumah apartmen pun kalau kita tengok di Kuala Lumpur ini bermula daripada harga RM480,000. Maknanya kalau kita hendak dapatkan rumah yang bawah daripada RM500,000 ini tidak banyak, sangat susah hendak dapat sekarang ini. Kadang-kadang harga unit-unit ini

mencecah sehingga ke RM500,000. Soalan pertama, adakah kemungkinan untuk menaikkan daripada RM500,000 itu kepada RM600,000?

Kedua, apakah tawaran pengecualian duti setem bagi cara surat pindahan milik dan dokumen pinjaman bank boleh digabungkan suami bersama isteri apabila pembelian rumah berharga dalam banjaran RM300,000 hingga RM500,000? Ini kerana ada kes di mana pinjaman dibuat oleh kedua-dua suami dan isteri dengan institusi pembiayaan berbeza dan duti setem bagi dokumen pindah milik, cagaran serta pinjaman bank rumah pertama 100 peratus diberikan pelepasan. Maksudnya di sini, setiap dari suami dan isteri ini memohon untuk mendapatkan RM250,000 bagi pengecualian duti setem.

Maksudnya Tuan Yang di-Pertua, kalau katalah individu itu suami dan isteri hendak beli rumah harga RM500,000, katalah RM600,000. Kalau pengecualian cukai diberikan kepada RM300,000, kalau rumah itu dibeli dua. Satu mungkin seorang itu dia ambil *government loan*, lagi seorang dia ambil *bank loan*. Maksudnya RM250,000, RM250,000. Maka kita hendak tanya, adakah pengecualian cukai ini boleh tak digabungkan dan macam mana hendak dikira pengecualian cukai sekiranya duti setem dan juga terutamanya dari segi perjanjian bank ini, macam mana hendak dikira ini?

Keduanya, apakah pembelian rumah pertama- seterusnya saya hendak tanya berkenaan dengan kategori 'B' dan 'C' ini. Maksudnya, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh perelaskan, apakah maksud RM300,000 ke RM1 juta bagi 100 peratus pindah milik sahaja dan yang RM300,000 ke RM500,000, dia hanya bagi 100 peratus bagi duti setem pindah milik dan bagi pinjaman bank yang hanya di bagi kepada RM300,000?

Ini sebab mungkin diberi penjelasan kenapa diberi dua kategori yang berbeza tetapi di dalam *range amount* jumlah harga hartanah yang lebih kurang sama. Apakah perbezaan antara dua itu, dua kategori itu?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan berbasikal pula. Kalau kita tengok aktiviti sukan berbasikal sekarang ini semakin mendapat perhatian dan minat yang tinggi oleh rakyat Malaysia. Kerajaan perlu menyokong aktiviti sukan ini kerana ia membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat dan mempromosikan Malaysia ke arah pengurangan pelepasan karbon. Dalam Bajet 2019, kerajaan telah menstrukturkan semula kadar duti import bagi basikal lain-lain agar ia diturunkan dari 25 peratus hingga 15 peratus.

Soalan saya, kebanyakan basikal jenis *mountain bike* menjadi pilihan anak-anak remaja peringkat menengah dan kebanyakan sekolah menengah mempunyai kelab berbasikal bagi menjalani aktiviti sukan menggunakan *mountain bike* ini.

Justeru soalan saya, apakah kerajaan dapat memberikan pelepasan duti import bagi *mountain bike*, basikal jenis *mountain bike* ini agar aktiviti sukan lasak menggunakan basikal dipergiatkan di sekolah-sekolah dan menjadikan harga basikal *mountain bike* ini lebih murah? Adakah perlu kerajaan mentakrifkan semula kod tarif lain-lain basikal agar basikal *mountain bike* ini diberikan kod baharu? Adakah kerajaan bercadang bagi pembelian oleh pelajar sama ada peringkat sekolah ataupun institusi latihan kemahiran ataupun IPT diberikan kadar duti import 100 peratus?

Ini kerana kita tengok kadang-kadang di universiti ini kebanyakan pelajar-pelajar *instead of* kita naik motor, naik kereta, ramai yang menaiki basikal. Akan tetapi, dia tidaklah naik basikal yang jenis *racing bicycle* ataupun kategori yang diberikan kadar duti import sifar, hanyalah kepada *racing bicycle*, dengan izin, dan juga *bicycle design to be riding by the children*, maknanya untuk budak-budak.

So maknanya, adakah kerajaan bercadang hendak memberi sedikit kelonggaran ataupun duti import *zero*, sifar kepada pelajar-pelajar khususnya di pelajar IPT bagi menggalakkan mereka berbasikal? Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan pula Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Silakan.

12.48 tgh.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2018.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2019, tiga insentif layanan istimewa cukai pendapatan korporat diberikan iaitu kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS); kajian ke atas layanan penyerapan kerugian yang dialami peniaga dan distrukturkan untuk diserap dalam tempoh tujuh tahun, tempoh perakaunan yang akan datang; dan elaun cukai pelabuhan perintis dibenarkan dibawa sehingga ke tempoh tujuh tahun perakaunan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana merupakan satu mekanisme penting negara dalam memastikan daya maju dan keupayaan ekonomi negara pada waktu ini. Seharusnya entiti perusahaan kecil dan sederhana ini yang rata-rata mempunyai modal berbayar di bawah RM2.5 juta diberikan perhatian bukan sahaja bantuan mengupayakan pertumbuhan perniagaan mereka, tetapi menangani isu kerugian semasa tempoh penerokaan perniagaan dan membina jenama produk yang dihasilkan.

■1250

Justeru itu, bersesuaian dengan inisiatif layanan cukai pendapatan ini dan insentif pengakuan sukarela tunggakan atau kurangnya tafsiran cukai tahun sebelum 2018, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan seperti berikut:

- (i) bagaimanakah Lembaga Hasil Dalam Negeri menetapkan nilai ambang taksiran kerugian dari tahun-tahun sebelum kuat kuasa had masa serapan kerugian selama tujuh tahun ini yang diberikan kepada PKS agar pengendalian akaun syarikat lebih fleksibel dan bebanan bayaran cukai dan rasionalisasi kerugian tidak memusnahkan daya maju PKS di seluruh negara;
- (ii) bagaimanakah kes-kes kerugian yang dialami oleh individu-individu pemastautin yang menjalankan perniagaan seperti perniagaan *petrol station* yang kebanyakan mereka mengalami kerugian akibat perubahan mendadak harga minyak petrol dan rasionalisasi subsidi. Apakah layanan pengecualian untuk menyerap kerugian akibat modal perintis perniagaan ini dapat diserap dalam tempoh tujuh tahun akan datang iaitu mulai tahun 2019 hingga tahun 2025;
- (iii) bagaimanakah kerajaan mengimbangi pendapatan agregat hasil cukai langsung ekoran kajian semula pengurangan satu mata kadar cukai PKS dari 18 peratus ke 17 peratus tidak akan menjejaskan perolehan pendapatan kerajaan menjelang tahun 2020 dan konsolidasi fiskal; dan
- (iv) saya mohon penjelasan, berapakah nilai ambang yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam kes-kes tafsiran cukai pendapatan tambahan yang dipertikaikan akibat konsolidasi kerugian sebelum tahun 2018 untuk diambil kira dan dimasukkan dalam tahun 2019 hingga tahun 2025.

Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa dan ruang kepada saya untuk sama-sama turut membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2018 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili dan empat orang ambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.54 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat hendak lajak lagi dalam lima minit sampai ke *lunch time*, boleh sempat dapat taklimat banyak sedikit daripada pegawai.

Baik, saya mulakan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Pertamanya ialah tentang bilangan pembayar cukai yang menuntut simpanan bersih dalam skim SSPN. Bagi tahun taksiran 2017, bilangan pembayar cukai yang menuntut pelepasan cukai ke atas simpanan bersih dalam SSPN adalah sebanyak 242,027 orang dengan jumlah tuntutan sebanyak RM630.3 juta.

Jadi kalau ditanya Yang Berhormat Senator, adakah kita berpuas hati dengan bilangan yang sebanyak ini, sudah tentu kita masih belum berpuas hati. Kita mengharapkan dengan insentif yang diberikan ini, yang dinaikkan pelepasan daripada RM6,000 kepada RM8,000 ini akan dapat diambil peluang oleh lebih ramai rakyat Malaysia untuk membuat simpanan di dalam SSPN. Ini sekali gus memberi simpanan untuk masa depan bagi mereka, rakyat Malaysia. Dalam masa yang sama juga, PTPTN juga mempunyai simpanan yang boleh kita kemudian gunakan untuk kita berikan pinjaman kepada peminjam PTPTN yang lain.

Anggaran kehilangan hasil SSPN bagi tahun taksiran 2019 dan tahun 2020. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelepasan SSPN sehingga RM8,000 ini diberi hingga tahun taksiran 2020. Kehilangan hasil kerajaan dianggarkan adalah sebanyak RM26.9 juta setahun.

Jadi kehilangan hasil yang kalau kita hendak bandingkan setahun, hampir-hampir RM27 juta itu adalah amat berbaloi berbanding dengan simpanan yang sebenarnya dibuat oleh rakyat Malaysia yang saya sebutkan tadi pada tahun 2017, sebanyak RM630 juta. Itu semasa pelepasan itu hanya RM6,000. Jadi apabila RM8,000 ini, kita harap akan lebih ramai yang akan menyimpan dan kita harap kehilangan sebanyak yang saya sebut tadi RM27 juta itu, kita dapat *offset* dengan lebih baik lagi dengan simpanan yang dibuat oleh rakyat Malaysia dalam SSPN ini.

Tentang persoalan bagaimana MOF mengadakan kerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri berhubung dengan sumbangan kepada PTPTN dan juga pinjaman SSPN ini, pihak kementerian memberi galakan kepada majikan yang membayar balik pinjaman SSPN ini melalui potongan cukai dalam usaha meningkatkan dana pinjaman PTPTN tersebut.

Jadi memang bersama dengan LHDN, kita memberikan kelonggaran-kelonggaran tertentu bagi memastikan bahawa pertamanya, simpanan yang dibuat diberikan seperti kita

sebutkan tadi pelepasan itu dan juga kalau potongan yang dibuat juga akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Kemudian juga tadi Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga telah menyebutkan tentang had pelepasan sehingga RM7,000 kepada kakitangan awam ini dapat juga dipanjangkan kepada pekerja swasta sebab kakitangan awam ini mereka memang dalam skim berpencen.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, potongan sehingga RM7,000 yang diberikan kepada kakitangan awam yang memilih taraf berpencen dan tidak mempunyai caruman dalam KWSP. Ini bertujuan bagi memberi layanan yang saksama memandangkan kakitangan awam berstatus berpencen tidak boleh menuntut pelepasan ke atas caruman ke atas KWSP. Jadi atas dasar tersebut, maka ia hanya kita tawarkan kepada kakitangan awam sahaja dan tidak dipanjangkan kepada kakitangan swasta.

Tentang pelepasan fasal 16, pelepasan tentang insurans itu, apakah jenis pelaburan bagi pelepasan untuk mendapat pelepasan sehingga RM4,000 ini. Jenis pelaburan untuk pelepasan RM4,000 ini adalah caruman bagi KWSP; skim yang diluluskan di bawah seksyen 150; dan caruman pencen bagi duda, balu dan anak yatim. Jadi, tiga itu yang diberikan pelepasan hingga RM4,000 itu. Skim yang diluluskan di bawah seksyen 150 itu nanti saya ingat saya akan berikan jawapan secara bertulis, apakah skim-skim yang terlibat di bawah seksyen 150 itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita minta tangguh ya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Okey. Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawab selepas pukul 2.30 petang ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tempohkan Mesyuarat Dewan sehingga jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Sekarang kita sambung, minta Yang Berhormat Menteri terus sambung.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung untuk menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah.

Saya telah menjawab beberapa persoalan yang terakhir ini berkenaan dengan jenis pelaburan atau skim yang layak menuntut pelepasan cukai sehingga RM4,000. Pelepasan sehingga RM4,000 ini adalah layak dituntut oleh pembayar cukai yang membuat sumbangan kepada yang pertamanya ialah caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, boleh-satu.

Kedua, caruman kepada skim yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah seksyen 150, Akta Cukai Pendapatan 1967 yang saya katakan tadi hendak menjawab secara bertulis itu. Sebagai contoh, dana kemudahan persaraan syarikat yang ditubuhkan oleh syarikat bagi pekerjaanya. Pada masa ini, bilangan dana skim yang diluluskan oleh Ketua Pengarah lembaga Hasil Dalam Negeri adalah sebanyak 117 skim. Ini juga dibenarkan untuk menuntut pelepasan cukai sehingga RM4,000.

Ketiga ialah caruman bagi maksud pencen balu atau duda atau anak yatim di bawah, dengan izin, *Widows And Orphans Pension Act 1915*. Sebagai contoh, caruman kepada *Federated Malay States Railways Provident Fund Enactment 1939*, bagi maksud pemberian pencen kepada balu atau duda atau anak yatim pekerja iaitu *Malay States Railways Provident Fund*.

Sebagai penjelasan berhubung dengan pelepasan sehingga RM3,000 bagi bayaran premium insurans atau sumbangan takaful adalah merujuk kepada polisi hayat sahaja. Manakala bagi bayaran premium kepada polisi perubatan, pelepasan diberikan secara berasingan sehingga RM3,000 yang boleh dituntut bersekali dengan bayaran premium polisi pendidikan, itu *separate* Yang Berhormat, sebanyak RM3,000 itu *separate* boleh juga dituntut secara berasingan.

Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, pertama ialah tentang kajian semula duti import basikal. Yang Berhormat Senator naik basikal? Kalau naik boleh kita naik di Putrajaya, *one round* itu dalam 16 kilometer.

Pada masa ini basikal lumba ataupun *they call it Racing Bike* (RB) dan basikal yang digunakan oleh kanak-kanak. *Bicycle design to be ridden by children*. Jadi kalau orang tua naik basikal kanak-kanak itu namanya salah guna. Telah tertakluk kepada kosong duti import,

manakala lain-lain jenis basikal adalah tertakluk kepada 25 peratus duti import. Adakah kerajaan dapat menurunkan duti import jenis *mountain bike* ini dan adakah bercadang untuk menurunkan kadar duti import basikal sehingga 100 peratus. Sama ada kerajaan bercadang untuk memperkenalkan kod tarif baru untuk *mountain bike*?

Selaras dengan langkah Belanjawan 2019, kerajaan telah mengumumkan penurunan kadar duti import produk basikal di bawah kod tarif 8712.00.30 iaitu di bawah *others bicycle* daripada 25 peratus kepada 15 peratus. Jadi, memang sudah turun sedikit Yang Berhormat Senator. Ini termasuklah basikal jenis *mountain bike*.

Sehubungan itu cadangan untuk memperkenalkan kod tarif baru adalah tidak berbangkit. Jadi, sebenarnya *mountain bike* ini ada yang di-*assemble* dalam negara kita. Jadi, kalau yang dibawa daripada luar tidak dikenakan langsung, mungkin yang di-*assemble* dalam negara kita ini mungkin tidak mendapat sambutan. Jadi, kena tetapi tidaklah banyak cuma 25 peratus turun kepada 15 peratus.

Kemudian, perkara yang dibangkitkan tentang pembelian rumah pertama. Bagi terus menggalakkan pembelian rumah pertama oleh rakyat Malaysia dan meningkatkan pembelian unit rumah yang tidak terjual daripada pemaju serta merancakkan pasaran hartanah adalah dicadangkan layanan pengecualian duti setem diberikan seperti berikut. Saya terpaksa sebut satu persatu kerana ia ada sedikit perbezaan di antara satu sama lain.

Pertama, pengecualian duti setem 100 peratus ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman, kedua-dua sekali. Bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang bernilai sehingga RM300,000, tidak lebih daripada RM300,000. Bagi Perjanjian Jual Beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020. Jadi, maknanya selama dua tahun ini, diberikan pengecualian duti setem 100 peratus ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman kedua-duanya sekali bagi pembelian rumah yang pertama yang tidak melebihi RM300,000.

Kedua, pengecualian duti setem 100 peratus terhad ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang bernilai antara RM300,001 dan RM1,000,000 daripada mana-mana pemaju perumahan bagi tempoh enam bulan sahaja, bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019. Ini kita bagi enam bulan sahaja. Bagi rumah antara RM300,001 dan RM1,000,000 itu diberikan ke atas pengecualian duti setem 100 peratus kepada surat cara pindah milik sahaja. Jadi, tentang perjanjian pinjaman dia kena bayar.

Ketiga, pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang bernilai antara RM300,001 hingga RM500,000.

■1440

Pengecualian duti setem 100 peratus diberikan terhad kepada RM300,000 yang pertama harga rumah tersebut. Baki selebihnya daripada harga rumah tersebut adalah tertakluk kepada kadar duti setem semasa, iaitu *ad valorem*. Ia ada peratusan daripada baki itu yang perlu di bayar. Pengecualian ini bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Julai 2019 sehingga 31 Disember 2020.

Yang Berhormat bertanya tentang nilai harga rumah bagi pengecualian duti setem, boleh naik atau tidak daripada RM500,000 ke RM600,000? Jadi, pengecualian duti setem bagi pembelian rumah pertama ini kita berikan ke atas surat cara pindah milik dan penyempurnaan bagi rumah yang bernilai sehingga RM500,000 sahaja. Nilai rumah tersebut merupakan harga kediaman mampu dimiliki bagi pembeli rumah pertama oleh kumpulan B40 dan juga M40. So, tidak ada cadangan setakat ini Yang Berhormat, kekal RM500,000.

Adakah pengecualian duti setem boleh digabungkan di antara suami dan isteri? Pengecualian ini boleh dituntut oleh suami dan isteri secara bersama dengan syarat suami atau isteri tidak pernah memiliki rumah kediaman sebelum ini. Maknanya, kedua-dua tidak pernah memiliki rumah, ini rumah yang pertama. Selain itu, harga rumah hendaklah tidak melebihi RM500,000. Apakah perbezaan pengecualian duti setem? Ini telah saya sebutkan tentang tiga perkara tadi.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah? Berkenaan dengan yang suami isteri itu, saya mohon penjelasan. Sekiranya kalau suami dan isteri itu memohon membeli rumah pertama ya, katakanlah maknanya sama ada suami ataupun isteri mohon rumah. Maknanya, dia akan dikecualikan duti setem dan juga pinjaman untuk sebuah rumah.

Persoalan saya, adakah kerajaan ingin hendak menimbangkan pembelian rumah secara individu? Maknanya, walaupun rumah itu dibeli oleh suami isteri tetapi ada kalanya *loan* itu dibagikan kepada dua, satu. Ia akan melibatkan harga rumah itu dan yang keduanya mungkin atas nama rumah, kemungkinan mungkin lepas dia bercerai kah sebagainya, rumah itu dikira sebagai- macam mana? Maknanya, ia punya kos untuk cukai setem dan sebagainya itu, macam mana kerajaan mendefinisikan sekiranya berlaku perkara-perkara sebegitu? Oleh

sebab ia *join names*, kemudian kalau dia hendak beli rumah kedua, rumah yang salah seoranglah maknanya.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, tadi saya terlupa hendak mohon penjelasan, tertinggal satu perkara berkenaan dengan cukai digital. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit penerangan tentang cukai digital kerana ini banyak melibatkan anak muda kerana pembelian *Netflix* dan sebagainya. Adakah ia cukai itu dikenakan- macam sebelum ini, kita ada cukai WHT. Akan tetapi cukai WHT ini sepatutnya dikenakan macam *Facebook* dan sebagainya tetapi dia mengenakan WHT akhirnya kepada pengguna.

Sekarang ini katakanlah kalau macam *Netflix* ataupun barangan digital, macam mana ia didefinisikan? Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh terangkan. Kalau contohnya kalau kita- macam saya selalu pakai *Kindle*. Kalau beli buku itu adakah di-*tax*? Atau pun kalau katakanlah pembelian secara terus daripada *website overseas*, ia bagi minimum RM400 baru dikenakan *tax*. Akan tetapi adakah selepas ini macam mana? Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberi sedikit penerangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Okey, terima kasih. Tentang yang suami isteri tadi itu, apa jadi kalau selepas ini bercerai dan sebagainya. Saya ingat kita tidak perlu masuklah perbincangan itu, bercerai-berai ini Yang Berhormat. Akan tetapi kalau berlakulah perkara tersebut, saya ingat tidak mengapa, nanti mungkin saya dapat *advise* ikut sedikit daripada belakang ini, kalau berlaku perkara yang sedemikian. Tentang cukai digital itu saya akan sentuh di akhir nanti Yang Berhormat ya, *insya-Allah*.

Seterusnya, bagi menjawab apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa iaitu kajian keberkesanan pengenalan SST dalam mengurangkan harga barangan di pasaran. Ya, memang kita sebut dahulu GST telah membawa hasil kurang lebih RM44 bilion setahun kepada negara. Kemudiannya SST mungkin dalam RM22 bilion ataupun RM21 bilion. Jadi, kita ada *shortfall* dalam RM22 bilion itu.

Jadi, secara logiknya kalau negara telah mendapat hasil yang kurang, *savings* ini sepatutnya pergi kepada penurunan harga barangan dan juga perkhidmatan yang berada dalam negara kita. Akan tetapi apakah sebenar itu berlaku?

Kajian telah dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke atas pelaksanaan SST daripada sudut harga bagi 417 barangan. Barangan ini merangkumi enam kategori iaitu:

Barangan	Item
Segar	136
Kering	25
Berbungkus (tin, pek, botol)	159
Minuman	25
Makanan dan barangan bayi	49
Kebersihan	23
Jumlah	417

Daripada analisa perubahan harga dibuat berdasarkan perbandingan harga purata antara bulan Mei 2018 dan September 2018, secara keseluruhannya 70 peratus atau 291 barangan mencatatkan penurunan. Sejumlah 27 peratus atau 115 item mengalami kenaikan purata dan tiga peratus atau 11 item tiada perubahan harga.

Akan tetapi menjadi kelazimanlah yang turun itu tidak di-*highlight*-kan sebanyak 70 peratus itu. Akan tetapi yang 27 peratus yang mengalami kenaikan, ini yang digembargemburkan sehingga ia memberikan suatu impak keseluruhan seolah-olah pengenalan semula SST bagi menggantikan GST pada keseluruhannya menyebabkan harga barang telah naik.

Padahal macam yang saya telah sebut tadi, ini yang telah dibuat oleh KPDNHEP. Sebanyak 70 peratus sebenarnya senarai barangan telah mengalami penurunan harga. Perbezaan jumlah tuntutan bayaran balik GST seperti yang Yang Berhormat sebutkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Amaun tunggakan bayaran balik GST sebanyak RM19.47 bilion tersebut adalah tepat dan tiada perbezaan amaun di antara kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Laporan Ketua Audit Negara 2017. Apa yang membezakan adalah Laporan Ketua Audit Negara memperincikan amaun tertunggak sebanyak RM19.47 bilion itu seperti berikut:

Kategori Tertunggak	Amaun (RM)
Telah diluluskan	1.45 bilion
Dalam semakan	9.65 bilion
Tiada pembekalan bercukai	3.9 bilion
Isu lepasan	0.95 bilion
Masih dalam siasatan	3.52 bilion
Jumlah	19.47 bilion

Apa yang dimaksudkan dengan amaun RM19.47 bilion yang telah disahkan dan diperhalusi adalah bermaksud amaun tersebut telah disahkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebagai amaun yang tertunggak dan perlu dibayar.

Selain itu, Laporan Ketua Audit Negara adalah berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh JKDM yang mana permohonan tuntutan pulang balik sebanyak RM19.47 bilion sedang dalam semakan Audit Meja JKDM semasa laporan tersebut disediakan. Mengikut JKDM, keseluruhan semakan kini telah selesai dilaksanakan dan RM19.47 bilion telah diluluskan untuk dibuat bayaran pada akhir bulan Julai 2018. Kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah berdasarkan kepada kedudukan terkini tuntutan bayaran balik GST tersebut. Semua tuntutan tersebut adalah tuntutan zahir yang perlu dibuat bayaran. Seperti yang telah kita sebutkan, kita telah memperuntukkan dalam Bajet 2019 untuk bayaran balik ini diselesaikan.

Elemen cukai berganda apabila *imported services* diperkenalkan di dalam SST yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa. Mengenai cukai perkhidmatan ke atas *imported services* adalah bagi mewujudkan *level playing field*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, antara penyedia perkhidmatan tempatan dan penyedia perkhidmatan luar negara. Sekiranya langkah ini tidak diambil, maka pengguna di Malaysia akan lebih mengimport perkhidmatan daripada luar negara kerana tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

■1450

Manakala sasaran kutipan SST tahun ini yang ditanya oleh Yang Berhormat. Jumlah kutipan SST dari 1 September 2018 sehingga 17 Disember 2018 adalah sebanyak RM4.5 bilion. Anggaran kutipan bagi tahun 2019 adalah RM22 bilion yang mana pecahan adalah seperti berikut, cukai jualan kita anggar dapat kita kutip RM13.8 bilion dan cukai perkhidmatan RM8.2 bilion.

Kesan cukai jualan kepada pengilang batik dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Secara asasnya Yang Berhormat, pengilang batik telah diberi pengecualian daripada berdaftar di bawah cukai jualan. Mereka tidak kena yang menjual batik ini- pengilang batik tidak kena cukai jualan.

Ini bermaksud pengilang batik tidak perlu mengenakan cukai jualan ke atas penjualan produk batik mereka. Namun begitu, pembatik yang tidak berdaftar perlu membayar cukai jualan ke atas input pengilangan mereka. Di dalam memastikan mereka mendapat pengecualian di atas input pengilangan mereka- kalau hendak dapat juga mereka- pembatik mempunyai pilihan untuk berdaftar sebagai pengilang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018. Apabila pembatik berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018, pembatik boleh

mendapatkan pengecualian bagi pengimportan bahan-bahan mentah sebagai mana yang ditetapkan di bawah perintah cukai jualan iaitu orang yang dikecualikan daripada cukai 2018.

Jadi maknanya mereka yang- barang yang mereka import pun mereka berdaftar. Kemudian boleh mendapatkan pengecualian dan barangan yang mereka- produk batik yang *produce* pun tidak perlu mereka kenakan cukai jualan. Jadi maknanya harga yang mereka tawarkan itu akan menjadi cukup kompetitif.

Kemudian Yang Berhormat juga mencadangkan agar kadar *threshold* pendaftaran bagi restoran diturunkan kepada RM500 ribu dan kadar cukai dikenakan lima peratus bagi restoran, diturunkan daripada enam peratus ke lima peratus.

Threshold bagi tujuan pendaftaran di bawah cukai perkhidmatan bagi restoran telah ditetapkan pada awalnya ialah pada RM500 ribu. Itu yang awal yang dibentangkan awal RM500 ribu. Kemudian, kita membuat roadshow untuk menerangkan kepada peniaga dan sebagainya. Di dalam *roadshow* ini- dalam salah satu daripada *roadshow* ada pandangan yang meminta supaya Menteri Kewangan menaikkan *threshold* daripada RM500 ribu kepada RM1 juta. Menteri Kewangan terima, so kita naikkan RM1 juta.

Tujuannya ialah supaya lebih banyak restoran yang *aggregate sale* setahun itu yang tidak sampai sejuta jadi dia tidak perlu kenakan *service tax*. Ini akan menyebabkan harga barang atau makanan, minuman dan sebagai di restoran-restoran itu tidak akan naik dan kekal berada pada kadar yang lama bagi membolehkan ramai daripada kita sekarang ini selain daripada makan di rumah sedikit-sedikit, yang banyaknya ialah kita pergi makan di luar dengan keluarga, dengan kawan-kawan.

Jadi naik daripada RM500 ribu, naik RM1 juta. Pergi lagi *roadshow* ada lagi restoran yang kata, "*Hoi, sejuta ini sedikit sangat, kami lepas ini terpaksa kenakan.*" Jadi diminta untuk dinaikkan kepada RM1.5 juta. Yang Berhormat Menteri Kewangan sekali lagi- saya ingat Yang Berhormat Menteri Kewangan ini 'dok' di Penang. Orang Penang kalau tidak makan di luar bukan orang Penanglah. Jadi dia pun mendengar keluhan daripada pemilik restoran ini untuk dinaikkan lagi. Maka dinaikkan lagi daripada RM1 juta kepada RM1.5 juta agar lebih ramai- Yang Berhormat Senator Yusmadi orang Tanjong ini- orang Tanjong ini memang makan dekat luar sahaja.

Jadi agar lebih ramai, lebih banyak restoran-restoran yang tidak mengenakan cukai perkhidmatan ini dan kita dapat *kept* harga itu pada harga yang membolehkan ramai rakyat Malaysia untuk menikmati makan bersama dengan keluarga dan kawan-kawan di luar.

Jadi itu rasionalnya dan dengan kita menurunkan Yang Berhormat mungkin lebih banyak restoran yang kena bayar dan lebih ramai yang akan kompelin kepada kita nanti. Walaupun Yang Berhormat cadangkan supaya kadar itu diturunkan daripada enam peratus kepada lima peratus.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili, tentang nilai ambang dan kaedah pengiraan nilai ambang kerugian tujuh tahun taksiran. Sebenarnya tidak ada sebarang nilai ambang ditetapkan kepada mana-mana syarikat untuk membawa baki kerugian ke hadapan. Banyak mana pun boleh, tidak ada *threshold*. Semua baki-baki kerugian yang sedia ada boleh dibawa ke hadapan untuk tujuh tahun taksiran sehingga habis baki tersebut.

Kedua, Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan bagaimana kerajaan menampung impak hasil daripada pengurangan kadar cukai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ini yang kita turunkan daripada 18 peratus kepada 17 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat, implikasi hasil kepada kerajaan bagi langkah cukai ini di anggarkan sebanyak RM294 juta setahun. Bilangan SME yang mendapat manfaat adalah kurang lebih 175,000 bilangan SME yang akan mendapat manfaat daripada pengenalan cukai yang dikurangkan daripada 18 peratus ke 17 peratus ini.

Bagi mengimbangi kesan ini, kerajaan juga telah memperkukuh layanan-layanan cukai sedia ada seperti sekatan masa tujuh tahun, program tawaran pengakuan secara sukarela, dan kenaikan kadar cukai bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah. Selain itu, pengenalan cukai baru iaitu *sugar-sweetened beverages* yang mana boleh membantu sikit sebanyak mengimbangi kesan implikasi hasil kepada kerajaan.

Akhirnya, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin tentang *digital tax* ini. Kerajaan akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital, *digital product*- mekanisme syarikat luar negara akan berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan mengenakan cukai apabila pengguna di Malaysia membeli atau mengimport *digital product* tersebut.

Langkah ini adalah bagi mewujudkan *level playing field* dan tidak adil hanya perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat tempatan sahaja dikenakan cukai perkhidmatan. Pembelian barang fizikal yang ditempah atas talian tidak akan dikenakan cukai perkhidmatan. Jadi *services* itu kena, barang itu- kalau ikut sinilah pembelian barang fizikal yang ditempah atas talian tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Tentang suami isteri tadi. Tidak habis lagi suami isteri ini. Penceraian selepas itu tidak memberi sebarang kesan kepada pengecualian duti setem yang telah diberikan. Bagi

pembelian rumah kediaman rumah selepas itu, pengecualian duti setem tidak layak dituntut oleh suami ataupun isteri berkenaan kerana mereka telah pun mendapat layanan pada masa pembelian yang pertama.

Jadi, kalau tidak mahu hendak beli yang baharu punya, tidak usah bercerailah- kira rumah yang dibeli awal itu kira aci lah kan. Jadi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu yang dapat saya berikan jawapan yang- perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator dalam perbahasan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan dan sekarang kita sambung teruskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

■1500

[Majlis bersidang dlm Jawatankuasa]

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 37** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

15.35ptg

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2018, untuk memindah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2018 yang dicadangkan adalah bagi melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai dan juga bertujuan penguatkuasaan undang-undang cukai yang memerlukan pindaan kepada akta tersebut.

Saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal mengenai Rang undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2018, rang undang-undang ini mempunyai 10 fasal tidak sebanyak macam tadi ya, seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2018 dan peruntukan ke atas permulaan kuat kuasa cadangan pindaan akta seperti berikut. Fasal 3, 4 dan 5 disifatkan mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran berikutnya. Fasal 2, 6, 7, 8, 9 dan 10 disifatkan mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 2 bertujuan meminda subseksyen 75B(1)(a)(i), Akta 53 bagi menjelaskan bahawa mana-mana setiausaha syarikat yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia adalah turut dipertanggungjawabkan bagi pihak perkongsian liabiliti terhadap untuk mematuhi semua perkara di bawah Akta 53.

Fasal 3 bertujuan meminda subseksyen 77A, Akta 53 bagi menjelaskan bahawa setiap syarikat perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi untuk mengemukakan penyata kewangannya kepada ketua pengarah berdasarkan penyata kewangan dibuat mengikut Akta Syarikat 2016.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 82(5), Akta 53 bagi menjelaskan bahawa ketua pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan suatu notis bagi menghendaki seseorang itu mengemukakan penyata kewangan kepada ketua pengarah berdasarkan penyata kewangan dibuat mengikut Akta Syarikat 2016.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 99, Akta 53 dengan memasukkan peruntukan baru (1A) bagi menjelaskan rayuan terhadap Notis Taksiran Anggaran yang dibangkitkan oleh ketua pengarah di bawah subseksyen 90(3) hendaklah dikemukakan bersama borang nyata cukai pendapatan.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 117, Akta 53 dengan memasukkan subseksyen baru bagi memperuntukkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang menerima maklumat terkelas dan mendedahkan kepada pihak lain dan boleh dikenakan penalti tidak melebihi RM4,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 132, Akta 53 dengan memasukkan peruntukan baru (1A) bagi membolehkan sebarang perkiraan atau, dengan izin, *arrangement* berkenaan dengan perjanjian penggalakan percukaian dua kali ditandatangani dan diwartakan bagi mencegah penghakisan asas dan pemindahan keuntungan atau, dengan izin *base-erosion and profit shifting bat*.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 132B, Akta 53 dengan memasukkan peruntukan baru (1A) bagi menjelaskan di bawah bantuan pentadbiran bersama apa-apa pertukaran maklumat berkait percukaian bagi, dengan izin, *arrangement* antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan luar tidak dihalang oleh seksyen 138 Akta 53 berkenaan penzahiran maklumat terkelas kepada pekhidmat yang diberi kuasa yang sewajarnya.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 132C ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan suatu kaedah baru bagi membolehkan Kerajaan Malaysia menyertai, dengan izin, *arrangement* dua hala atau pelbagai hala yang memberi kesan kepada obligasi-obligasi antarabangsa Malaysia berhubung dengan cukai di bawah akta atau apa-apa undang-undang bertulis yang lain.

Fasal 10 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah bagi melaksanakan atau memudah cara pengendalian *arrangement* di bawah seksyen baru 132C. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis adalah suatu akta untuk memindah Akta Cukai pendapatan 1987 dibacakan kali kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahas.

■1510

Ahli Yang Berhormat, akta ini nampaknya tidak ada Ahli Yang Berhormat hendak berbahas...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak bahas tetapi hendak minta arahan dan juga pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Sebab saya tengok dalam pindaan ini, yang diperkenalkan pun bahasa Inggeris. Ini bukan-saya pencinta Bahasa Melayu jugalah. Sebab yang dicadangkan dalam versi Bahasa Melayu ini pun, perenggan bahasa Inggeris, "*Dengan memasukkan...*". Contohnya lah di fasal 5 seksyen 99, Akta Ibu dipinda. Dalam subseksyen 1 *bla, bla, bla (b)*, ia perkenalkan perenggan bahasa Inggeris. Selepas itu apabila saya tengok dalam terjemahannya pun, bahasa Inggeris juga.

Kenapa saya tekankan perkara ini, sebab bagi saya, apabila kita memasukkan pindaan itu, di mana perenggan yang berbahasa Melayu? Itu soalan saya. Sebab bagi saya itu ada konotasi Perlembagaan. Kalau tidak, tidak perlu ada dua terjemahanlah. Yang Berhormat Menteri dapat saya punya penjelasan itu bukan? Ya, itu sebab saya takut nanti macam biasa. Kita tidak mampu hendak terjemahkan perkataan- bagi saya cukai ini boleh terjemah. Bagi sayalah [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Cuma naskhah yang Bahasa Melayu saya tengok tidak ada. Mohon penjelasan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Tidak bangun tanya tidak apa. Bangun tanya *kalut* gila.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin sekejap untuk mendapat- sudah sampai pun. Terima kasih. Kenapa perubahan yang dibuat pun adalah di dalam teks bahasa Inggeris? Jawapannya ialah Tuan Yang di-Pertua ialah Akta Cukai Pendapatan kita ini tidak pernah diterjemahkan ke dalam versi Bahasa Malaysia. Teks asalnya masih dalam bahasa Inggeris. Saya ingat apabila sudah ditegur oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi ini saya ingat, *time* inilah untuk kita memastikan bahawa Akta Cukai Pendapatan ini- namanya pun Akta Cukai Pendapatan tetapi *dok* dalam bahasa Orang Putih ini untuk kita lihat dan pastikan ia berada dalam versi Bahasa Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Cuma sebagai tambahan memandangkan ia satu perkara yang baik juga. Sebab ia ada konotasi daripada segi apa versi yang rasmi dan versi yang kita panggil *secondary*. Benda itu ada aturannya. Saya rasa adalah lebih baik kita

peka daripada awal dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberikan perhatian kepada perkara tersebut. Saya rasa perkara ini boleh dilakukan selepas 60 tahun merdeka terutama dengan galakan daripada Tuan Yang di-Pertua yang sentiasa berpantun, bahasa yang tinggi. Kita cuba ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya. Satu pandangan baik ya. Pandangan baik pada Ahli saya. Jadi saya teruskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.17 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2018 untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan

Labuan 1990. Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2018 yang dicadangkan adalah bagi melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini yang mempunyai dua fasal sahaja.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2018.

Fasal 2, bertujuan meminda seksyen 21 Akta 445 sebagai pindaan berbangkit, dengan izin, *consequential amendment* berikutan kemasukan seksyen baru 132C ke dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 melalui Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2018 bagi membolehkan Kerajaan Malaysia menyertai, dengan izin, *arrangement* dua hala atau pelbagai hala yang memberi kesan kepada obligasi-obligasi antarabangsa Malaysia berhubung dengan cukai di bawah akta atau apa-apa undang-undang bertulis yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

■1520

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) (NO.2) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.26 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2018 untuk meminda Akta Kastam 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2018 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Kastam 1967 iaitu Akta 235 dengan tujuan untuk memperkasa tindakan penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah Akta 235. Kegiatan penyeludupan pelbagai komoditi serta penjualan rokok dan minuman keras tidak sah terus berlaku walaupun aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan giat dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Bagi membanteras aktiviti penyeludupan rokok dan minuman keras, pelbagai inisiatif telah diambil oleh JKDM termasuklah:

- (i) memperluaskan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain termasuklah di pintu keluar dan masuk di sempadan Malaysia melalui penubuhan *taskforce* yang dianggotai oleh JKDM, PDRM dan SPRM yang memfokuskan kepada aktiviti penyeludupan rokok dan minuman keras;
- (ii) melaksanakan dasar tindakan penggantungan kebenaran ejen-ejen penghantaran yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kastam 1967 dan lain-lain akta yang berkaitan;
- (iii) mengawal pengimportan rokok melalui lesen mengimport tembakau yakni termasuk rokok;

- (iv) melakukan aktiviti harian penguatkuasaan termasuklah rondaan darat, rondaan laut, pemeriksaan rapi kenderaan, premis dan *outlet* terutama yang disyaki menyimpan barangan belum lulus kastam; dan
- (v) melaksanakan operasi *outlet* rokok yang telah diadakan sejak tahun 2010 yang bertujuan untuk menyekat saluran penyeludupan dan penjualan rokok di *outlet* dan premis-premis yang menjual rokok tidak sah.

Sungguhpun pelbagai inisiatif telah dijalankan, namun produk alternatif haram atau produk yang mempunyai label duti kastam palsu masih lagi wujud dan semakin berleluasa sehingga mengakibatkan ketirisan hasil yang tinggi kepada kerajaan. Bagi tahun 2017 sahaja, nilai duti dan cukai ke atas rokok serta minuman keras yang dirampas, masing-masing adalah sebanyak RM992 juta bagi rokok, manakala RM185 juta bagi minuman keras. Kehilangan hasil sebenar kerajaan adalah jauh lebih tinggi, melebihi RM4 bilion setahun dengan mengambil kira hanya sebahagian sahaja yang dapat dikesan oleh JKDM.

Sehubungan dengan itu, Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2018 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Kastam 1967 dengan tujuan untuk memperkasakan tindakan penguatkuasaan oleh JKDM serta untuk menaikkan hukuman penalti bagi kesalahan melibatkan penyeludupan dan pengelakan cukai terutamanya bagi produk rokok dan minuman keras.

■1530

Antara pindaan yang dilaksanakan adalah meningkatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan berikut:

- (i) enggan memberi maklumat atau memberi maklumat palsu;
- (ii) menyeludup rokok dan minuman keras;
- (iii) menyerang dan mengugut pegawai Kastam; dan
- (iv) menawarkan atau menerima rasuah.

Melalui penguatkuasaan serta hukuman yang lebih berat, kerajaan menjangka dapat mengurangkan aktiviti penyeludupan dan penjualan rokok dan minuman keras tidak sah dan seterusnya menyumbang kepada tambahan hasil kepada negara.

Dalam usaha mengekang aktiviti penyeludupan ini juga, kerajaan telah meluluskan perolehan mesin pengimbas baharu untuk ditempatkan di pintu-pintu masuk negara. Penggunaan mesin pengimbas ini sekali gus mampu mengurangkan risiko ketirisan hasil melalui penggunaan teknologi berbanding kaedah pemeriksaan secara fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal mengenai Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2018. Rang undang-undang ini mempunyai 14 fasal seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda takrif *intoxicating liquor* dengan menggantikan sukatan sebatian alkohol daripada *two per centum of proof spirits* kepada *1.14 per centum volume over volume of alcohol*.

Fasal 3 bertujuan memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh menolak daripada membuat ketetapan Kastam sekiranya mengikut pendapatnya suatu kajian semula di bawah Akta 235 yang melibatkan perkara yang disebut dalam permohonan yang dibuat di bawah seksyen 10A, Akta 235 masih belum selesai.

Fasal 4 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seorang pegawai kanan Kastam mesti mempunyai semua kuasa seorang pegawai polis dalam apa jua pangkat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah berhubung dengan penguatkuasaan penyiasatan dan pemeriksaan.

Fasal 5 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baharu iaitu 119A bagi memperuntukkan supaya mahkamah boleh memerintahkan seseorang yang telah didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta 235 untuk membayar kepada Ketua Pengarah amaun duti Kastam yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar. Bagi orang yang telah didapati tidak bersalah di bawah akta ini dan telah membayar duti Kastam yang genap masa dan kena dibayar berdasarkan seksyen 145A, mahkamah boleh memerintahkan amaun yang telah dibayar itu dibayar balik jika tiada notis rayuan difailkan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 133, Akta 235 yang mana subfasal 6(a) bertujuan untuk meminda seksyen 133(1)(c), Akta 235 untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menyebabkan apa-apa dokumen dilancarkan atau dipalsukan atau yang menyebabkan digunakan atau membantu dalam penggunaan dokumen yang dipalsukan dalam apa-apa transaksi perniagaan atau perkara yang berkaitan dengan Kastam.

Subfasal 6(b) bertujuan untuk meminda seksyen 133(1), Akta 235 untuk menaikkan tempoh penjara bagi kesalahan di bawah seksyen 133(1)(a) hingga (g) daripada lima tahun kepada tujuh tahun.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 134(1), Akta 235 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan enggan memberikan maklumat atau memberi maklumat palsu daripada

tempoh penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya kepada tempoh penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 135, Akta 235 yang mana subfasal 8(b) bertujuan untuk meminda perenggan 135(1)(i) untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah subseksyen 135(1) berkaitan dengan barang yang termasuk dalam kelas barang yang terdapat dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 11(1).

Bagi kesalahan pertama, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada 10 kali ganda amaun duti Kastam atau RM50,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar dan tidak lebih daripada 20 kali ganda amaun duti Kastam atau RM500,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya, penalti meningkat kepada denda tidak kurang daripada 20 kali ganda amaun duti Kastam atau RM100,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar dan tidak kurang daripada 40 kali amaun duti Kastam atau RM1 juta mengikut mana-mana amaun yang lebih besar atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Subfasal 8(d) bertujuan untuk meminda perenggan 135(1)(iii) untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah subseksyen 135(1) berkaitan dengan barang larangan selain rokok yang mengandungi tembakau dan *liquor* yang memabukkan. Bagi kesalahan pertama, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda nilai barang atau RM50,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar dan tidak lebih daripada 20 kali ganda nilai barang atau RM500,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada 20 kali ganda nilai barang atau RM100,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar dan tidak lebih daripada 40 kali ganda nilai barang atau RM1 juta mengikut mana-mana amaun yang lebih besar atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Subfasal 8(e) bertujuan untuk memasukkan sub perenggan baru iaitu 135(1)(iv) dan (v). Perenggan 135(1)(iv) bertujuan untuk memperuntukkan penalti khusus bagi kesalahan di bawah subseksyen 135(1) berkenaan dengan rokok yang mengandungi tembakau dan *liquor*

yang memabukkan yang termasuk dalam kelas barang yang terdapat dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 11(1).

Perenggan 135(1)(v) bertujuan untuk memperuntukkan penalti khusus bagi kesalahan di bawah subseksyen 135(1) berkenaan dengan rokok yang mengandungi tembakau dan *liquor* yang memabukkan yang merupakan barang larangan. Pindaan ini dibuat untuk menghalang penyeludupan rokok yang mengandungi tembakau atau *liquor* yang memabukkan yang sekarang ini semakin meningkat dan untuk mencegah kehilangan hasil kerajaan.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 136, Akta 235 yang mana subfasal 9(a) bertujuan untuk meminda perenggan 136(a) untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang menghalang, mencabul atau mengugut mana-mana Pegawai Kastam atau penjawat awam lain atau mana-mana orang yang bertindak menolong atau membantunya atau diambil bekerja dengan sewajarnya bagi pencegahan penyeludupan adalah melakukan satu kesalahan.

Subfasal 9(b) bertujuan untuk meminda perenggan 136(b) untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang menyelamatkan atau membantu menyelamatkan atau menyebabkan diselamatkan mana-mana orang yang ditahan adalah melakukan suatu kesalahan.

Subfasal 9(c) dan (d) bertujuan untuk meminda perenggan 136(i) dan (ii) untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah perenggan 136(a), (aa), (b) atau (c). Bagi sabitan pertama, penalti dinaikkan daripada penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya kepada penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya. Bagi sabitan kedua atau sabitan berikutnya, penalti dinaikkan daripada penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya kepada penjara tidak melebihi tujuh tahun atau denda tidak melebihi RM1 juta atau kedua-duanya.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 137(1) Akta 235 untuk menaikkan denda bagi kesalahan di bawah perenggan 137(1)(a), (b) dan (c) daripada denda tidak melebihi RM10,000 kepada denda tidak melebihi RM500,000.

■1540

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 138, Akta 235 untuk meningkatkan penalti am daripada denda tidak melebihi RM20,000 kepada denda tidak melebihi RM50,000.

Fasal 12 bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu iaitu 142(19A) ke dalam Akta 235 untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mengawal selia apa-apa perkara yang berhubungan dengan ejen Kastam.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 143, Akta 235 untuk membenarkan mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah untuk memohon kepada Ketua Pengarah untuk kajian semula mana-mana keputusannya dalam masa 30 hari dari tarikh orang itu telah diberitahu tentang keputusannya itu dengan syarat bahawa tiada rayuan telah dibuat ke atas keputusan yang sama kepada tribunal atau Mahkamah Tinggi. Seksyen 143 ini tidak membenarkan kajian semula dibuat dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 128(3).

Peruntukan ini juga membenarkan mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah mengenai kajian semula atau di bawah mana-mana peruntukan lain, kecuali apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 128(3), untuk merayu kepada tribunal dalam masa 30 hari dari tarikh pemberitahuan secara bertulis mengenai keputusan itu kepada orang yang terkilan. Peruntukan ini juga menjelaskan bahawa apa-apa duti Kastam yang kena dibayar hendaklah dibayar pada tarikh genap masa walau apa pun, apa-apa kajian semula atau rayuan telah dibuat di bawah seksyen ini.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 145A ke dalam Akta 235 yang memperuntukkan bahawa permulaan prosiding atau pengenaan penalti, denda atau tempoh penjara di bawah Akta 235 atau pengkompaunan kesalahan di bawah seksyen 131 tidak akan melepaskan mana-mana orang daripada liabiliti untuk membayar duti Kastam, penalti atau surcaj di bawah Akta 235.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis iaitu suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Akta ini nampaknya ada seorang sahaja Ahli Yang Berhormat iaitu saya jemput Yang Berhormat Datuk Haji Husam bin Musa, silakan.

3.43 ptg.

Datuk Haji Husam bin Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk mengisi masa mengantuk- saya mengambil bahagian untuk sedikit bahas rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini adalah untuk meningkatkan penalti ke atas kesalahan-kesalahan mengimport rokok dan juga minuman keras yang palsu. Ini adalah pada pendapat saya ekoran daripada peristiwa adanya kematian hasil daripada penggunaan bahan-bahan tersebut. Penalti yang dikenakan ditingkatkan dan pertama kali saya kira hukuman rotan dimasukkan, hukuman sebat dimasukkan ke dalam kesalahan-kesalahan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Saya tidak berapa nampak bahawa peningkatan hukuman sebat ataupun pengenaan hukuman sebat ini mampu untuk mencegah kegiatan ini. Saya ingin tahu apakah- sepanjang saya baca rang undang-undang ini, tidak ada cadangan untuk membekukan atau terus membatalkan mana-mana lesen import bagi mana-mana syarikat yang terbabit. Bagi kesalahan pertama pun tidak ada pembatalan lesen import. Bagi kesalahan kedua pun tidak ada pembatalan lesen import, arak yang bercampur tadi. Saya kira pembatalan ataupun pembekuan lesen oleh mana-mana syarikat yang melakukan kesalahan adalah lebih berkesan daripada hukuman rotan.

Yang Berhormat semasa pembentangan juga telah menyebut tentang perlunya pelabuhan-pelabuhan dilengkapi dengan mesin imbas yang lebih sempurna. Saya ingin tahu adakah kerajaan akan turut mengkaji kedudukan sekarang? Sekarang ini, kalau tidak silap saya, kementerian ataupun Jabatan Kastam menggunakan konsep perkongsian pintar dengan pihak swasta. Di mana pihak swasta diberikan hak untuk menyediakan mesin imbas di pelabuhan-pelabuhan dan mereka boleh mengenakan caj yang minimum bagi perkhidmatan mereka.

Akan tetapi setakat yang saya sekali-sekala lihat, masalah dengan mesin pengimbas ini kadang-kadang ia tidak berfungsi. Jadi, oleh sebab dalam sesetengah keadaan, Jabatan Kastam tidak menyediakan petugas-petugas untuk membantu, membuka kontena jika sekiranya mesin pengimbas ini tidak berfungsi. Maka, kemungkinan barangan seperti ini yang kita hendak tegah masuk ini, masih dapat masuk.

Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah kedudukan mesin-mesin pengimbas di pelabuhan-pelabuhan di seluruh negara. Adakah Jabatan Kastam mengenal pasti kelemahan pelaksanaan mesin pengimbas pada waktu ini? Langkah-langkah yang akan diambil untuk

memastikan mesin pengimbas dan semua kontena yang membawa barangan diperiksa dengan teliti.

Bahkan, saya kira di negara lain, mereka telah melengkapkan *camera wireless* kepada badan anggota pegawai-pegawai Kastam yang bertugas di pelabuhan ataupun di lapangan terbang supaya kita boleh mengawal semua pergerakan Kastam, polis, UPP di sempadan secara sentral. *Command* dan *control*, dengan izin, secara sentral ini saya kira boleh meningkatkan dengan banyak hasil negara kita melalui kutipan Kastam ini. Saya pernah diberitahu jika sekiranya kita betul-betul mengemaskinikan pemeriksaan ini, kita boleh meningkatkan dengan mudah hasil negara daripada kutipan di pelabuhan dan lapangan terbang kepada 40 peratus. Ini adalah satu sumber yang besar yang membolehkan negara atau kerajaan mengurangkan cukai-cukai yang lain kepada rakyat.

Saya juga difahamkan apabila mesin pengimbas ini dilaksanakan, tidak ada ruang yang cukup untuk membuka kontena dan lain-lain. Saya kira jika sekiranya Yang Berhormat boleh sekali-sekala- minta maaf, boleh melawat. Dah tujuh bulan kita dah relaks sikit, ada masa lebih sikit. Kedudukan-kedudukan apa yang telah saya sebutkan. Dengan adanya *camera wireless* yang dipasang yang boleh mengelakkan kecuaiian dalam melaksanakan tugas dan mesin pengimbas yang *functional*, *insya-Allah* kita boleh menaikkan hasil kita melalui akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput juga Yang Berhormat Senator Alan Ling Sie Kiong.

3.49 ptg.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2018.

Saya ada tiga isu yang saya harap Kementerian Kewangan dapat mengambil berat. Isu pertama yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan satu kes kerana rang undang-undang ini adalah untuk menambah baik penguatkuasaan.

Akan tetapi kes ini berlaku pada 26 April 2013 terhadap Allahyarham Datuk Shaharuddin Ibrahim yang ditembak mati pada siang hari semasa beliau menuju ke pejabatnya di Putrajaya.

■1550

Setahu saya kes ini, setakat sekarang pun tidak ada sesiapa yang diheret ke mahkamah. Ini sudah empat atau lima tahun. Saya harap Kementerian Kewangan mesti mengambil berat terhadap kes bunuh ini kerana ini ancaman terhadap pegawai penguat kuasa kita, ini satu cabaran.

Mengikut laporan ia dilakukan- ia adalah perbuatan sindiket penyeludupan. Saya harap kementerian boleh memohon kepada pihak polis dan saya menyeru pihak polis supaya memaklumkan perkembangan kes tersebut. Ini kita- perbuatan yang ini kita harus menambah baik supaya moral pegawai penguat kuasa dapat dipertingkatkan dan nyawa mereka terbelas semasa menjalankan tugas penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua ialah isu integriti pegawai Kastam. Saya harap Kementerian Kewangan dapat meneliti untuk pegawai-pegawai Kastam kita, khususnya mereka yang berkhidmat di daerah-daerah di sempadan, *the bordering division*. Harap mereka jangan duduk begitu lama di satu-satu tempat itu. Kalau begitu lama, memang berisiko tinggi mereka cenderung untuk melakukan perkara yang tidak baik seumpama rasuah dan sebagainya. Saya harap ada satu mekanisme untuk memastikan integriti pegawai-pegawai Kastam dipertingkatkan. Itu perkara yang kedua, supaya mereka tidak duduk lama di sesuatu kawasan itu.

Isu yang ketiga yang ringkas Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai- saya difahamkan di Sarawak, saya pernah mewakili dalam kes Kastam, ada kekurangan pegawai pendakwa ataupun *prosecuting officer*. Di Sarawak ini ia tiada DPP. Pendakwa Raya di-*attached*, dengan izin, kepada Jabatan Kastam Negeri, tidak ada DPP. So, ia cuma dikendalikan oleh *prosecuting officer* yang tidak setaraf dengan peguam. Ini menjadikan masalah semasa kes-kes itu di bawa ke mahkamah. Untuk memastikan mutu pendakwaan itu dipertingkatkan selaras dengan hasrat penguatkuasaan, saya harap mungkin Kementerian Kewangan dapat menimbangkan untuk meminta dengan AGC supaya di setiap negeri itu DPP di-*attach*-kan kepada Jabatan Kastam negeri.

Satu lagi mengenai mutu persefahaman undang-undang pegawai penyiasat Kastam. Tuan Yang di-Pertua, saya pernah buat satu kes di mana suspek yang dibawa ke Mahkamah Majistret untuk ditahan reman itu, prosedurnya salah kerana mereka pemahaman undang-undang kurang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi kes yang dituduh hukuman 14 tahun yang ke bawah, tahanan reman tidak boleh pada permohonan pertama kali tiga hari, maksimum. Permohonan kedua kali empat hari. So, keseluruhannya tujuh hari sahaja untuk hukuman 14

tahun ke bawah. Akan tetapi dalam kes saya ini, dia ditahan lima hari kerana permintaan ataupun tujuh hari permintaan pegawai penyiasat yang kurang fasih dalam undang-undang. So, ini kita harus menambah baik supaya pegawai-pegawai kita dapat meningkatkan mutu mereka semasa menjalankan tugas-tugas mereka sebagai penguat kuasa. Itu sahaja daripada saya Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi? Tidak ada ya.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Tuan Yang di-Pertua, minta...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada, sila.

3.54 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2018. Ini berkaitan dengan macam mana kita mahu mengawal kemasukan barang-barang yang di seludup, khasnya di kawasan-kawasan di mana tidak ada Kompleks CIQ.

Di Sabah, di mana tempat saya banyak masuk itu kawasan yang terpencil, sebenarnya banyak laluan ini yang kita panggil jalan tikus, masih digunakan untuk sebagai laluan menyeludup. Saya menerima baik penambahbaikan dalam rang undang-undang ini sebab kita mahu memastikan bahawa pesalah-pesalah dan juga sindiket-sindiket penyeludupan ini dapat di bendung. Akan tetapi apa yang merisaukan saya adalah macam mana kita mahu memastikan bahawa kawasan-kawasan di mana tidak ada Kompleks CIQ ini dapat juga dipertingkatkan penguatkuasaannya. Khasnya apabila kita berdepan dengan penyeludupan arak, rokok dan juga bahan-bahan yang terlarang seperti dadah dan sebagainya.

Saya dapati bahawa bukan sahaja penyeludupan ini berleluasa tetapi penjualan barang-barang seludup ini juga dijual secara terang-terangan. Sebagai contoh di pekan saya di Keningau, kawasan ini terpencil tetapi penjualan barang-barang seperti rokok dan juga barang seludup ini dijalankan secara terbuka, bagaikan tidak ada penguatkuasaan.

Jadi, saya ingin mendapat perhatian daripada pihak kementerian, khasnya Kementerian Kewangan untuk bagaimanakah atau apakah kita mahu menambah aset kepada pihak Jabatan Kastam untuk memastikan lebih banyak operasi untuk membendung penyeludupan dan juga menjual barang-barang yang seludup ini? Kemudian kalau kita ke pekan-pekan ataupun bandar-bandar di Sabah, kita nampak orang menjual rokok, khasnya pendatang tanpa izin. Mereka ini menjual secara terbuka bagaikan tidak takut dengan undang-undang. Jadi, malangnya kebanyakan ini macam ada *informer*. Apabila ada operasi, mereka

sudah tahu ada operasi yang akan datang, kita tidak kelihatan orang-orang ini. Ini yang menghairankan sebab walaupun kita sudah banyak kali membuat operasi ini tetapi gejala ataupun proses menjual barang-barang rokok seludup dan kadang kalanya juga jual minuman keras ini masih berleluasa.

Jadi, saya minta supaya Kementerian Kewangan juga melihat bagaimana kita mahu bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia, khasnya di Bahagian Cawangan Khas iaitu Bahagian Risikan dan sebagainya untuk memastikan dalang-dalang ini tidak- kita dapat tangkap dan *prosecute*. Jadi, bagi rang undang-undang ini, saya menerima penuh usaha untuk meningkatkan kesalahannya atau denda itu. Akan tetapi saya rasa denda itu tidak cukup kalau tidak meningkatkan kita punya aspek pengawasan dan juga penguatkuasaan. Jadi, itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih banyak. Ada lagi? Baik, tidak ada...

Tuan Aknan a/l Ehtook: Tuan Yang di-Pertua, minta izin satu- sekejap. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

3.57 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Saya hendak menambah daripada Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang tadi. Ini tentang kelaziman kalau jabatan kerajaan atau Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam. Apabila berlaku penyeludupan, langkah pertama ialah untuk menaikkan cukai dan sebagainya. Saya rasa semua orang faham bahawa apabila kita naikkan cukai, orang yang menyeludup itu akan lagi seronok kerana harga di pasaran biasa sudah tinggi. Jadi, perbezaan harga dan keuntungan mereka dapat itu akan lagi tinggi.

Jadi, insentif untuk mereka bawa masuk itu lagi kuatlah. Jadi, saya rasa dalam hal ini, dalam apa jua kita cuba untuk mengelak penyeludupan dan sebagainya, fikirkanlah cara yang lebih berkesan. Saya selalu berpesan kepada kawan-kawan, kalau kita hendak tangkap pencuri, fikirkanlah macam pencuri, kalau tidak kita takkan dapat tangkap mereka. Lazimnya, macam kita kata kalau polis dan juga pihak berkuasa bekerja lapan hingga lima tetapi pencuri dia akan bekerja pada pukul enam sampai pukul tujuh pagi esok. Jadi, sampai bila pun tidak dapat hendak tangkap.

Jadi, dalam usaha kita untuk memperbaiki undang-undang yang ada, carilah ruang untuk memastikan bahawa mereka yang selalu dan suka melanggar undang-undang ini tidak kelak apabila kita meminda, sedangkan pindaan itu tidak memberikan kesan kepada mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak. Ya, tidak ada dan sekarang minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.59 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah bangun untuk mengambil bahagian berbahas tentang cadangan pindaan yang kita cadangkan ini.

■1600

Pertamanya, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa. Sebenarnya, dalam cadangan rang undang-undang pertama yang kita bentangkan di Dewan Rakyat, memang ada penalti hukuman sebat Yang Berhormat, yang kemudiannya disanggah dan diberi cadangan balas agar hukuman sebat itu ditarik keluar. Kita telah bersetuju dan hukuman sebat itu telah ditarik keluar. Hukuman sebat pun kalau sebat yang hendak menjadi satu pengajaran ini, ia hendaklah memang satu, menyakitkan dan keduanya, kalau dibuat di *public*, itu lebih memalukan dan mungkin lebih mendatangkan kesan. Akan tetapi setelah berbincang, perkara itu telah ditarik keluar.

Tentang pembatalan lesen import ini, Yang Berhormat. Pelesen ataupun mereka yang membuat import ini, setakat bilangan yang kita ada, sebanyak 64 pelesen untuk rokok, tembakau 59 pelesen dan minuman keras 225 pelesen. Jadi, bagi yang aktif sahaja, bawa masuk dan kita memastikan bahawa dia mengikut- ini tidak ada *under declaration* ataupun dia cuba juga untuk menipu dan sebagainya.

Akan tetapi bagi yang ada membuat cubaan-cubaan yang sedemikian seperti yang dicadangkan Yang Berhormat tadi, memang lesen mereka ini kita batalkan. Kebanyakan yang membawa masuk ini Yang Berhormat ialah mereka yang sebenarnya tidak mempunyai lesen langsung. Sememangnya kerja dia, *full-time smuggler*. Itu kerja dia. Jadi, dia bukan sambil-sambil, halal pun ada, yang haram pun tidak ada, dia sapu semualah. Ini bermakna dia tidak membayar langsung dan dia membawa masuk dengan tidak membayar.

Sebenarnya, kalau kita tengok di dalam pindaan yang kita cadangkan ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita hendak *introduce penalty* yang sebenarnya bagi mereka yang hendak membuat kerja ini, sedikit berbeza dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook tadi. Sebenarnya, kita hendak *introduce penalty* yang kalau sebelum ini, contohnya kalau dia membawa masuk rokok yang seludup, apabila kita dapat tangkap, yang kontenalah, apa lah semua itu, memang besarlah. Akan tetapi banyak

juga yang kita dapat tangkap ini seperti Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang tadi ialah mereka yang menjual di kedai-kedai yang sebenarnya tidak membayar duti ini, yang dikenakan pada waktu sebelum ini ialah kita kenakan berdasarkan kepada tidak kurang daripada sepuluh kali ganda daripada amaun duti eksais.

Sebenarnya, rokok kalau *average*-lah, saya tidak menghisap rokok dan saya yakin ramai Yang Berhormat pun tidak menghisap rokok. Akan tetapi kita tahu bahawa satu kotak yang jenama- nanti jadi *advertisement* pula kan. Jenama yang mahal-mahal inilah, satu kotak, 20 *sticks* itu, RM20. Dijual RM20.

Hal ini bermakna, sebatang seringgit. Daripada sebatang seringgit itu, sebenarnya yang mahal itu ialah duti kita itu yang mahal. Harga rokok kalau tidak silap saya dalam 17 sen macam tu sahaja, yang lain adalah merupakan duti. Jadi, apabila kita kenakan tidak lebih 20 kali daripada harga sebelum dikenakan duti, *which is 17 cent*, sebenarnya memang cukup sedikit. Kita dimaklumkan apabila ada yang kena tangkap, yang bayar apabila didakwa dan kena bayar ini, yang bayar itu bukan pekedai itu tetapi sindiket dia yang menjadi *pusher*, kita katakan. *Pusher* inilah yang dia pergi *kawtim* kan bayar, berapa hendak kena dibayar.

Jadi dalam pindaan ini, kita telah membuat pindaan bahawa denda tidak kurang daripada 10 kali ganda daripada *amount* duti eksais ataupun RM50,000 dan tidak lebih daripada 20 kali ganda daripada *amount* duti eksais atau RM500,000. Jadi, maknanya kita memberi isyarat kepada pelaku-pelaku kesalahan ini, sekiranya kamu kena tangkap sebenarnya tidak berbaloi melakukan kerja ini. Itu mesej yang kita hendak sampaikan supaya mereka tidak lagi melakukan kerja ini kerana jikalau kena tangkap, itu hukuman yang akan dikenakan.

Seperti kalau kita lihat juga Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara seperti Amerika Syarikat, banyak perkara yang mereka mintak kita *self-declare*, dengan izin, kita *self-declare*. Apabila kita *self-declare*, kita boleh *declare* lah. Kita hendak berbohong kah apa kah, semua. Akan tetapi penalti yang mereka kenakan, kalau kita ditangkap berdusta ataupun berbohong di dalam *declaration* kita itu, penaltinya cukup tinggi sehingga menyebabkan orang berfikir banyak kali, tidak berbaloi kalau aku hendak menipu kerana kalau kena tangkap memang penaltinya cukup tinggi.

Jadi, ini mesej yang kita hendak bawa di dalam pindaan ini, agar mereka yang membuat kerja-kerja yang tidak betul ini, berfikir dan mereka tidak akan melaksanakan perkara tersebut. Kemudian, Yang Berhormat Datuk Haji Husam bin Musa menyebut tentang mesin pengimbas. Ya, ini adalah merupakan satu perkara yang sebelum ini memang kita sudah

meletakkan mesin pengimbas dan kita ada banyak masalah. *Downtime* nya banyak. Ya lah *downtime* ini kalau kita hendak, dengan izin, *let our imagination runs wild*, ia akan berlaku kerosakan apabila ada benda-benda yang hendak dibawa masuk yang mungkin akan menyebabkan tanpa ada mesin ini senang mereka bawa masuk. Kita juga menghadapi apabila ada *downtime*, masa untuk membaiki mesin pengimbas ini mengambil masa yang lama.

Oleh sebab itu, kita telah meluluskan perolehan pembelian mesin pengimbas yang baru untuk ditempatkan. Kita juga mendapat banyak juga permohonan seperti Yang Berhormat Datuk Haji Husam bin Musa sebut tadi daripada pihak swasta yang menawarkan untuk menempatkan mesin-mesin pengimbas yang kerajaan tidak perlu mengeluarkan apa-apa kos tetapi mereka yang akan sediakan.

Kita juga, kalau sekiranya ini dipersetujui akan meletakkan syarat. Kalau berlaku *downtime*, mereka bertanggungjawab untuk membayar macam satu bentuk denda kepada kerajaan kerana *downtime* mesin tersebut yang memungkinkan berlakunya penyeludupan ketika berlakunya *downtime* kepada mesin pengimbas tersebut. Semua *possibility* ini sedang kita tengok Yang Berhormat Senator. Terima kasih atas cadangan kerana ini akan memberikan ruang yang cukup tipis bagi mereka yang hendak membawa masuk barang, yang tidak mahu *declare*, yang tidak mahu membayar duti dan sebagainya.

Sebenarnya dalam Kastam ini Tuan Yang di-Pertua, mereka ada sistem mereka, *intelligent system* mereka daripada *declaration* borang itu sendiri pun ada cara yang digunakan oleh pihak JKDM untuk mengenal pasti kebarangkalian berlakunya benda-benda yang boleh menimbulkan *suspicion* kepada kita. Ini juga memang kita terus lakukan, di samping mereka juga mempunyai *intelligence* mereka. Cadangan oleh Yang Berhormat Senator untuk memasang *wireless camera* di badan pegawai-pegawai kita. Ini kita akan ambil maklum dan kita akan bincangkan tentang kesesuaian perkara tersebut.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong tentang kes Allahyarham Datuk Shaharuddin Ibrahim pada 26 April 2013. Ya, perkara ini masih lagi sebenarnya Yang Berhormat Senator, dalam siasatan pihak polis. Kita pun tahu PDRM kita ini memang efisien dalam banyak kes. Akan tetapi mungkin ini salah satu daripada kes yang *somehow* tidak ada *lead* yang cukup untuk akhirnya mereka menangkap dan kemudiannya membuat pendakwaan kepada mereka yang telah bertanggungjawab atas kematian Timbalan Ketua Pengarah Kastam kita yang telah disebutkan tadi.

■1610

Yang Berhormat juga sebut tentang integriti pegawai-pegawai kastam kita. Memang seluruh jabatan dan agensi kerajaan sekarang dan sebelum ini pun memang kita adakan Hari Integriti untuk hendak *hammer home*, dengan izin, sifat dan nilai yang sebegini yang patut ada pada semua pegawai supaya kita tidak akan berlaku ketirisan dalam hasil negara apabila integriti ini tidak wujud di kalangan pegawai-pegawai kita.

Apa yang disebutkan Yang Berhormat Senator Alan Ling Sie Kiong tadi, saya masih teringat kalau sebab kawasan saya pun di sempadan, Bukit Kayu Hitam, dalam daerah Kubang Pasu. Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook pun dekat dengan Tumpat, dekat dengan sempadan dan banyak lagi yang dekat dengan sempadan ini. Selalunya ada istilah di kalangan pegawai-pegawai penguat kuasa kita itu, istilah yang bila dia pergi berkhidmat di sempadan, tiba-tiba pak mentua dia kaya. Dia sebenarnya biasa saja Tuan Yang di-Pertua, dia kata, "*Eh, nampak living beyond his means. Oh tidak, sebab pak mentua dia kaya*". Tiba-tiba sahaja.

Jadi saya ingat ini juga adalah yang dicadangkan tadi, *transfer* dalam ini memang menjadi satu amalan dalam jabatan. Cadangan yang telah disebutkan Yang Berhormat tadi akan kita ambil maklum. Begitu juga tentang kurangnya pegawai pendakwa. Ini juga kita akan berbincang dengan pihak JKDM dan AGC bagi memastikan bahawa kita punya cukup pegawai-pegawai yang berwibawa untuk memastikan apabila tangkapan dibuat, kita tidak *leave no stones unturned* untuk pastikan bahawa mereka ini didakwa dan akhirnya dikenakan hukuman.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang sebut tentang jalan tikus. Dia kadang-kadang Yang Berhormat Senator, yang tikus ini kita tahu kalau dia menyeludup pun, tikus, dia hendak seludup pun kuantiti dia itu tidaklah banyak. Dia kadang-kadang yang ada ICQ dan CIQ ini, yang itu sekali bawa masuk satu treler yang kalau mesin pengimbas kita rosak dan sebagainya.

Akan tetapi apa pun, semua ini dan termasuk penjualan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi secara terbuka dan sebagainya yang perlu mungkin di tempat-tempat yang sememangnya kita kurang pegawai penguat kuasa kita. Kadang-kadang di sesetengah tempat itu, macam *lawless state*. Makna yang buat kerja-kerja inilah yang bermaharajalela, yang tidak dapat kita ambil apa-apa tindakan. Jadi, *insya-Allah* kita harap dengan adanya lebih ramai pegawai kita, dapat ini dikurangkan.

Saya pun sudah sentuh tadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook. Sebenarnya Yang Berhormat, cukai ini bila kita tinggi dan ia jadi mahal, memang menjadi satu insentif kepada mereka yang hendak menyeludup ini bawa masuk. Oleh sebab

itu kita perkenalkan pindaan ini, supaya dia punya hukuman itu juga adalah tinggi sehingga menyebabkan mereka rasa tidak berbaloi untuk melaksanakan kerja-kerja ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 14** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Waytha Moorthy a/ Ponnusamy) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila

4.17 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2018 untuk meminda Akta Eksais 1976.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2018 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Eksais 1976 iaitu Akta 176 berhubung peruntukan berkaitan

tindakan penguatkuasaan dan penalti susulan kepada pindaan yang dilaksanakan ke atas Akta Kastam 1976.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Kegiatan penyeludupan serta penjualan rokok dan minuman keras tidak sah terus berlaku walaupun aktiviti pencegahan penguatkuasaan giat dilaksanakan oleh JKDM. Bagi membanteras aktiviti penyeludupan rokok dan minuman keras, pelbagai inisiatif telah diambil oleh JKDM. Sungguhpun pelbagai inisiatif telah dijalankan, namun produk alternatif haram atau produk yang mempunyai label duti kastam palsu masih lagi wujud dan semakin berleluasa sehingga mengakibatkan ketirisan hasil yang tinggi kepada kerajaan.

Bagi tahun 2017 sahaja, nilai duti ataupun cukai ke atas rokok serta minuman keras yang dirampas masing-masing adalah sebanyak RM992 juta dan RM185 juta. Kehilangan sebenar hasil kerajaan adalah jauh lebih tinggi, melebihi RM4 bilion setahun dengan mengambil kira hanya sebahagian sahaja yang dapat dikesan oleh JKDM. Hukuman sedia ada di bawah Akta Eksais 1976 didapati tidak berkesan dalam membanteras aktiviti penyeludupan.

Sehubungan dengan itu, Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2018 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Eksais 1976 dengan tujuan untuk memperkasa tindakan penguatkuasaan oleh JKDM serta untuk menaikkan hukuman penalti bagi kesalahan melibatkan penyeludupan dan pengelakan cukai bagi produk rokok dan minuman keras. Antara pindaan yang dilaksanakan adalah meningkatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan berikut:

■1620

- (i) enggan memberi maklumat atau memberi maklumat palsu;
- (ii) menyeludup rokok dan minuman keras;
- (iii) menyerang dan mengugut pegawai kastam; dan
- (iv) menawarkan atau menerima rasuah.

Melalui penguatkuasaan serta hukuman yang lebih berat, kerajaan menjangkakan dapat mengurangkan aktiviti penyeludupan dan penjualan rokok dan minuman keras tidak sah dan seterusnya menyumbang kepada tambahan hasil kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal mengenai Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2018. Rang Undang-undang ini mempunyai 15 fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan ke atas permulaan kuat kuasa cadangan pindaan akta.

Fasal 2 bertujuan meminda subseksyen 2(1), Akta 176 dengan menggantikan takrif 'nilai' dengan takrif yang baharu berhubung dengan barangan yang dikilangkan secara tempatan.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 5B(3)(c), Akta 176 untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh menolak daripada membuat ketetapan kastam sekiranya mengikut pendapatnya suatu kajian semula di bawah Akta 176 yang melibatkan perkara yang disebut dalam permohonan yang dibuat di bawah seksyen 5, Akta 176 masih belum selesai.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 47, Akta 176 untuk membenarkan mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah untuk memohon kepada Ketua Pengarah bagi kajian semula mana-mana keputusannya dalam masa 30 hari dari tarikh orang itu telah diberitahu tentang keputusan itu dengan syarat bahawa tiada rayuan telah dibuat ke atas keputusan yang sama kepada Tribunal atau Mahkamah Tinggi.

Seksyen 47 ini tidak membenarkan kajian semula dibuat dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 67(3), Akta 176. Peruntukan ini juga membenarkan mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah atas kajian semula atau di bawah mana-mana peruntukan lain Akta 176, kecuali apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 67(3) untuk merayu kepada Tribunal dalam masa 30 hari dari tarikh pemberitahuan secara bertulis mengenai keputusan itu kepada orang yang terkilan. '

Peruntukan ini juga menjelaskan bahawa apa-apa duti eksais yang kena dibayar di bawah Akta 176 hendaklah dibayar pada tarikh genap masa walau apa pun apa-apa kajian semula atau rayuan telah dibuat di bawah seksyen ini.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 50A, Akta 176 untuk menyatakan bahawa bagi maksud Akta 176, seorang pegawai kanan eksais hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah berhubung dengan penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan, dan kuasa itu adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta 176 dan tidak mengurangkan kuasanya.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu 59A ke dalam Akta 176 untuk menghendaki mahkamah yang di hadapannya seseorang itu telah didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta 176 untuk memerintahkan orang itu untuk membayar kepada Ketua Pengarah amaun duti eksais yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta 176 dan Duti Eksais atau penalti itu boleh didapatkan mengikut cara sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah. Apabila mana-mana orang telah didapati tidak bersalah di bawah akta ini dan telah membayar duti eksais yang genap masa dan kena dibayar menurut seksyen 82A yang dicadangkan, mahkamah boleh memerintahkan amaun yang telah dibayar itu dibayar balik jika tiada notis rayuan difailkan.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 71, Akta 176 yang mana di bawah subfasal 7(a) bertujuan untuk meminda seksyen 71(c) untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menyebabkan apa-apa dokumen yang dikehendaki atau mungkin dikehendaki atau digunakan dalam transaksi apa-apa urusan atau perkara yang berhubungan dengan eksais dilancarkan atau dipalsukan atau yang menyebabkan digunakan atau membantu dalam penggunaan dokumen yang dilancarkan atau dipalsukan.

Subfasal 7(c) bertujuan untuk meminda seksyen 71 untuk menaikkan tempoh penjara bagi kesalahan yang dinyatakan di bawah perenggan 71(1)(a) hingga (f) daripada lima tahun kepada tujuh tahun.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda subseksyen 73(1) Akta 176 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan enggan memberikan maklumat atau memberikan maklumat palsu daripada penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM1,000 kepada penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 74, Akta 176 yang mana subfasal 9(a) bertujuan untuk meminda subperenggan 74(1)(i) untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah subseksyen 74(1) berkaitan dengan barang-barang yang dikilangkan secara tempatan selain rokok yang mengandungi tembakau dan *liquor* yang memabukkan.

Bagi kesalahan pertama, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda amaun duti eksais atau RM50,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar dan tidak lebih daripada 20 kali ganda daripada amaun duti eksais atau RM500,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada 20 kali ganda amaun duti eksais atau RM100,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar dan tidak lebih daripada 40 kali amaun duti eksais atau RM1 juta, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Subfasal 9(b) bertujuan untuk meminda subperenggan 74(1)(ii) untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah subseksyen 74(1) yang berkaitan dengan barang yang diimport selain rokok yang mengandungi tembakau dan *liquor* yang memabukkan. Bagi kesalahan pertama, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda amaun duti eksais atau RM50,000, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar dan tidak lebih daripada 20 kali ganda amaun duti eksais atau RM500,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada 20 kali ganda amaun duti eksais atau RM100,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar dan tidak kurang daripada 40 kali amaun duti eksais atau RM1 juta, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Subfasal 9(c) bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu iaitu 74(1)(iii) dan (iv). Subperenggan 74(1)(iii) bertujuan untuk memperuntukkan penalti khusus bagi kesalahan di bawah subseksyen 74(1) berkaitan dengan rokok yang mengandungi tembakau dan *liquor* yang memabukkan yang dikilangkan secara tempatan.

Subperenggan 74(1)(iv) bertujuan untuk memperuntukkan penalti khusus bagi kesalahan di bawah subseksyen 74(1) berkaitan dengan rokok yang mengandungi tembakau dan *liquor* yang memabukkan yang diimport. Pindaan ini dibuat untuk menghalang penyeludupan rokok yang mengandungi tembakau atau *liquor* yang memabukkan yang sekarang ini semakin meningkat dan untuk mencegah kehilangan hasil kerajaan.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 76, Akta 176 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 76A, Akta 176 daripada denda tidak melebihi RM5,000 kepada denda tidak melebihi RM50,000.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 77, Akta 176 yang mana di bawah subfasal 11(a) untuk meminda perenggan seksyen 77(a) untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang menghalang, mengugut atau mencabul mana-mana pegawai eksais atau pekhidmat awam lain atau mana-mana orang yang bertindak menolong atau membantunya

atau diambil bekerja dengan sewajarnya bagi pencegahan kesalahan di bawah Akta 176 adalah melakukan suatu kesalahan.

■1630

Subfasal 11(b) bertujuan untuk meminda perenggan 77(b) untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang menyelamatkan atau membantu menyelamatkan atau menyebabkan diselamatkan mana-mana orang yang ditahan adalah melakukan suatu kesalahan.

Subfasal 11(c) dan (d) bertujuan untuk meminda perenggan 77(i) dan (ii) untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah perenggan 77(a), (b) atau (c). Bagi sabitan pertama, penalti dinaikkan daripada penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya kepada penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya. Bagi sabitan kedua atau sabitan berikutnya, penalti dinaikkan daripada penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya kepada penjara tidak melebihi tujuh tahun atau denda tidak melebihi RM1 juta atau kedua-duanya.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda subseksyen 78(1), Akta 176 untuk menaikkan denda bagi kesalahan di bawah subseksyen 78(1), Akta 176 daripada denda tidak melebihi RM10,000 kepada denda tidak melebihi RM500,000.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 79, Akta 176 untuk menaikkan penalti am daripada denda tidak melebihi RM20,000 kepada denda tidak melebihi RM50,000.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 82A ke dalam Akta 176 untuk memperuntukkan bahawa duti eksais, penalti atau surcaj di bawah Akta 176 tetap kena dibayar oleh orang yang bertanggungjawab untuk membayar duti eksais, penalti atau surcaj itu walaupun prosiding telah dimulakan atau penalti, denda atau tempoh penjara telah dikenakan terhadap orang itu di bawah Akta 176.

Fasal 15 yang terakhir, bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu iaitu 85(2)(b)(d) ke dalam Akta 176 untuk memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengawal selia penentuan nilai bagi maksud pungutan duti eksais.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Oleh kerana tidak ada nama diberi untuk perbahasan, maka Yang Berhormat Menteri tak payah jawablah.

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 15** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta bernama Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2018 untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2018 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Cukai Jualan 2018 iaitu Akta 806 berhubung peruntukan berkaitan tindakan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan.

Cadangan pindaan ini adalah sebagai langkah memantapkan lagi penguatkuasaan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal mengenai Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2018. Rang undang-undang ini mempunyai dua fasal sahaja seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan ke atas permulaan kuat kuasa cadangan pindaan akta.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu 72A ke dalam Akta 806 untuk memperuntukkan bahawa seorang pegawai kanan cukai jualan hendaklah mempunyai kuasa seorang pegawai polis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah berhubung dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

4.37 ptg.

Datuk Rabiyah binti Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kebenaran untuk saya membahaskan rang undang-undang meminda Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2018. Pertama, agar pegawai-pegawai Kastam mempunyai kuasa setara dengan kuasa pegawai polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah agar kerja-kerja penguatkuasaan Akta Cukai Jualan 2018 lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman kongsi gelap dan sindiket jenayah terancang dalam mengelakkan cukai jualan memerlukan pegawai Kastam dilengkapi dengan semua peruntukan Akta Kanun Tatacara Jenayah bagi memastikan tindakan penguatkuasaan lebih berkesan. Namun demikian, satu SOP komprehensif dan rapi diperlukan bagi mengelakkan pegawai

Kastam diancam keganasan, tindakan provokatif dan juga ugutan tonto ataupun samseng jalanan. Saya mengikut rekod, dua pegawai Kastam yang telah terbunuh. Satu telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Sarawak tadi dan tak payahlah saya nak sebutkan lagi.

Keduanya, pegawai Kastam, Anisah Ali yang di Rantau Panjang, Kelantan terbunuh kerana dirempuh tonto pada 7 Oktober 2016. Justeru itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah persediaan Kastam untuk berhadapan dengan risiko ancaman, ugutan dan provokasi jenayah dalam menjalankan tugas mereka. Apakah Kastam dan PDRM menjalinkan kerjasama erat dalam usaha penguatkuasaan agar keselamatan personel Kastam mendapat jaminan sewajarnya.

Berapa ramai kah pegawai dan anggota penguat kuasa Kastam dibekalkan dengan senjata api serta mendapatkan latihan khas menggunakan senjata api bagi memenuhi tuntutan kerja-kerja penguatkuasaan secara individu atau syarikat yang mengelak cukai jualan? Adakah Kastam membuat penilaian risiko ke atas semua entiti perniagaan yang didominasi kegiatan samseng, kongsi gelap dan kegiatan jenayah terancang dengan mendapatkan bantuan PDRM apabila menjalankan penguatkuasaan di premis-premis yang dikesan atau didapati berisiko tinggi?

■1640

Kastam menerima ancaman jenayah. Saya menyokong rang undang-undang ini, harapan saya semoga pindaan yang dibuat akan memanfaatkan pegawai Kastam dan juga isu keselamatan pegawai Kastam lebih terjamin dan diambil berat oleh kerajaan dan orang awam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah yang telah membangkitkan keprihatinan Yang Berhormat Senator terhadap keselamatan anggota penguatkuasaan kita di KDM khususnya dan membangkitkan tentang bagaimana dua kes yang disebutkan tadi yang kedua-duanya melibatkan kematian.

Seperti yang telah disebutkan, ini antara yang telah kita cadangkan agar anggota kita diberikan kuasa sebagai yang disebutkan tadi, kuasa seorang pegawai polis yang seperti mana diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah supaya penguatkuasaan yang mereka

buat, pemeriksaan yang perlu mereka lakukan dan kemudiannya siasatan yang perlu dibuat akan memberikan lebih banyak ruang 'keselamatan' kepada anggota penguatkuasaan kita.

Jadi, tentang berapa banyak SOP yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya ingat ini suatu yang memang sentiasa kita *review* dari semasa ke semasa, melihat tentang perubahan, kecanggihan mereka yang cuba untuk mengelak daripada membayar duit ataupun eksais dan juga bagaimana mereka untuk lari daripada membayar cukai kepada kerajaan, mereka juga berubah dari segi modus operandi mereka. Juga cara untuk mereka mengelakkan mungkin kalau suatu ketika dahulu menggunakan tonto, sekarang ini mungkin dengan adanya teknologi *drone*, mereka boleh menggunakan *drone instead of* kita, Tuan Yang di-Pertua, yang *monitor* mereka, mereka pula yang *monitor* di mana pegawai penguat kuasa kita yang berada.

Tentang senjata api yang diberikan yang setahu saya memang senjata api dibekalkan kepada pegawai penguat kuasa kita dan kita juga telah menubuhkan iaitu pasukan disebutkan pasukan COBRA. Ini bukan ragbi ya Tuan Yang di-Pertua, COBRA ini, pasukan khas *tactical* yang ditugaskan dalam operasi penguatkuasaan yang berisiko tinggi.

Oleh sebab itu, kadang-kadang bila rampasan dibuat, di belakang pegawai-pegawai tinggi JKDM membuat pendedahan tentang rampasan yang dibuat dan sebagainya, kita akan lihat di belakang mereka itu ialah anggota-anggota JKDM kita yang memakai *balaclava* yang menutup muka itu dengan senjata yang canggih dan sebagainya. Ini sebahagian yang telah kita berikan untuk memastikan bahawa seperti *concern* yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dapat kita lihat.

Penilaian risiko dan sebagainya ini adalah suatu perkara yang dari semasa ke semasa kita melihat dan membuat persiapan agar anggota kita bila masuk untuk membuat apa-apa risikan ataupun operasi, semua risiko-risiko ini telah diambil kira. Kita bolehlah merancang dan membuat *mitigation* kepada kebarangkalian berlakunya benda-benda yang tidak baik tetapi kadang-kadang ya lah setelah dibuat ini semua pun masih berlaku lagi. Akan tetapi setidaknya, kita berpuas hati bahawa kita telah mengambil semua langkah yang patut dan perlu bagi memastikan keselamatan anggota kita dalam menjalankan tugas mereka. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2018 untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2018 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 iaitu Akta 807 berhubung peruntukan berkaitan tindakan penguatkuasaan pemeriksaan dan penyiasatan. Cadangan pindaan ini adalah sebagai langkah memantapkan lagi penguatkuasaan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal mengenai Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2018. Rang undang-undang ini mempunyai hanya dua fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan ke atas permulaan kuat kuasa cadangan pindaan akta; dan

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru iaitu 56A ke dalam Akta 807 untuk memperuntukkan bahawa seorang pegawai kanan cukai perkhidmatan hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah berhubung dengan penguatkuasaan pemeriksaan dan penyiasatan.

Sama seperti yang tadi, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak payah jawablah, tidak ada orang yang bahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

▪ **1650**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.52 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semenjak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang akan dirujuk sebagai Akta 133 diluluskan dan disiarkan dalam Warta Persekutuan pada 13 Jun 1974. Ia telah dipinda sebanyak lima kali oleh Dewan yang mulia ini dan pindaan yang terakhir adalah pada tahun 2007. Secara keseluruhannya, Akta 133 merangkumi peruntukan mengenai jalan, parit, bangunan, lorong belakang, pelbagai undang-undang kecil dan peruntukan pemansuhan dan peralihan. Terdapat sebanyak 135 seksyen di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, kini kerajaan sekali lagi ini membentangkan cadangan pindaan kepada Akta 133 yang melibatkan perkara-perkara berikut:

- (i) meminda seksyen 3, Akta 133 dengan memasukkan takrifan "*cerun*" dan "*geoteknikal*";
- (ii) meminda seksyen 39, Akta 133 dengan menaikkan denda bagi kesalahan mengambil tempat turap (mengorek) tanpa kebenaran dan juga menaikkan denda bagi kesalahan merosakkan jalan;
- (iii) menambahkan subseksyen baharu kepada seksyen 39, Akta 133 untuk memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengarah seseorang membuat pembaikan dan menuntut kos pembaikan daripada mana-mana orang yang melakukan kerosakan pada jalan;
- (iv) menambah seksyen 70, Akta 133 mengenai keperluan untuk mengemukakan laporan geoteknikal yang ditentu sah oleh pemeriksa

- bertauliah bagi apa-apa binaan bangunan yang melibatkan cerun dengan kecerunan melebihi 25 darjah dan ketinggian melebihi 10 meter;
- (v) meminda seksyen 85A, Akta 133 untuk meluaskan maksud pemunya bangunan termasuk badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan di bawah di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*];
 - (vi) memperluas kehendak pemeriksaan berkala dan laporan geoteknikal di bawah seksyen 85A, Akta 133 kepada mana-mana bangunan dan tanah dengan cerun;
 - (vii) meminda dan menambah seksyen 85A, Akta 133 dengan membenarkan seseorang jurutera untuk menjalankan sesuatu siasatan struktur atau cerun termasuk pemeriksaan pelan struktur bangunan atau cerun; dan
 - (viii) meminda seksyen 133, Akta 133 dengan memasukkan perkataan "*dan cerun*."

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, antara punca utama keruntuhan cerun adalah disebabkan tiada atau kurangnya pemeriksaan dan penyelenggaraan oleh pihak yang bertanggungjawab. Dalam hal ini juga, Akta 133 tidak memperuntukkan secara khusus keperluan pemeriksaan cerun dijalankan secara berkala bagi mengenal pasti tanda-tanda awal kegagalan cerun yang boleh mengakibatkan keruntuhan cerun jika tidak dibaiki.

Di samping itu, isu keselamatan cerun. Pihak berkuasa tempatan (PBT) juga berusaha untuk menguatkuasakan seksyen 85A, Akta 133 iaitu pemeriksaan bangunan secara berkala memandangkan kebanyakan bangunan lima tingkat dalam kawasan PBT telah mencapai, dengan izin, *threshold* pemeriksaan iaitu 10 tahun dari tarikh Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) yang telah dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, PBT menghadapi kesukaran dalam menguatkuasaan terhadap bangunan-bangunan berstrata memandangkan tiada peruntukan di bawah Akta 133 yang memerlukan pengurusan bangunan berstrata untuk memeriksa dan menyelenggarakan bangunan berkenaan, sebaliknya meletakkan tanggungjawab tersebut kepada pemilik setiap petak bangunan.

Selain isu-isu di atas, terdapat banyak aduan berkenaan korekan, kerosakan dan kualiti pembaikan jalan. Antara punca tersebut adalah disebabkan kerja-kerja pengorekan jalan oleh individu atau syarikat utiliti yang melaksanakan kerja tanpa kelulusan daripada PBT.

Tuan Yang di-Pertua, lazimnya juga, kerja-kerja pengorekan ini berbentuk kerja-kerja kecemasan yang tidak dirancang untuk membaiki jalan raya dengan kadar segera yang

kebanyakannya tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Tambahan pula, denda sedia ada di bawah seksyen 39, Akta 133 adalah rendah dan tidak berkesan untuk membuat pencegahan atau *deterrent* dengan izin, kepada pesalah. Kadar denda sedia ada di bawah subseksyen 39(1), Akta 133 iaitu mana-mana orang yang mengambil tempat turap, mengalih, mengganti, mengambil tempat atau melakukan apa-apa perubahan kepada turapan sedia ada atau kepada perabot-perabot jalan seperti kaki lima jalan, siar kaki dan papan tanda, apabila disabitkan kesalahan adalah tidak melebihi RM500 sahaja. Manakala di bawah subseksyen 39(2), Akta 133 bagi kesalahan merosakkan jalan, kadar denda sedia ada adalah tidak melebihi RM1,000.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan tujuh fasal seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 133 untuk memasukkan takrifan baharu "*cerun*" dan "*geoteknikal*" ke dalam Akta 133;

■1700

Fasal 3 adalah berkenaan pindaan seksyen 39 Akta 133 iaitu:

- (a) untuk menaikkan denda yang tidak melebihi RM500 kepada tidak melebihi RM50,000 bagi kesalahan mengambil tempat turap tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada PBT atau tanpa kuasa lain yang sah di sisi undang-undang dan juga untuk menaikkan denda tidak melebihi RM1,000 kepada tidak melebihi RM100,000 bagi kesalahan untuk merosakkan, menyebabkan dan membenarkan apa-apa kerosakan yang dilakukan pada mana-mana jalan, siar kaki, jalan kaki lima, kerja atau harta atau mana-mana bahagian kepunyaan PBT atau yang di sepanjangnya orang awam mempunyai hak laluan; dan
- (b) memasukkan subseksyen baharu 39(3) dan 39(4) ke dalam Akta 133 untuk memberi PBT kuasa untuk mengarahkan seseorang untuk membetulkan pengalihan, mengambil tempat atau membuat apa-apa perubahan kepada turap, tapak atau bahan lain mana-mana jalan awam atau kepada pagar atau tiang-tiang mana-mana jalan awam itu atau melaksanakan apa-apa pembaikan bagi kerosakan yang dilakukan pada mana-mana jalan, siar kaki, jalan kaki lima, kerja atau harta atau mana-mana bahagian dan jika

orang itu tidak berbuat demikian, pihak PBT sendiri boleh mengarahkan supaya kerja itu dilakukan dan menuntut kos dan belanjanya daripada orang itu.

Fasal 4 adalah berkenaan menambah perenggan baharu seksyen 70(2)(c) ke dalam Akta 133 iaitu untuk mengehendaki seseorang untuk mengemukakan laporan geoteknikal bagi apa-apa binaan bangunan yang melibatkan cerun dengan kecerunan dan ketinggian tertentu yang laporan itu hendaklah ditentu sahkan oleh pemeriksa bertauliah.

Fasal 5 adalah dengan meminda seksyen 85A, Akta 133 iaitu:

- (a) memperluas maksud pemunya yang termasuk berhubung dengan bangunan yang dipecah bahagikan pemunya petak bangunan mana-mana orang yang bertanggungjawab ke atas bangunan atau badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*];
- (b) memperluaskan kehendak pemeriksaan berkala dan laporan geoteknikal kepada mana-mana bangunan dan tanah dengan cerun; dan
- (c) menambah subperenggan 85A(6)(d)(ii) dan (iia) baharu iaitu membenarkan seorang jurutera untuk menjalankan suatu siasatan struktur atau cerun sepenuhnya termasuk pemeriksaan pelan struktur bangunan atau cerun dan jika pelan kiraan atau laporan bangunan atau cerun itu tidak boleh didapati, jurutera hendaklah membina semula pelan kiraan dan laporan itu jika dikehendaki sedemikian oleh PBT yang berkenaan.

Fasal 6 merupakan pindaan kecil atau berbangkit untuk memasukkan perkataan “*cerun*” dalam perenggan 133(8).

Fasal 7 mengandungi peruntukan kecualian di antara lainnya mengambil kira perintah dan prosiding yang belum selesai di bawah Akta 133 dan hendaklah diteruskan walaupun setelah akta ini berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sesungguhnya cadangan pindaan-pindaan yang saya bantangkan tadi adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan struktur bangunan bertingkat dan cerun serta kualiti pembaikan jalan di kawasan PBT. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

5.05 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan perlembagaan akta ini kerana ia menjamin mana-mana jalan awam yang bukan saja jalan pihak berkuasa tempatan (PBT) akan lebih dilindungi atau dijaga agar dalam berkeadaan baik demi keselesaan pengguna. Akta ini juga menekankan penguatkuasaan dalam peraturan dan undang-undang yang membabitkan pembangunan di lereng bukit.

Memulakan perbahasan, saya ingin merujuk kepada jalan awam di mana penjagaan, penggunaan dan keselesaan kepada semua pengguna perlu dititik beratkan. Jalan awam perlu dijaga kerana selain daripada keselesaan, turut juga menjadi isu penting ialah keselamatan. Jalan yang tidak terurus atau sering rosak akan menyulitkan pengguna dan risiko kemalangan akan menjadi lebih tinggi. Kemalangan bukan berlaku hanya kerana kecuaiannya pemandu atau masalah kenderaan, malah jalan yang tidak baik juga turut menjadi penyumbang, apa lagi jika ia rosak dan berlubang.

Ini sama ada kemalangan diakibatkan oleh tindakan pemandu mengelak lopak dan lubang, jalan yang tidak elok juga akan menyebabkan kerosakan kepada kenderaan khususnya tayar, *absorber* atau juga bahagian bawah kenderaan yang lain. Malah, lebih malang jika jalan pecah dan batu-batu bertaburan bukan saja membahayakan penunggang motosikal, tetapi risiko cermin pecah diakibatkan oleh percikan batu. Akta ini mencadangkan denda sehingga RM100,000 kepada mana-mana pihak yang melakukan kerosakan.

Persoalan saya ialah, siapakah yang akan memantau terhadap mereka yang melakukan kesalahan? Kedua, apakah akta akan dikuatkuasakan hanya apabila laporan polis atau trafik? Ketiga, apakah mahkamah akan menentukan jumlah denda atau pihak berkuasa yang menentukannya?

Tuan Yang di-Pertua, walaupun akta berkenaan khususnya seksyen 39 hanya memperuntukkan kesalahan ke atas jalan PBT, namun kerajaan negeri berhak mewartakannya ke atas jalan lain di bawah Jabatan Kerja Raya, jalan luar bandar dan negeri. Ini bermakna pelaksanaan dan penguatkuasaan memerlukan komitmen dan kesungguhan

daripada kerajaan negeri. Persoalannya, bersediakah kerajaan negeri untuk bersama-sama menguatkuasakan akta ini?

Saya difahamkan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan yang mana exco kerajaan negeri yang bertanggungjawab dengan pentadbiran kerajaan tempatan telah hadir dalam mesyuarat berkenaan dan bersetuju untuk mengangkat pindaan ini kepada PBT masing-masing.

Bagaimanapun, jika wujud perbezaan kesegeraan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan akta ini akan menyebabkan berlakunya kelambatan dan kelemahan dalam konteks pelaksanaannya, dalam konteks pembinaan, penguatkuasaan dan pelaksanaan pemantauan bangunan di lereng bukit. Akta ini sangat penting kerana kelemahan yang harus ditangani segera bagi mengekang sebarang insiden tidak diingini berlaku. Pembangunan di lereng bukit dijangka akan semakin bercambah sekiranya tidak dikawal dan penguatkuasaannya pula lemah.

■1710

Saya berpendapat punca kelemahan utama akta sebelum ini ialah dari segi penguatkuasaan dan pelaksanaan pemantauan berterusan. Hakikatnya, peraturan dan undang-undang berkaitan sudah ada, tetapi yang menjadi kelemahan adalah penguatkuasaan serta pelaksanaan pemantauan yang berterusan. Kita amat berharap kejadian di Bukit Kukus, Pulau Pinang tidak wajar berulang dan dijadikan pengajaran.

Kerajaan-kerajaan negeri bukan sahaja Pulau Pinang sewajarnya merujuk kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] bagi memastikan pemohon pemajuan memasukkan dalam setiap pelan perancangan pembangunan yang membabitkan kawasan lereng bukit. Isu pembinaan di kawasan lereng bukit ini penting diberi perhatian, apa lagi di setiap pembangunan di kawasan yang melibatkan kecerunan melebihi 25 darjah dan jumlah ketinggian menegak melebihi 10 meter.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh syarat yang mewajibkan agar pemaju menyediakan laporan geoteknikal oleh pemeriksa bertauliah yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Kita yakin melalui syarat sebegini, pembangunan di lereng bukit dan cerun akan dapat dikawal dan mengurangkan risiko bahaya. Kerajaan perlu tegas dan mana-mana pihak yang ingkar arahan jangan diberi kebenaran untuk sebarang pembinaan dan pembangunan di kawasan cerun. Harapan besar saya ialah kerajaan tidak bertolak ansur, malah mengenakan tindakan yang tegas kepada kerajaan negeri atau pihak yang ingkar

terhadap syarat dan peraturan yang ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

5.12 ptg

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya menyambut penuh baik dengan rang undang-undang ini. Ini kerana pembangunan di cerun-cerun bukit khasnya di tempat-tempat yang sekarang ini menjadi tumpuan kepada pembangunan, khasnya *high-rise building*, dengan izin. Ini membuat kita- hartanah-hartanah ini menjadi satu risiko. Kita masih mungkin ingat sejarah di mana terjadinya tragedi *Highland Towers*.

Kita tidak mahu perkara-perkara sebegini berlaku lagi kerana cerun-cerun bukit khasnya di kawasan pinggir-pinggir bandar ini adalah sangat penting bukan sahaja untuk tadahan air, tetapi juga untuk konservasi biodiversiti. Itu sebabnya saya sangat menyokong penuh ini sebab ini membolehkan bukan sahaja mengehendkan pembangunan di cerun-cerun yang sensitif ini.

Kemudian perkara yang kedua saya ingin bawa di sini adalah berkaitan dengan *geotechnics*. Saya menyambut penuh *insulation geotechnics* ini sebab ini adalah satu disiplin yang sangat penting dalam kejuruteraan awam khasnya dalam bahan-bahan membuat binaan dan sebagainya. Akan tetapi saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kita juga akan melihat *adoption* teknologi terkini?

So, buat masa ini untuk membuat *soil testing* ataupun *geotechnics* ini, kebanyakannya menggunakan teknologi seperti *core sampling* iaitu menggunakan *drilling* dan sebagainya. Akan tetapi, banyak teknologi terkini yang kini sudah ada di pasaran yang lebih cepat dan lebih tepat iaitu contohnya *ground penetrating radar*. Ini sebab ia tidak memerlukan *drilling* dan sebagainya, tetapi ia boleh dijalankan dan dibuat dengan lebih pantas dan juga lebih jitu dari segi *geotechnics*.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah bukan sahaja disiplin *geotechnics* ini dimasukkan, tetapi adakah juga memastikan teknologi terkini digunakan untuk memastikan *checking* ataupun kawal selia cerun-cerun ini menggunakan teknologi terkini?

Perkara seterusnya adalah berkenaan dengan air bawah tanah. Cerun-cerun ini sebenarnya adalah tempat di mana air itu keluar dan selalunya kita tidak ambil perhatian bahagian dengan *aquifer*. Juga kandungan air bawah tanah ini sebenarnya adalah tempat-tempat yang sensitif. Jadi saya ingin bertanya, adakah rang undang-undang ini juga akan merangkumi keperluan untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan sensitif yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia yang telah dipetakan di seluruh negara ini ada kawasan-kawasan yang kita perlu *conserve*. Kita perlu ambil perhatian juga tempat-tempat yang telah ditandakan sebagai sesuatu tempat yang perlu dijaga, di-*conserve* dan sebagainya.

Saya juga mahu melihat adakah kementerian mahu memerlukan kawasan-kawasan pembangunan ini mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia untuk memastikan kawasan pembangunan ini adalah tempat yang tidak sensitif khasnya kawasan-kawasan yang mempunyai *fault line* ataupun dengan izin, kawasan rekahan batu. Saya datang dari Sabah dan saya masih lagi dikejutkan dengan gempa bumi. Gempa bumi ini sungguhpun di Malaysia ini tidak menjadi risiko yang tinggi, tetapi kebarangkalian ada di situ.

Jadi kita juga harus melihat, adakah aspek gempa bumi ini juga dilihat dalam memastikan bahawa pembangunan di sebelah cerun-cerun bukit dan sebagainya bukan sahaja untuk pembinaan rumah-rumah ataupun kediaman tinggi ini, juga pembinaan jalan-jalan raya supaya untuk memastikan bahawa struktur-struktur ini selamat untuk digunakan.

Akhir sekali dalam perbahasan ringkas saya di sini adalah untuk memastikan bahawa penguatkuasaan sebab penguatkuasaan ini penting. Sungguhpun kita melihat dengan meningkatkan kadar hukuman ini sebagai satu apa yang kita dikatakan *deterrent factor*, dengan izin, tetapi saya lebih memilih jalan preventif iaitu untuk memastikan bahawa penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan mempunyai *tools*, kelengkapan untuk memastikan bahawa kita ada kemahiran dan juga *capability*, dengan izin, untuk membuat *slope monitoring*. Adakah kita akan- dengan adanya rang undang-undang ini, kita akan dilengkapi dengan *slope monitoring* itu untuk memastikan apabila seseorang pesalah itu kita dapat buktikan kesalahan yang dilakukan kerana daripada kerja-kerja mereka. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

5.18 ptg

Dato' Ong Chong Swen: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Terdapat tiga isu yang berkaitan yang saya ingin bangkitkan di sini.

Isu yang pertama, menjamu selera di tepi jalan dan dilanggar mati. Berkenaan dengan satu insiden yang berlaku di Selangor di mana sebuah kenderaan pacuan empat roda telah merempuh pelanggan yang menjamu selera di kawasan petak letak kereta yang berdekatan Bandar Putra Permai, Seri Kembangan.

Insiden ini telah mengakibatkan seorang wanita meninggal dunia dan tiga orang tercedera. Insiden sangat serius dan haruslah dipandang berat oleh pihak berkuasa. Terdapat persoalan yang timbul akibat insiden ini iaitu adakah peniaga makanan berkenaan dibenarkan untuk menjadikan petak letak kereta di tepi jalan raya sebagai tempat menjamu selera? Siapakah yang memberi kebenaran kepada peniaga tersebut? Ia sudah menjadi kebiasaan di mana kebanyakan restoran makanan atau kedai mamak akan meletakkan meja dan kerusi di petak letak kereta pada waktu malam.

■1720

Ini boleh mengakibatkan banyak masalah seperti kebersihan makanan dan keselamatan. Contohnya, asap kenderaan dan habuk boleh mengotorkan makanan serta pelanggan menjamu selera di tepi jalan boleh membawa risiko iaitu terlanggar oleh kereta.

Pada pandangan saya, insiden maut di Selangor itu boleh dielakkan. Pihak berkuasa tempatan haruslah mengambil tindakan yang tegas terhadap restoran dan kedai mamak yang berniaga di kawasan petak letak kereta. Maka, saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, adakah siasatan dalaman dilakukan terhadap insiden ini supaya tindakan lanjutan atau saman dikeluarkan kepada peniaga restoran yang berbuat salah? Pemandu yang cuai kena dihadapkan ke mahkamah. Akan tetapi peniaga restoran yang tidak mengikut peraturan akan menerima hukuman atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua adalah petak-petak letak kereta disalahgunakan. Masalah salah guna petak letak kereta agak membimbangkan rakyat. Bukan sahaja peniaga restoran meletakkan meja dan kerusi di petak letak kereta, malah ada juga peniaga servis kereta menjajah petak letak kereta di depan kedai mereka tanpa memohon kelulusan daripada PBT.

Isu yang timbul bagi peniaga servis kereta ini adalah adanya yang melarang orang awam meletak kereta walaupun peniaga tersebut tidak memohon kelulusan daripada PBT

dengan menyewa petak letak kereta. Adanya peniaga servis kereta meletakkan kereta pelanggan atau kereta lama di petak letak kereta bagi tempoh yang panjang. Bagi sesetengah kawasan perdagangan yang sibuk, orang awam selalu berasa penat untuk mencari tempat letak kereta kerana kekurangan petak letak kereta. Maka, kementerian haruslah memandang serius terhadap isu ini. Sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah penguatkuasaan PBT terhadap peniaga yang menyalahgunakan petak letak kereta?

Isu yang terakhir, kekurangan tempat letak kereta di pusat bandar. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini melanjutkan perbincangan saya ke dalam masalah kekurangan tempat letak kereta. Ramai pemandu kereta terpaksa *double parking* atau *triple parking* dengan izin, di tepi jalan kerana tiada tempat letak kereta yang mencukupi terutamanya di sekitar pusat bandar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Ini mengakibatkan kesesakan lalu lintas menjadi lagi serius. Isu ini mesti ditangani memandangkan peningkatan bilangan kenderaan dalam negara kita adalah agak tinggi dan akan bertambah lagi. Semasa menyediakan perancangan bandar, kerajaan selalu fokus dalam pembangunan pengangkutan awam dan pembinaan lebuh raya tetapi mengabaikan penyediaan tempat letak kereta.

Konsep *park and ride*, dengan izin, yang dilaksanakan di Putrajaya adalah amat menggalakkan. Namun, keberkesanannya adalah tidak memuaskan. Menurut perhatian saya, kebanyakan termasuk saya, pengguna jalan raya lebih suka memandu terus ke pejabat kerajaan dan meletak kereta dekat pejabat di sekitar Putrajaya sehingga bilangan tempat letak kereta di situ menjadi tidak mencukupi. Mereka jarang menggunakan fasiliti *park and ride*. Maka saya memohon penjelasan kementerian, apakah pelan tindakan kementerian untuk menyediakan lebih banyak kemudahan tempat letak kereta seperti *parking* bertingkat di sekitar pusat perdagangan di bandar besar?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mengakhiri perbincangan saya dan juga berharap akan semua yang tadi saya bahas boleh dipertimbangkan oleh kerajaan secara mendalam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

5.26 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Apa yang saya hendak beritahu di sini berkenaan dengan jalan-jalan di PBT ini banyak jalan

yang dibuat, yang dibaiki tetapi apabila mereka tarkan semula, ia tidak rata dan banyak berlubang.

Kalau boleh, pihak kementerian, PBT kena *alert* dengan isu ini di mana kalau deposit itu diambil ataupun diminta daripada kontraktor tersebut, mesti dipegang dalam satu jangka masa yang tertentu supaya apabila mereka tarkan semula jalan tersebut, ia mesti dalam keadaan yang baik. Ini sebab saya tengok Tuan Yang di-Pertua, banyak jalan yang ditar memang sudah cantik tetapi apabila ada buat Telekom ataupun ada buat paip semula, dipotong dan ditarkan semula dan menyebabkan jalan tersebut jadi tidak elok. Jadi ini saya rasa, apakah peranan kementerian untuk menangani isu ini?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan ini, parit yang tidak berapa baik. Ini sebab ada beberapa makluman di Kuala Lumpur ini kita tengok selalu hujan, sekarang ini pun selalu hujan. Jalan yang dibuat ini kadang-kadang jalannya tinggi dan jambatan, tetapi atas jambatan pun boleh banjir. Ini mungkin disebabkan perparitan itu yang tidak berapa baik, maka di atas jalan di *flyover* pun, dengan izin, boleh banjir dan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Jadi, apakah pihak PBT dan kementerian melihat perkara ini supaya sebelum sesuatu jalan ataupun parit itu dibuat, mesti dikaji dengan baik.

Saya sebenarnya menyokong langkah kerajaan dengan menaikkan denda yang agak tinggi. Dahulu RM500, sekarang ini naik RM50,000 kepada kontraktor-kontraktor yang tidak tar semula jalan-jalan yang dipotong itu dengan baik. Jadi, itu sahaja daripada saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.29 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator di Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2018 pada hari ini. Saya amat menghargai pandangan dan saranan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab satu persatu isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian berkenaan rang undang-undang ini.

■1730

Ada yang saya akan jawab secara sekali lalu dengan adanya soalan yang agak bertindih, ada yang saya akan menjawab secara satu persatu. Pertamanya, tentang keselamatan jalan awam yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris iaitu pihak yang memantau adalah PBT dan JKR. JKR mempunyai bahagian jalan tersendiri, di mana mereka mempunyai tanggungjawab dan *technical expertise* untuk menilai keadaan jalan yang perlu dibaiki dan juga diselenggarakan secara lebih *details* supaya permukaan jalan itu merupakan jalan yang lebih sempurna, rata dan tidak membahayakan kepada semua pengguna jalan raya.

Dalam isu ini juga, kerajaan negeri perlu untuk menerima akta sebab telah masuk dalam MNKT dan akan termaktub dalam Akta 133. Kita juga ingin menyarankan supaya satu kerjasama yang lebih rapat berlaku di antara kerajaan negeri dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan mana-mana jabatan Persekutuan dengan menghadiri lebih banyak konvensyen-konvensyen dan juga *workshop* secara lebih kerap supaya perkara ini dapat diselaraskan dengan lebih dekat lagi. Mengenai lereng bukit pula.

Ini juga telah dicerminkan dalam peningkatan *standards of safety* yang kita telah ambil untuk memastikan 25 darjah adalah *the critical angle*, dengan izin, yang kita patut *observe* supaya ia menjadi satu taraf yang kita *observe* sepanjang masa. Ketinggian sebanyak 10 meter juga menjadi satu *critical level*, di mana kita perlu memastikan ini tidak dilebihi tanpa kemudahan-kemudahan lain seperti *retaining wall* dan sebagainya. Ini kerana ia merupakan satu ketinggian yang tidak boleh kita katakan *maintain* atau *observed slope severity* secara semula jadi.

Di sini juga kita ingin menyatakan di sini, walaupun kita ada standard-standard 25 darjah, 10 meter dan sebagainya, perkara pokok di sini adalah penguatkuasaan dan pemantauan yang kita sebut berkali-kali. Ini kerana tanpa *political will*, pihak kerajaan tempatan dan juga orang-orang berkenaan, perkara ini kadangkalanya tidak dilaksanakan sepenuhnya.

Oleh kerana itulah denda merupakan satu *deterrent* atau satu larangan yang boleh memastikan bahawasanya perkara ini tidak dipandang remeh lagi. Satu lagi perkara yang saya ingin tambah di sini adalah untuk memastikan *safety standards* atau keselamatan di tapak diperhatikan dengan sedekat-dekatnya mengikut piawaian yang telah ditentukan adalah *site staff* atau pegawai tapak mempunyai pengalaman dan pencapaian dan juga kelayakan yang sepatutnya. Ini kerana bagaimana bagusnya *design* atau reka bentuk cerun-cerun ini atau jalan, tanpa penguatkuasaan dan *supervision* ia mungkin akan menimbulkan situasi yang membahayakan kepada orang ramai.

Oleh sebab itulah sekarang ini pihak-pihak kerajaan tempatan dan kita juga daripada KPKT telah mengambil pendekatan untuk berdialog lebih kerap lagi dengan pengusaha-pengusaha, pemaju dan juga kontraktor melalui CIDB dan juga dengan pertubuhan-pertubuhan profesional seperti pertubuhan arkitek, *engineer* dan sebagainya untuk memastikan pegawai-pegawai yang menyelia dan menjaga projek-projek ini mempunyai kelulusan dan pengalaman serta kelayakan yang sepatutnya. Itulah yang sebaik-baiknya.

Mengenai isu *geotechnical* adalah sebahagian daripada keperluan teknikal untuk kelulusan kebenaran merancang. Ini telah menjadi satu yang kita *insist* sekarang ini untuk dikepilkan di dalam apa-apa juga permohonan untuk mendapatkan kelulusan seterusnya. Penggunaan teknologi terkini bergantung kepada kapasiti pemaju dan keperluan penyiasatan tanah dan laporan *geotechnical*. Di sini juga kita menyatakan bahawasanya, kita juga ingin menggunakan teknologi yang lebih relevan kepada situasi tempatan iaitu dari segi cuacanya, *rainfall* dan juga kelembapan- *humidity*, dan juga *terrain*. Ini juga termasuklah keadaan tanah yang terdapat di kawasan-kawasan-kawasan yang berkenaan.

Geotechnics discipline atau *adoption* teknologi terkini, termasuklah *core sampling* perlulah kita ambil sebagai satu daripada teknologi atau satu daripada mekanisme untuk memastikan perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku di tempat-tempat di mana pertumbuhan pembangunan begitu pesat sekali.

Saya rasa *density of development* adalah salah satu daripada sebab yang menyebabkan banyak kawasan tidak terkawal pembangunannya dan *surface run-off* atau pengaliran air di muka bumi dan juga di bawah bumi seperti saya yang sebut iaitu *underground stream* dan sebagainya yang susah untuk kita *detect* atau kita kesan merupakan masalah yang kita perlu atasi bersama dengan teknologi yang terkini.

Salah satu daripada langkah yang kita ambil kebelakangan ini adalah untuk memastikan atau kita *insist* *topo maps study* atau adanya kegunaan *topological map* untuk memberi gambaran yang lebih tepat pengaliran air, termasuk di dalam kajian awal iaitu termasuk di bawah EIA. Ini kerana ini akan menentukan bagaimana pengaliran air akan merosakkan struktur di atas muka bumi dan juga mungkin akan mengubah atau *cause variation in underground water stream*. Ini adalah satu *science* yang kita perlu mendampingi atau mengambil pendekatan yang lebih rapi untuk memastikan segala teknologi yang terbaru boleh kita manfaatkan untuk projek-projek yang berlaku sekarang ini.

Sekali lagi kita mengatakan di sini penguatkuasaan adalah paling penting. Kita perlu pegawai-pegawai lebih *strict* sebagai *deterrent* dan juga berganding dengan *enforcement*,

penguatkuasaan atau pengenaan penalti yang lebih tinggi dan lebih *strict enforcement*. Di sinilah kita harap dengan pendekatan Kerajaan Pakatan Harapan, di mana segala masalah tidak lagi diketepikan atau boleh dikatakan seperti terdahulu pernah dilakukan iaitu *sweep under the carpet* atas kedudukan atau kepentingan pemaju-pemaju tertentu tidak lagi akan berlaku. Ini *insya-Allah* akan menjadi azam baharu di bawah kerajaan hari ini.

Satu lagi perkara yang saya hendak tambah di sini adalah tentang rang undang-undang merangkumi kawasan sensitif iaitu di mana semua permohonan kemajuan pembangunan memerlukan laporan *geotechnical* yang ditentu usahakan oleh pemeriksa bebas yang berdaftar dengan *Board of Engineers Malaysia*. Inilah perkara yang kita tidak lagi akan memberi apa-apa kompromi. Bahawasanya mereka yang hanya berdaftar dan juga mereka yang berkelayakan dan berpengalaman dibenarkan untuk menandatangani laporan-laporan yang dimasukkan kepada pihak berkuasa untuk diluluskan.

Pindaan rang undang-undang Akta 133 juga, menetapkan untuk pemeriksaan cerun secara berkala setiap lima tahun untuk tanah bercerun dan bangunan melebihi lima tingkat. Ini juga disebabkan apabila bangunan itu baru dibina, mungkin kawasannya telah rapi dibina dengan lengkap.

Akan tetapi keadaan cuaca yang berubah, berlaku *erosion*, memakan masa dan memakan cuaca yang tidak menentu, kita perlulah *monitor* pembangunan sekeliling di mana mungkin saluran air daripada pembangunan di sebelah memasuki kawasan-kawasan ini. Pemantauan berterusan sekurang-kurangnya setiap lima tahun dikaji semula untuk memastikan perubahan ini tidak dilupakan ataupun tidak berselindung dengan situasi di mana kita leka dalam pemantauan dari hari ke hari kita membuat pekerjaan di tapak.

■1740

Ini mungkin kita boleh mengambil sedikit iktibar daripada apa yang berlaku di Highland Towers, di mana pada awalnya kemungkinan apa-apa yang telah dimasukkan kepada kerajaan tempatan mengikut peraturan. Akan tetapi *over the period of time*, banyak perubahan telah berlaku, di mana isu-isu yang sepatutnya diberi perhatian tidak diberi perhatian yang sepatutnya.

Saya beralih pula kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator tadi yang melibatkan tiga isu. Walaupun mungkin tidak *directly involving* apa yang kita bentang pada petang ini tetapi bagaimanapun saya akan menjawab kerana ini melibatkan keselamatan iaitu isu *four wheel drive* yang telah merempuh mereka yang makan di taman jamuan malam atau taman selera, di mana tempat letak kereta telah digunakan sebagai tempat makan di luar

bangunan. Ini kadangkalanya dilakukan dengan mendapat kebenaran atau kelonggaran daripada pihak kerajaan tempatan.

Akan tetapi ada juga pihak-pihak yang tidak mengambil langkah-langkah tertentu untuk mendapat permohonan atau kebenaran. Di sinilah kita perlu sekali lagi memantau dari segi pematuhan kawasan-kawasan tertentu kerana bukan semua pihak atau semua kawasan yang sesuai untuk dijadikan kawasan untuk di-*convert* atau diubahsuai pada waktu malam untuk dijadikan taman selera ataupun taman menjamu selera.

Sama juga dengan isu tempat letak kereta yang disalahgunakan. Ini juga terpulung sekali lagi kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), di mana perlu kita mengadakan lebih banyak lagi rondaan dan juga penguatkuasaan supaya kawasan-kawasan ini tidak disalahgunakan. Oleh kerana ini bukan hanya akan menimbulkan merbahaya kepada mereka yang menggunakan kawasan-kawasan yang terdapat berdekatan dengan kedai-kedai kaki lima dan sebagainya tetapi ini juga akan membawa banyak kerumitan dan juga masalah kepada pengguna *commercial area* atau kawasan perumahan yang sekelilingnya.

Kalau kita mengikut keperluan atau *standard building by laws*, dengan izin, memang *ratio* tempat letak kereta ini telah ditentukan atau *has been prescribed according to the uniform building by laws* dan sepatutnya dipatuhi. Akan tetapi tekanan di atas harga tanah yang begitu mahal dan sebagainya, ada juga pihak-pihak pemaju cuba meminta pengecualian dan juga pengurangan. Ini adalah salah satu daripada situasi yang dihadapi oleh PBT.

Kita sekarang ini di dalam keadaan untuk memastikan kita memenuhi keperluan sebaik mungkin supaya tidak berlaku *shortage of parking spaces*. Akan tetapi saya rasa masalah *long term plan* atau *long term solution* seperti disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi adalah untuk kita menggalakkan lagi penggunaan kalau tidak *park and ride system* pun sekurang-kurangnya *the use of public transport*. Oleh kerana inilah *long term solution*, di mana tekanan kepada kawasan-kawasan perumahan dan juga komersial tidak berlaku dengan begitu ketara. Kita dapat melihat di negara-negara Barat, isu ini bukanlah merupakan isu yang begitu meruncing kerana *values* atau budaya untuk menggunakan *public transport*, kenderaan awam dan sebagainya merupakan budaya yang telah diterima oleh mereka begitu lama.

Inilah salah satu daripada apa yang kita perlu pupuk di kalangan rakyat-rakyat kita dan memerlukan banyak lagi kempen dan juga galakan daripada pihak kerajaan dan juga insentif untuk pemaju-pemaju memberi penekanan supaya *public transport* merupakan salah satu daripada alternatif untuk *serve the neighborhood*.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator tentang kawasan-kawasan atau pembaikan jalan yang tidak rata. Ini selalunya berlaku di atas kurangnya atau kadangkalanya tidak ada keseragaman di antara pihak-pihak berkenaan seperti Telekom, JKR bahagian jalan, JPS dan sebagainya. Ini adalah satu *classic case* di Malaysia, di mana dengan begitu lama kita mengendalikan projek-projek pembaikan jalan, masih juga tidak dapat di atasi dengan sebaik mungkin.

Pihak kerajaan tempatan sentiasa ingin meningkatkan mutu koordinasi ini dengan mengadakan lebih banyak lagi *coordination meeting* dan sebagainya untuk memastikan tidak ada percanggahan atau tidak ada *lack of coordination* yang boleh merosakkan kerja-kerja yang telah baru disiapkan dan dibuka kembali kerana tidak ada satu *overall program* untuk pelaksanaan.

Tentang *deposit taking* ini, itu adalah salah satu daripada caranya kita dapat membaiki atau *remedy* masalah-masalah yang dihadapi. Oleh kerana apa-apa kerja yang tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin, wang deposit ini sebahagian besarnya boleh digunakan untuk didapatkan kontraktor ataupun orang baharu untuk membaiki balik atau *make good the defective work or workmanship* yang telah dibina dengan tidak sempurna.

Masalah parit yang selalunya menyebabkan *flash flood* ataupun banjir adalah sebahagian besarnya bukan sangat di atas *design* atau reka bentuk yang tidak mencukupi. Oleh kerana apabila *design* atau reka bentuk parit longkang dan sebagainya dikemukakan kepada pihak berkuasa, pihak jurutera dan sebagainya telah memberi satu *calculation* ataupun perkiraan sewajarnya untuk memastikan kapasitinya atau muatan laluan airnya mencukupi. Akan tetapi seperti biasanya, dari segi teorinya ia mencukupi.

Akan tetapi yang pentingnya adalah penyelenggaraan atau *the maintenance* longkang-longkang ini. Oleh kerana dengan tidak ada pengawasan kebersihan, di mana sampah-sampah dibenarkan berkumpul atau terkumpul di dalam longkang. Ada kalanya di dalam cuaca kita yang lembap dan sentiasa basah, tumbuhan rumput,alang dan sebagainya di dalam atau di kawasan parit ini boleh menyebabkan kapasiti parit ini dikurangkan. Di mana mereka tidak lagi mampu membawa air seperti yang sepatutnya.

Baru-baru ini juga kerajaan tempatan, kita juga menerima banyak permohonan daripada orang ramai dan juga PBT untuk mendapatkan peruntukan. Terutamanya seperti kalau di Pantai Timur untuk membersihkan atau *clearance of vegetations or overgrown weeds* di longkang-longkang ini dengan tibanya musim tengkujuh ataupun *monsoon season*. Inilah di antara masalah-masalah yang mereka hadapi setiap tahun.

Menyentuh khusus tentang apa yang berlaku atau insiden kemalangan yang meragut nyawa di kawasan makan tepi jalan tadi. Di sini kita ingin menyatakan, PBT tidak meluluskan kedai-kedai makan untuk letak meja makan di tepi jalan. Penguat kuasa PBT akan perlu mengambil tindakan lebih tegas terhadap peniaga-peniaga ini. Apa juga yang berlaku di sini merupakan dari segi inisiatif dan juga pelanggaran syarat-syarat yang telah dilanggar oleh peniaga-peniaga makan malam.

Sebagai tambahan juga, kekurangan tempat letak kereta di bandar, garis panduan tempat letak kereta disediakan oleh PLANMalaysia dan pembangunan yang dibina perlu mematuhi seperti yang saya sebutkan lebih awal tadi. Akan tetapi tempat kereta bertingkat digalakkan. Namun, perlu ada pihak swasta yang bersama-sama membantu penyelenggaraannya. Ini adalah dari segi *transport system* ini saya rasa *the long term solution*, dengan izin, adalah untuk kita memupuk budaya *the usage of public transport* atau *shuttle service*, di mana *pressure on private ownership* atau *single occupancy vehicle* dikurangkan.

■1750

Tentang isu deposit pembaikan jalan dengan pindaan ini juga kita ingin menyatakan pindaan ini akan menyebabkan kontraktor perlu mendapat kebenaran PBT sebelum memulakan kerja dan PBT boleh mengenakan deposit sebelum kerja pembaikan dilaksanakan.

Ini adalah satu daripada mekanisme yang kita harap dapat digunakan untuk membantu kita membaiki atau remedi kerja-kerja yang substandard atau kerja-kerja yang kurang memuaskan yang boleh membahayakan pengguna-pengguna jalan. Itulah di antara soalan-soalan, setelah kita dapat jawab dan sekali lagi saya ingin menyatakan di sini sebenarnya masalah utama yang kita hadapi adalah dari segi penguatkuasaan dan juga pemantauan.

Enforcement adalah sebahagian besar daripada masalah yang kita hadapi dan jika tidak ada gangguan daripada pihak-pihak yang tidak sepatutnya mengambil tahu tentang penguatkuasaan ini, saya harap pihak berkuasa di bawah Pakatan Harapan akan lebih dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih bebas dan lebih efisien.

Ini adalah menjadi salah satu matlamat kita kerana kalau kita lihat dari segi *building standard* dan juga *quality of building application* yang kita benarkan, mesti mematuhi standard yang paling tinggi yang diluluskan dan diguna pakai di seluruh dunia. Akan tetapi dari segi teorinya walaupun cukup yang menentukan *the success* atau baiknya pelaksanaan projek-projek ini bergantung kepada pemantauan berkala perlu diadakan daripada semasa ke semasa. Itulah yang saya dapat jawab untuk hari ini.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekali terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan isu berkaitan dengan Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2018. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Mahfuz bin Haji Omar) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA (PEKERJAAN) (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 iaitu suatu akta yang meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1996 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1996, Akta 350 adalah undang-undang buruh yang mengawal selia penggajian kanak-kanak dan orang muda di sektor swasta. Akta 350 memperuntukkan kanak-kanak dan orang muda hanya boleh diambil bekerja dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu yang dinyatakan di bawah akta ini.

Ini bertujuan bagi memastikan penggajian kanak-kanak dan orang muda tidak menjejaskan kesejahteraan mental dan fizikal serta keperluan pendidikan mereka. Akta 350 hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Adapun bagi Sabah dan Sarawak, peruntukan seumpama Akta 350 ini diperuntukkan dalam Ordinan Buruh Sabah Bab 67, dan Ordinan Buruh Sarawak Bab 76 masing-masing dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan juga Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Antara perlindungan kepada kanak-kanak dan orang muda dalam pekerjaan yang diperuntukkan di bawah akta ini termasuklah kewajipan majikan mendapatkan lesen daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk menggaji kanak-kanak dan orang muda bagi pekerjaan berkaitan dengan *public entertainment*. Waktu bekerja yang terhad ini, yang mana-mana kanak-kanak dilarang bekerja antara pukul 8 malam hingga 7 pagi. Bagi orang muda, larangan bekerja antara pukul 8 malam hingga 6 pagi. Larangan waktu bekerja ini terpakai untuk semua jenis pekerjaan kecuali bagi pekerjaan tertentu yang dinyatakan di dalam akta.

Apabila seorang kanak-kanak atau orang muda diambil bekerja, sebagai mana yang dibenarkan di bawah akta ini, maka majikan juga berkewajiban untuk memberikan perlindungan keselamatan sosial seperti caruman KWSP dan juga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Sejak mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1966, Akta 350 telah dipinda sekali iaitu pada tahun 2010. Antara pindaan utama pada masa itu adalah meminda tafsiran umur kanak-kanak daripada bawah 14 tahun kepada belum mencapai 15 tahun dan umur orang muda daripada antara 14 hingga 16 tahun kepada belum mencapai 18 tahun.

Menurut statistik penyiasatan tenaga buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2017, kira-kira 440,500 orang penduduk bekerja terdiri daripada individu berumur antara 15 hingga 19 tahun, bersamaan dengan tiga peratus daripada jumlah penduduk bekerja. Secara relatifnya, golongan inilah yang akan mendapat manfaat daripada penambahbaikan Akta 350.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menganggotai Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) sejak tahun 1957. Setakat ini Malaysia telah meratifikasikan lima daripada lapan konvensyen utama- *core conventions*, ILO.

■1800

Dua daripada konvensyen utama tersebut berkaitan buruh kanak-kanak dan orang muda, iaitu *Minimum Age Convention 1973 (C138)*, dan *Worst Forms of Child Labour Convention 1999 (C182)*. Malaysia meratifikasikan C183 pada 9 September 1997 dan C182 pada 10 November tahun 2000. Sejak Malaysia meratifikasikan kedua-dua konvensyen ini, ILO telah membuat beberapa teguran kepada Malaysia kerana peruntukan dan pelaksanaan Akta 350 tidak selari dengan prinsip konvensyen. Secara keseluruhannya, ILO telah membuat lima kali *observation* dan lima kali *direct request* berhubung C138 serta enam kali *observation* dan enam kali *direct request* berhubung dengan C182.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai mana kita sedia maklum, Malaysia telah pun menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik iaitu TPPA. Perjanjian ini kemudiannya dijenamakan semula sebagai *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)* susulan penarikan diri Amerika Syarikat. Pada masa ini, kerajaan sedang mengkaji dengan teliti berhubung penyertaan Malaysia dalam CPTPP. Untuk Kementerian Sumber Manusia, tumpuan utama adalah untuk memastikan pematuhan ke atas bab buruh CPTPP sekiranya Malaysia menyertai perjanjian ini.

Bab buruh adalah satu daripada 30 bab yang perlu dipatuhi oleh negara-negara yang terlibat dalam CPTPP. Secara dasarnya, bab buruh CPTPP memperuntukkan supaya setiap negara hendaklah menerima pakai dan mengekalkan dalam undang-undang dan peraturan serta amalan masing-masing berhubung hak-hak terkandung dalam Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa iaitu *ILO Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work 1998*.

Dalam konteks kanak-kanak dan orang muda dalam pekerjaan, Deklarasi ILO 1998 ini merujuk kepada pemansuhan secara berkesan amalan buruh kanak-kanak. Larangan terhadap amalan terburuk buruh kanak-kanak dan lain-lain perlindungan kepada kanak-kanak dan orang di bawah umur. Perkara ini berkait secara langsung dengan C183 dan C182.

Walau apa pun pendirian kerajaan berhubung hala tuju dan kemungkinan penyertaan Malaysia dalam CPTPP pindaan Akta 350 ini tetapi diteruskan kerana selari dengan komitmen kerajaan untuk memastikan perlindungan hak pekerja di Malaysia setara dengan piawaian antarabangsa termasuk konvensyen-konvensyen yang telah pun digariskan oleh ILO.

Jelasnya, pindaan Akta 350 ini adalah sebahagian daripada langkah pembaharuan yang holistik kepada landskap undang-undang buruh negara. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 telah dibentangkan, dibahaskan dan diluluskan tanpa pindaan di Dewan Rakyat pada 17 Oktober 2018 yang lalu. Secara amnya, rang undang-undang ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif utama seperti berikut:

- (i) memperkukuhkan penguatkuasaan dan larangan eksploitasi kanak-kanak dan orang muda dalam pekerjaan;
- (ii) memastikan undang-undang buruh selari dengan piawaian antarabangsa khususnya Konvensyen ILO; dan
- (iii) menyesuaikan peruntukan akta dengan keperluan semasa termasuk memperjelaskan peruntukan kabur seperti berkaitan umur yang sebelum ini menimbulkan tafsiran berbeza.

Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 mengandungi sembilan fasal dan dua jadual seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminta tafsiran yang digunakan dalam pindaan seksyen 1A akta ini iaitu "*child*", "*light work*", "*ministered*", dan "*young person*" serta memasukkan tafsiran baharu "*family*". Tafsiran "*child*" dipinda daripada "*any person who have not completed his fifteen years of age*" kepada "*a person under the age of fifteen years*", supaya konsisten dengan tafsiran yang digunakan dalam Artikel 3C183. Pindaan tafsiran ini juga bertujuan untuk memastikan tidak ada kekeliruan mengenai takrif apabila menentukan usia kanak-kanak dalam konteks pekerjaan.

Dengan definisi baharu ini, mana-mana orang di bawah umur 15 tahun akan dianggap sebagai kanak-kanak. Tafsiran "*family*" dimasukkan selepas tafsiran *entertainment* iaitu *family means, a parents, siblings, or guardian who has custody of a child or young person*. Untuk mengehadkan maksud "*family*" kepada ibu bapa, adik-beradik dan juga penjaga sahaja. ini kerana akta sedia ada tidak menjelaskan had hubungan kekeluargaan.

Tafsiran ini bertujuan untuk mengelak eksploitasi dan perlu dibaca bersama dengan perenggan 2(2)(a) dan 2(3)(a) Akta 350. Tafsiran *light work* dipinda supaya konsisten yang diguna dalam Artikel 7 C138.

Pindaan tersebut adalah berikut; *light work means any work performed by a child or young person which is not likely:*

- (i) *to be harmful to his health, mental physical, capacity, or*
- (ii) *to prejudice his attendance school that includes any place which teacher any religion his participation in vocational orientation or training programme approved by the competent authority of his capacity to benefits from the instruction received.*

Tafsiran “*minister*” dipinda menggantikan pekerjaan “*labor*” kepada “*human resource*”. Sebagai mana akta ini, akta-akta terkini di bawah Kementerian Sumber Manusia. Tafsiran “*young person*” dipinda daripada “*any person who not been a child has not completed his 18 years of age*” kepada “*a person under the age of 18 years*” supaya konsisten dengan tafsiran yang diguna dalam Artikel 3 C138. Dengan definisi baharu ini, mana-mana orang yang telah mencapai usia 15 tahun tetapi berada di bawah 18 tahun adalah dikira orang muda. Saya ini termasuk orang tua [Ketawa]

Fasal 3 meminda seksyen 2, Akta 350. Subfasal 3(a) memasukkan senarai *hazardous work* atau pekerjaan merbahaya dalam Jadual Keempat.

Subfasal 3(b) memperuntukkan larangan mengambil bekerja kanak-kanak dan orang muda dalam pekerjaan berbahaya atau pekerjaan lain selain daripada yang diperuntukkan dalam seksyen ini. Subfasal ini juga memperuntukkan pengecualian yang membenarkan orang muda bekerja terlibat dalam pekerjaan merbahaya dengan *personnel supervision* jika orang muda itu di bawah kontrak perantisan atau sedang menjalani latihan vokasional.

Ini bertujuan untuk melindungi dan melatih orang muda yang ingin bekerja dalam pekerjaan berbahaya. Subfasal 3(c) memasukkan umur minimum yang dibenarkan untuk *light work* iaitu hendaklah tidak kurang daripada 13 tahun supaya selari dengan Artikel 7 C138.

Subfasal ini juga memasukkan senarai pekerjaan yang kanak-kanak dan orang muda tidak boleh terlibat sama sekali seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kelima.

Secara amnya, senarai dalam Jadual Kelima ini adalah pekerjaan yang boleh menjejaskan moral kanak-kanak dan juga orang muda. Subfasal 3(d) memansuhkan peruntukan berkaitan pekerja domestik supaya orang muda tidak boleh bekerja sebagai perkhidmatan domestik kerana pekerjaan ini memerlukan waktu bekerja yang panjang dan boleh menjejaskan perkembangan orang muda.

Subfasal ini memansuhkan perkataan “*bar*” dan “*club*” supaya orang muda tidak dibenarkan bekerja di tempat pekerjaan tersebut kerana tempat pekerjaan tersebut sering

dikaitkan dengan aktiviti yang boleh menjejaskan moral. Peruntukan ini tidak menghalang orang muda dalam pekerjaan di kelab sukan dan lain-lain kerana pekerjaan tersebut tidak dinyatakan dalam Jadual Kelima. Subfasal 3(d) turut memansuhkan dua proviso berkaitan dengan orang muda perempuan.

Proviso pertama Akta 350 sedia ada menetapkan orang muda perempuan tidak boleh bekerja di hotel, bar, *restaurant, boarding house or clubs* melainkan tempat pekerjaan tersebut di bawah pengurusan ibu bapa ataupun penjaga. Proviso kedua pula menetapkan bahawa orang muda wanita, boleh terlibat dalam pekerjaan *club* yang tidak diuruskan oleh ibu bapa atau penjaga dengan syarat mendapat kebenaran daripada pengarah Jabatan Tenaga Kerja. Dengan pemansuhan kedua-dua proviso ini, orang muda perempuan boleh diambil bekerja atau terlibat dalam pekerjaan di tempat-tempat tersebut asalkan pekerjaan tersebut dinyatakan dalam Jadual Keempat dan Jadual Kelima.

■1810

Subfasal 3(e) dan 3(f), masing-masing memansuhkan larangan yang tidak membenarkan kanak-kanak dan orang muda yang bekerja dalam pekerjaan di bawah tanah dan juga pekerjaan *hazardous work* ataupun pekerjaan yang berbahaya kerana peruntukan tersebut telah dimansuhkan dalam senarai Jadual 4.

Fasal 4 bertujuan untuk memansuhkan tajuk dan seksyen 8 berhubung gaji minimum kerana peruntukan tersebut telah diambil kira di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

Fasal 5 bertujuan untuk membina subseksyen 11(1) supaya selari dengan prosedur pendakwaan yang terkini.

Fasal 6 meminda seksyen 14 mengenai penalti yang dicadangkan dinaikkan sebagai langkah pencegahan dan menunjukkan tahap keseriusan kesalahan di bawah akta ini. Pindaan ini mencadangkan supaya hukuman penjara dinaikkan daripada tidak melebihi satu tahun kepada tidak melebihi dua tahun dan denda daripada tidak melebihi RM5,000 kepada tidak melebihi RM50,000. Bagi kesalahan berulang, hukuman penjara dicadangkan dinaikkan daripada tidak melebihi tiga tahun kepada tidak melebihi lima tahun dan denda daripada tidak melebihi RM10,000 kepada tidak melebihi RM100,000.

Fasal 7 adalah pindaan berbangkit daripada pemansuhan seksyen 8.

Fasal 8 bertujuan memansuhkan seksyen baharu 15A yang memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda jadual-jadual di bawah akta ini melalui pemberitahuan dalam warta.

Fasal 9 bertujuan mewujudkan dua jadual baharu iaitu Jadual 4 mengenai senarai *hazardous works* bagi subseksyen 2(1) dan Jadual 5 bagi subseksyen 2(2b) mengenai senarai pekerjaan yang kanak-kanak dan orang muda tidak boleh diambil bekerja. Jadual 4 dan Jadual 5 masing-masing selaras dengan Artikel 3 dan Artikel 4 C182.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini bagi meminda Akta 350 ini akan meningkatkan perlindungan kepada kanak-kanak dan orang muda dalam pekerjaan terutamanya daripada eksploitasi dan diskriminasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Peruntukan Akta 350 yang ditambah baik supaya selari dengan Konvensyen ILO menunjukkan komitmen kerajaan dalam merealisasikan janji Buku Harapan dan mengangkat standard perburuhan negara ke tahap yang lebih tinggi di peringkat antarabangsa.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi bagi menjayakan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 khususnya kepada Yang Berhormat Datuk V.K. Liew iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Peguam Negara serta pegawai-pegawai di Jabatan Peguam Negara.

Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai kerajaan daripada Kementerian Kewangan; Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dan Kementerian Industri Utama atas sokongan mereka dalam merealisasikan pembentangan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 di Dewan yang mulia ini. Terima kasih kepada semua pegawai-pegawai di peringkat Kementerian Sumber Manusia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah suatu akta untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

6.14 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kajian-kajian menunjukkan buruh kanak-kanak dan orang muda bukan sahaja dapat dikesan di kawasan pendalaman, tetapi juga di kawasan bandar. Sewajarnya, kanak-kanak dalam usia lima hingga 18 tahun menjalani pendidikan secara formal mahupun tidak formal. Sebaliknya, tenaga mereka diperah untuk pelbagai tujuan dan sektor oleh pihak yang hanya memikirkan untuk meraih keuntungan dan tidak bertanggungjawab.

Pada tahun 2017, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menyatakan pekerja buruh kanak-kanak di seluruh dunia berjumlah 152 juta orang dari umur lima tahun hingga 18 tahun di mana 70.9 peratus daripada mereka bekerja di dalam sektor pertanian. Hakikatnya, kita gembira kerana Kerajaan Malaysia menghapuskan penggunaan buruh dalam kalangan kanak-kanak menjelang tahun 2025. Bagi mencapai matlamat berkenaan, yang penting perlunya penguatkuasaan yang tegas terhadap mereka yang ingkar mematuhi peraturan buruh termasuk menggaji kanak-kanak sebagai pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ketahui ialah antara tahun 2016 hingga tahun 2018, ada lima kes membabitkan buruh kanak-kanak. Tahun lalu, dua majikan didenda sebanyak RM2,000 setiap seorang. Manakala satu lagi kes pada tahun 2014, di bawah Akta Antipemerdagangan Orang didenda sebanyak RM6,000. Mengejutkan lagi, hasil laporan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ada lebih 200,000 kanak-kanak berusia lima tahun hingga 18 tahun dikesan bekerja termasuk membantu ibu bapa mereka dalam pelbagai sektor di Sabah.

Kebanyakannya terbabit dalam sektor pelancongan, pertanian, perladangan, perikanan dan sektor ekonomi tidak formal di kawasan bandar yang menjadi nadi kepada sumber ekonomi penduduk di negeri ini. Laporan kanak-kanak di sektor perladangan kelapa sawit di Sabah oleh *The Forest Trust* menunjukkan lebih 60,000 kanak-kanak berada di kawasan perladangan. Ada yang sedang bekerja dan membantu ibu bapa mereka terutama membabitkan warga Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, apa pun, saya yakin dengan banyak lagi kes di Semenanjung, Sabah serta Sarawak yang terlepas pandang dan mungkin majikan terlepas daripada tindakan khususnya yang terbabit dalam sektor pertanian, perladangan dan kawasan luar bandar yang memang sukar untuk dihapuskan.

Berikutan itu, saya melihat pindaan kepada Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1996 sangat bersesuaian dengan hasrat untuk memastikan undang-undang buruh di negara ini selari dengan piawaian antarabangsa khususnya Konvensyen ILO. Bukan sekadar memenuhi tuntutan ILO, tetapi lebih penting jika akta ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Isu menggunakan buruh kanak-kanak dan orang muda yang dianggap tindakan menekan dan menyeksa itu dapat dikurangkan jumlahnya dari semasa ke semasa.

Secara umumnya, tekanan keluarga kerana masalah kemiskinan dan sebab-sebab kerumitan hidup, kanak-kanak dan orang muda terpaksa bekerja atau membantu keluarga menyebabkan peluang untuk mereka mendapatkan pendidikan formal khususnya, hilang begitu sahaja. Di sekeliling kita, wujud suasana dan kedudukan di mana buruh kanak-kanak diwujudkan akibat faktor kemiskinan dan sosial keluarga.

Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan kita ialah kenapa ada pihak khususnya majikan tidak peduli dengan penetapan kerajaan bahawa walaupun menggaji kanak-kanak bekerja, apakah mereka tidak berhak untuk mendapat gaji yang sama rata dengan golongan dewasa? Berdasarkan Perintah Gaji Minimum, sekiranya buruh kanak-kanak melakukan kerja seperti orang dewasa, tidak wajar wujud kelompangan sosial terhadap pelaksanaannya. Bukankah itu satu pemerasan, penindasan dan perbuatan zalim?

■1820

Berikutan itu, adalah perlu, wajar wujud definisi yang jelas mengenai buruh kanak-kanak dan orang muda yang bekerja sepenuh masa akibat dipaksa atau terpaksa, apa lagi yang bekerja untuk membantu keluarga. Apa yang penting di sini ialah untuk kerajaan mewujudkan suatu badan atau agensi penguatkuasaan mengenal pasti dan mengesan kewujudan buruh kanak-kanak dan orang muda.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, apakah ukuran atau kriteria untuk menentukan wujudnya suasana kerja yang berbahaya termasuk mengendalikan jentera, dilindungi daripada bahan kimia berbahaya, keadaan berdebu, suhu melampau dan bunyi bising di kalangan kanak-kanak?

Suatu mekanisme berkesan perlu diwujudkan untuk mengesan dan membawa ke muka pengadilan bagi majikan yang mengambil kanak-kanak dan orang muda menjual alkohol,

pekerjaan berkaitan perjudian dan loteri, perkhidmatanurut dan refleksologi, pelacuran atau pengiring sosial. Oleh kerana mereka masih muda dan dalam alam pembesaran, sebarang tindakan berunsur kekejaman, pemerasan dan penyeksaan akan menyebabkan kanak-kanak dan orang muda yang menjadi buruh itu akan berdendam dan akan apa sahaja yang boleh dilakukan mereka sebagai bantahan apabila mereka sudah mula remaja dan dewasa.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan itu, saya menyokong tindakan tegas yang akan dikenakan ke atas mana-mana majikan yang mengambil kanak-kanak di bawah usia 15 tahun sebagai pekerja.

Persoalan penting di sini ialah apakah hukuman maksimum lima tahun bagi kesalahan berulang berdasarkan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda 1996 atau Akta 350 itu mencukupi? Apakah denda yang dicadangkan dinaikkan daripada tidak lebih RM5,000 kepada tidak lebih RM50,000 dan bagi kesalahan berulang, mereka boleh didenda tidak lebih daripada RM100,000 boleh dijadikan penghalang kepada pengambilan buruh kanak-kanak?

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik apa yang diperkatakan di atas, Akta 350 hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Bagi Sabah dan Sarawak seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, peruntukan seumpama Akta 350 ini diperuntukkan dalam Ordinan Buruh Sabah [Bab 67], dan Ordinan Buruh Sarawak [Bab 76], masing-masing dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Persoalannya, apakah pindaan-pindaan yang dibuat ini akan menjayakan rancangan kerajaan untuk menghapuskan penggunaan buruh kanak-kanak dan orang muda menjelang tahun 2025?

Walaupun tidak semua, kita amat yakin ia akan mengurangkan majikan menggunakan buruh kanak-kanak dan orang dewasa sementara kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dan Kementerian Belia dan Sukan perlu sama-sama membantu Kementerian Sumber Manusia untuk menjayakan usaha murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, itu sahaja perbahasan saya dan saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Kedua, saya minta Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu. Dipersilakan.

6.24 ptg.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

*Dalam memimpin, lakunya cergas;
Berfikir cepat, bekerja tangkas;
Hatinya lapang, fikiran luas;
Menghadapi masalah, tidak cemas.*

Itu saya tujukan kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018.

Tuan Yang di-Pertua, antara isu global yang hebat diperkatakan pada hari ini ialah pengeksploitasian kanak-kanak oleh pihak tertentu. Jutaan kanak-kanak di dunia menderita akibat mencari sumber pendapatan pada usia yang masih muda, bekerja dalam jangka masa yang panjang dan juga terlibat dalam sektor-sektor kerja yang berbahaya.

Pada masa kini di seluruh dunia, mengikut statistik daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa, PBB, terdapat 218 juta kanak-kanak berumur lima tahun hingga 17 tahun yang bekerja, di mana 152 juta adalah mangsa buruh kanak-kanak dan hampir separuh daripadanya iaitu 73 juta bekerja pada sektor yang berbahaya.

Pada pecahan kedudukan pula, 72.1 juta yakni hampir separuh dapat dijumpai di negara-negara benua Afrika, 62.1 juta di rantau Asia Pasifik termasuklah Malaysia, 10.7 juta di benua Amerika, 1.2 juta di negara Arab dan 5.5 juta di Eropah dan Asia Tengah. Hampir separuh daripada 152 juta itu berumur antara lima tahun hingga 11 tahun dan mereka juga adalah menjadi mangsa buruh kanak-kanak di mana 64 juta adalah terdiri daripada kanak-kanak perempuan dan 88 juta adalah terdiri daripada kanak-kanak lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, membicarakan perihal buruh kanak-kanak dan orang muda ini, kebanyakan mereka sebenarnya tertumpu di sektor pertanian termasuk memancing, perhutanan, ternakan dan akuakultur serta pertanian *subsistence* dan komersial iaitu dalam lingkungan 71 peratus yang disebutkan daripada jumlah tadi, 17 peratus dalam sektor perkhidmatan dan 12 peratus dalam sektor perindustrian termasuklah perlombongan.

Tuan Yang di-Pertua, buruh kanak-kanak adalah fenomena biasa dunia. Ia juga berlaku di negara-negara berhampiran dengan kita seperti mana India, China, Thailand dan Filipina. Namun, agak sukar menilai fenomena ini di Malaysia kerana masih belum ada kajian

menyeluruh dan sistematik ke atasnya. Justeru, saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah usaha kementerian dalam mengenal pasti masalah ini secara lebih menyeluruh dan efektif melibatkan Sabah dan Sarawak?

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai laporan NGO dan juga pertubuhan yang telah menyebutkan berlaku fenomena eksploitasi buruh kanak-kanak seperti mana contohnya di Sabah, yang telah disebutkan juga Yang Berhormat Senator Datuk Razali, yang telah tersebar luas pada bulan Jun 2018 dengan tajuk, "*Buruh Kanak-kanak di Malaysia Semakin Membimbangkan*", di mana di situ dilaporkan terdapat lebih kurang 200,000 kanak-kanak berusia lima tahun hingga 18 tahun dikesan bekerja termasuk membantu ayah ibu di sektor perladangan khususnya di Sabah dan 60,000 terlibat dalam kerja-kerja perladangan.

Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali juga, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sebab undang-undang ini, pindaan ini pun tidak terpakai di Sabah dan Sarawak. Justeru, saya ingin memohon penjelasan, bilakah undang-undang ini akan diseragamkan pemakaiannya serta pelaksanaannya bagi negeri Sabah dan Sarawak, memandangkan yang di sana mereka menggunakan Ordinan Buruh Sabah dan juga Ordinan Buruh Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Mohon penjelasan sedikit boleh? Rakan saya sebab saya orang Pulau Pinang. Saya tidak faham kenapa di Sabah, isu- saya ingat Yang Berhormat Menteri ini pun orang Kedah. Kita hendak faham juga kenapa di Sabah ini, isu pekerja kanak-kanak ini agak banyak berbanding dengan tadi seperti yang dikatakan? Itu satu.

Kedua, saya rasa kalau kita melihat daripada sisi perundangan, ia akan ada kekangan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Akan tetapi kalau melihat daripada segi sisi hak asasi manusia, saya rasa komitmennya agak nasional dan saya rasa isu eksploitasi terhadap pekerja kanak-kanak ini juga saya rasa boleh dilihat daripada sisi Hak Asasi Manusia (HAM). So, mohon pandangan Yang Berhormat Senator. Adakah itu mungkin pendekatan boleh membuat pendekatan itu lebih menyeluruh?

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat Yang Berhormat Senator saya yang bertanya. Disebabkan saya juga ada banyak lagi hendak sentuh, saya ingin *divert* terus soalan itu kepada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi pada penjelasan saya di kemudian ini, saya akan terus menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi, sukar ia untuk dikesan dan kita tidak mempunyai maklumat-maklumat yang terperinci berkaitan dengan masalah eksploitasi dan juga buruh kanak-kanak dan orang muda dalam negara kita.

■1830

Melihat kepada perincian yang saya lihat dan pembacaan saya ada tiga punca sebenarnya yang mungkin juga ini boleh membantu kita dalam menangani isu ini. Pertama, kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman dan bekerja sebagai sebahagian daripada tenaga kerja keluarga. Jadi, apabila duduk di pedalaman dan bekerja sebagai sebahagian daripada pekerja keluarga, mungkin ini terlepas pandang oleh pihak berkuasa.

Keduanya adalah bekerja secara berjadual dan tidak tetap untuk mengelakkan daripada dikesan. Ini lagi masalah. Maknanya, wujud di luar sana yang mengambil kanak-kanak dan orang muda untuk bekerja tetapi secara taktikal meletakkan mereka di dalam jadual khusus yang tidak seragam, boleh berubah bila-bila masa dan tidak tetap. Itu sebenarnya tujuannya adalah untuk tidak dapat dikesan.

Ketiga, *tendency* ataupun kecenderungan majikan, keluarga atau kanak-kanak itu sendiri yang merahsiakan penglibatan mereka dalam pekerjaan kerana bimbang mendapat tentangan.

Untuk ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan agar pihak kementerian mengkaji apakah cara yang lebih berkesan bagi menjejaki pelanggaran undang-undang berkaitan buruh kanak-kanak dan orang muda. Ini kerana pada saya, undang-undang tanpa penguatkuasaan yang baik, termasuklah seperti mana bila kita lihat di Semenanjung berbeza dengan di Sabah dan Sarawak. Ia hanya ibarat fatamorgana indah yang ada di padang pasir. Kelihatannya cantik tetapi hakikatnya tidak memberikan apa-apa dampak yang sebenar. Memperkasakan undang-undang harus bermula dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan yang berkesan.

Seterusnya, kita juga boleh mengenal pasti apakah faktor-faktor yang membawa kepada wujudnya fenomena buruh kanak-kanak dan orang muda. Melalui cara ini, saya yakin dan percaya kita boleh menetapkan siapa dan di manakah sebenarnya yang menjadi sasaran utama kepada peruntukan pindaan rang undang-undang ini.

Antaranya ialah- juga ada disentuh oleh rakan Yang Berhormat Senator saya, faktor-faktor kewujudan buruh kanak-kanak dan orang muda ini ada lebih kurang tiga faktor. Pertama, faktor ekonomi iaitu kemiskinan yang mendorong kepada keperluan untuk mereka bekerja. Maknanya, di tempat dan kawasan-kawasan yang kita lihat mungkin di kawasan luar bandar,

kawasan-kawasan kelompok yang ramai miskin. Kalau di Sabah dan Sarawak itu orang yang kebanyakannya mungkin duduk di atas air. Kalau di Semenanjung Malaysia ini mungkin duduk di Projek Perumahan Rakyat Termiskin. Ini adalah tempat-tempat lokasi di mana barangkali sasaran-sasaran, anak-anak dan orang muda ini kebanyakannya terlibat untuk mencari pekerjaan bagi membantu keluarga.

Kedua, faktor pendidikan. Ini di mana kegagalan sekolah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menyedarkan ibu bapa dan juga kepentingan pendidikan kepada kanak-kanak ini kebanyakannya akan mendedahkan kepada mudahnya kanak-kanak dan orang muda ini hanyut untuk mencari pekerjaan dan tidak meneruskan pendidikan.

Ketiga, adalah faktor keluarga di mana pertama mungkin kehilangan ibu bapa. Kanak-kanak ini dan orang muda terpaksa bekerja untuk mungkin menampung diri sendiri ataupun adik-beradik. Kita pun biasa lihat dalam drama-drama, bila kehilangan mak atau ayah, Along terpaksa bekerja untuk menampung adik-adiknya. Mungkin ini adalah antara faktor.

Kedua, ibu bapa kurang upaya mungkin sakit, maka anak-anak terpaksa mengambil tanggungjawab. Ibu bapa lanjut usia juga dan ibu bapa penagih arak atau dadah, perpecahan dalam keluarga serta penderaan kanak-kanak yang mengakibatkan kanak-kanak lari daripada rumah ataupun orang muda lari daripada rumah yang mengakibatkan mereka perlu mencari peluang pekerjaan. Pada waktu itu, jika mereka tidak dibantu, tidak dibimbing, penguatkuasaan undang-undang ini juga lemah, maka tentu mereka akan terjerumus dalam sektor-sektor pekerjaan yang mungkin di larang dalam pindaan undang-undang ini, khususnya dalam Jadual 4 dan Jadual 5.

Maka, saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tidakkah kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain seperti mana Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam usaha membendung isu ini dan tidak hanya fokus kepada persoalan menghukum ataupun undang-undang.

Saya kira itu lebih hampir dengan roh dan juga cita rasa pentadbiran Malaysia baharu yang sedang Pakatan Harapan cuba bawakan. Tuan Yang di-Pertua, membiarkan isu buruh kanak-kanak ini dan juga orang muda tanpa diuruskan dengan baik, hakikatnya memberikan kesan-kesan yang negatif sama ada kepada diri kanak-kanak dan orang muda itu ataupun kalangan masyarakatnya dan juga negara.

Antara kesan negatif yang mungkin berlaku disebutkan juga di dalam rang undang-undang ini iaitu kesan negatif terhadap perkembangan mental kanak-kanak. Ini di mana

apabila kanak-kanak dan orang muda sudah biasa bekerja misalnya, mereka ini lebih terdedah atau lebih cenderung bersikap materialistik dan juga mengejar kebendaan.

Kanak-kanak yang telah bekerja juga sebenarnya mudah disemai pemikiran yang salah menyebabkan mereka terlibat di dalam pelbagai gejala sosial. Misalnya, gengsterisme, amalan merokok, menagih dadah dan seumpamanya. Kebanyakannya merasakan bahawa mereka telah berupaya menyara diri sendiri dan mereka merasa bahawa mereka sudah cukup matang untuk membuat keputusan. Sedangkan, hakikatnya belum.

Implikasinya, mereka akan sentiasa berada dalam keadaan yang berbahaya dan membimbangkan. Jika ini tidak dipantau, masa depan kanak-kanak ini mungkin lebih gelap. Ketiga, kesan negatifnya ialah keciciran dalam pelajaran iaitu bila mana anak-anak, kanak-kanak atau orang muda ini diberikan peluang ataupun diberikan keizinan untuk bekerja, maka, mungkin mereka akan keletihan dan gagal menyiapkan kerja rumah ataupun mengulang kaji pelajaran.

Situasi yang berulang-ulang ini akan menjadikan mereka kerap dileteri oleh guru dan akhirnya mereka akan mula bersikap negatif seperti mana ponteng sekolah dan berhenti sekolah. Akhirnya, mereka gagal mendapatkan pendidikan rasmi dan juga kemungkinan akan mendorong atau meningkatkan kadar buta huruf dalam negara.

Bermula dari sini juga, kegiatan buruk ini akan berkembang apabila mereka mula berjinak-jinak untuk menghisap dadah, minum arak, terlibat dengan pornografi dan kemudian pemerdagangan manusia. Ini kerana kebiasaannya mereka ini akan menjadi orang suruhan kepada pihak-pihak tertentu untuk melakukan pelbagai kerja yang hakikatnya melanggar undang-undang.

Jadi, sebenarnya kita melihat- sebenarnya rang undang-undang ini tidak langsung menghalang kanak-kanak dan orang muda daripada bekerja. Cuma, rang undang-undang ini mempermudah ataupun memberikan bahagian sektor di mana- dan mengawal eksploitasi kanak-kanak daripada berlaku. Namun, menghalangnya daripada bekerja, tidak sama sekali.

Ini juga akan- satu perkara yang pada saya dalam membicarakan pindaan rang undang-undang ini, saya kira, mungkin pada masa hadapan- saya terus bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah mungkin kerajaan akan menimbangkan yang disebutkan tahun 2025 tadi tidak ada buruh kanak-kanak, adakah mungkin kerajaan akan menimbangkan di masa hadapan untuk mengharamkan terus pengambilan buruh kanak-kanak dan orang muda? Ini sesuai dan selari dengan niat kita untuk supaya kanak-kanak dan orang muda ini diberikan peluang pendidikan yang sebaiknya. Selagi mana kita ada ruang dan undang-undang yang

mengizinkan, walaupun dikawal tetapi selagi itu hakikatnya, hak asasi kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan dan kehidupan yang lebih baik sebenarnya tidaklah dapat disempurnakan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa langkah yang biasanya kita sebut untuk membendung eksploitasi kanak-kanak dan termasuklah pindaan rang undang-undang ini. Ia adalah bagi memastikan agar kanak-kanak yang digaji tidak dieksploitasi sehingga mengganggu pendidikan, kesihatan dan keselamatan. Akan tetapi kebanyakannya kalau kita lihat secara keseluruhannya, bila bekerja, pendidikan akan terjejas, letih *of course* dan keselamatan itu juga mungkin- kalau daripada yang kita sebutkan itu mungkin juga berlaku.

■1840

Akan tetapi saya mengharapkan supaya yang paling penting pindaan rang undang-undang pada kali ini sebenarnya pada saya sudah cukup jauh lebih baik daripada yang sedia ada. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia kerana ini adalah kali kedua rang undang-undang ini dipinda selepas ia diperkenalkan pada tahun 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pindaan yang melibatkan enam jumlah pindaan seksyen, satu seksyen dimansuhkan, satu seksyen baharu dan dua jadual baharu yang turut menyentuh beberapa isu lain. Pada pindaan yang menaikkan penalti sama ada penjara ataupun denda, saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah usaha kementerian untuk memberikan advokasi berkaitan undang-undang ini sama ada kepada majikan, ibu bapa, penjaga dan termasuklah kanak-kanak itu sendiri?

Adakah mungkin kementerian akan turun ke sekolah-sekolah atau di mana sasaran orang-orang muda ini untuk memberikan advokasi bahawa undang-undang ini wujud dan apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak boleh dibuat?

Oleh sebab kalau kita tidak melakukan begitu, kita hanya membaca rang undang-undang ini di sini dan kalau kita yang ada di peringkat pembuat dasar ini pun tidak menelitinya, mana mungkin kita boleh memahaminya. Apa lagi mereka yang menjadi sasaran kepada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan pada kali ini juga telah memberi tafsiran yang pada saya terang dan cukup jelas berhubung definisi umur kanak-kanak sama ada ia merujuk kepada orang berumur di bawah 15 tahun atau telah mencapai 15 tahun. Pada ketika ini, terdapat 171 buah negara yang meratifikasi *Minimum Age Convention 1973*, dengan izin.

Walau bagaimanapun, daripada sejumlah 171 buah negara itu, 76 buah negara sahaja yang telah meletakkan umur minimum kanak-kanak pada kadar 15 tahun. Manakala 51 buah negara masih lagi memberikan takrifan berbeza terhadap kanak-kanak dari segi umur 14 tahun dan 44 buah negara yang mentakrifkan umur kanak-kanak itu pada usia 16 tahun. Walau bagaimanapun, pada saya Malaysia sudah tergolong daripada kalangan negara-negara yang majoritinya mengambil kadar 15 tahun itu sebagai usia kanak-kanak dan ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya pindaan ini memperjelaskan komitmen Malaysia sebagai salah sebuah negara yang telah meratifikasi Konvensyen Umur Minimum 1973 pada 9 September 1997. Ia adalah seiring dengan beberapa negara maju yang lain seperti mana Jepun, *Finland*, *Belgium*, *Netherlands* dan beberapa lagi.

Manakala, pindaan yang melibatkan kewujudan dua jadual baharu, saya berpandangan bahawa ia membantu kerajaan menegaskan maksud kerja-kerja berbahaya dan yang boleh menjatuhkan moral serta maruah kanak-kanak dan orang muda. Saya kira kalau kita boleh melihat jelas daripada Jadual 4 dan Jadual 5, ianya akan turut membantu kita.

Sekiranya advokasi ini diberikan kepada rakyat kebanyakan dan masyarakat, ia juga akan membantu kementerian untuk mengenal pasti di mana berlaku pelanggaran terhadap rang undang-undang ini. Itu yang paling penting. Jadi sebab itu pada saya, Jadual Keempat dan Jadual Kelima ini walaupun ia hanya mungkin dikatakan sebagai jadual tetapi ia sangat *significant* untuk diketahui oleh masyarakat kebanyakan, khususnya di luar sana untuk menjadi mata-mata kepada kerajaan sendiri dalam menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun Malaysia sebenarnya jauh berbeza dengan negara seperti mana *United Kingdom* melalui undang-undang *Children and Young Person Act 1933/12* seksyen 18(1), kanak-kanak di *United Kingdom* (UK) adalah dilarang daripada terlibat dengan pekerjaan yang mengambil masa yang panjang, mengganggu waktu persekolahan, waktu cuti rehat seperti Ahad dan tidak diizinkan kerja malam. Hakikatnya, kanak-kanak di UK juga adalah benar-benar dilindungi oleh undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada undang-undang sebenarnya, cara untuk kita membendung isu buruh kanak-kanak dan orang muda ini adalah keduanya, penyediaan peluang mendapatkan pendidikan dan pembasmian kemiskinan.

Pada saya, Kerajaan Pakatan Harapan yang juga antara temanya adalah *rahmatan lil'alam* perlu meneliti keperluan ini iaitu penyediaan peluang mendapatkan pendidikan dan pembasmian kemiskinan ke arah kita menghapuskan terus kezinaan untuk kanak-kanak dan

orang muda di bawah 18 tahun dibenarkan terlibat dalam pekerjaan. Ketiga, menjamin dan melindungi hak asasi kanak-kanak dan orang muda.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan, undang-undang di negara ini masih tidak menghalang kanak-kanak dan orang muda untuk bekerja. Justeru pada aspek yang lain, ia seolah-olah menafikan hak asasi kanak-kanak dan orang muda untuk menerima pendidikan yang sempurna.

Sedangkan hampir semua kita di dalam Dewan yang mulia ini meyakini bahawa aspek pembangunan modal insan kanak-kanak adalah sangat penting. Hanya pendidikan akan dapat memberikan kanak-kanak kita yang menjadi pewaris kepada negara ini peluang untuk mengubah nasib, sekali gus membina masa hadapan yang lebih bermakna.

Ketidakhadiran mereka ke sekolah secara formal hakikatnya turut menafikan hak mereka untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna dan seterusnya akan mengganggu pembelajaran mereka serta pembentukan peribadi kanak-kanak dan orang muda. Adalah sangat perlu untuk pentadbiran Malaysia baharu merangka satu dasar dan program yang lebih holistik, objektif dan bertanggungjawab, merangkumi pelbagai kementerian bagi mengangkat martabat insan seawal usia kanak-kanak.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, soalan terakhir ataupun pertanyaan terakhir saya kepada pihak kementerian. Adakah negara, kerajaan bersedia untuk mengharamkan terus pengambilan pekerja kanak-kanak dan juga orang muda? Bilakah kemungkinan kita boleh melaksanakannya?

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Artikel 3, Konvensyen Hak Kanak-kanak menyatakan bahawa keperluan bagi negara-negara anggota yang meratifikasi konvensyen pertubuhan ILO untuk memastikan kanak-kanak juga diberi perlindungan dan jagaan sewajarnya.

Justeru, Malaysia memikul tanggungjawab dalam memastikan sistem perundangan negara seiring dengan piawaian yang telah ditetapkan oleh Konvensyen Hak Kanak-kanak. Pada keseluruhannya, pada saya pindaan ini cukup memuaskan untuk diselarikan bersama dengan peruntukan-peruntukan di peringkat antarabangsa.

*Jika pohon harus dipanjat;
Kaki jangan melompat-lompat;
Jika ingin naik darjat;
Ilmu dan iman harus diangkat.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu. Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

6.47 ptg.

Dato' Ong Chong Swen: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya susah nak bahas selepas dua orang Yang Berhormat, Datuk Razali bin Idris, *like a debater*, dengan izin, dan Yang Berhormat Puan Raj Munni binti Sabu, golongan itu seperti Menteri, semua sudah- *all areas are covered*, dengan izin. Akan tetapi saya akan cuba bahas dari segi *different perspective*.

Masalah tenaga buruh kanak-kanak merupakan isu yang sudah lama bersarang dalam masyarakat sejak dahulu hingga hari ini. Pindaan yang dicadangkan adalah bagus bagi memberi lebih penjelasan dan definisi, terutamanya penjelasan, dengan izin, *hazardous work* selain menaikkan jumlah denda dan lain-lain pindaan.

Komuniti tempatan mempunyai budaya atau tradisi di mana anak-anak juga terlibat dalam membantu perniagaan keluarga atau dalang dan sebagainya. Ini memang akan jawablah mengapa ramai budak-budak di Sabah dalang atau di kedai runcit kaum Cina semua bekerja pada umur yang masih muda. Ini tidak harus dilihat sebagai sesuatu yang buruk semata-mata, malah ianya bagus untuk mengajar anak-anak kita memegang tanggungjawab dari umur yang muda dengan memberi tugas yang mereka mampu lakukan.

■1850

Namun begitu, hakikatnya ada kanak-kanak dan orang muda terdedah kepada risiko-risiko yang tidak sepatutnya dan juga kerja yang terlalu berat tanpa pertimbangan untuk keselamatan mereka. Satu contoh adalah kes pada tahun 2016, apabila seorang budak lelaki berumur 13 tahun cedera akibat jari tersepit dalam mesin. Pada Februari 2017, polis Perak mengesahkan terdapat kanak-kanak yang digunakan sebagai buruh paksa, dengan izin, *slave labor* oleh sindiket dengan izin, *human trafficking* yang dikesan di Gerik.

Pihak polis telah menyelamatkan 18 warga tempatan termasuk dua remaja lelaki berumur 13 tahun dan 17 tahun, dan lima kanak-kanak berusia dua tahun hingga tujuh tahun. Mereka dipercayai menjadi mangsa sindiket pemerdagangan manusia di daerah kecil Kroh, Belukar Semang, Kampung Tasek di Pangkalan Hulu. *Human trafficking* ini dikatakan menjadi sebahagian daripada sumbangan kepada buruh paksa di mana kanak-kanak dari keluarga yang miskin ini dijadikan orang gaji dan pekerja-pekerja kilang.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi terhadap kanak-kanak bukan sahaja dari segi keselamatan fizikal dan mental mereka, tetapi juga terhadap pendidikan mereka yang tadi sudah disebut oleh kedua-dua Yang Berhormat, so saya tidak akan lagi panjangkan.

Akan tetapi ada lagi satu masalah ekonomi juga berlaku kerana wujudnya kesedaran dari negara luar terhadap masalah buruh kanak-kanak yang menyebabkan mereka mula *boycott*, dengan izin, sesetengah komoditi dan hasil produk. Contohnya, Kesatuan Eropah (EU) yang boikot minyak kelapa sawit. Ini bukan hanya kerana persepsi penebangan hutan, tetapi berdasarkan laporan yang sesetengah peladang memaksa kanak-kanak bekerja di ladang. Masalah ini boleh membawa kesan yang begitu mendalam jika tidak dikawal dari punca.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya menyatakan semua di atas adalah kerana masalah buruh kanak-kanak dan orang muda bukan sahaja terhad kepada bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia tetapi juga kementerian-kementerian yang lain. Walaupun sekarang pindaan ini dicadangkan, namun tindakan proaktif perlu diambil oleh kementerian-kementerian lain serta komuniti. Kita juga ada Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*] di mana ada peruntukan yang menghalang perbuatan menggunakan kanak-kanak untuk meminta derma atau menjual barang yang sepatutnya diharamkan.

Di Kuala Lumpur, di kawasan popular yang dikerumuni pelancong boleh dilihat kanak-kanak berkeliaran pada waktu malam sehingga jam 12.00 tengah malam menjual bunga dan sebagainya. Walaupun ada polis di kawasan itu, kanak-kanak itu masih berani meminta pelancong membeli barang dan sebagainya. Maka, saya menyeru kerajaan melaksanakan langkah-langkah berikut bagi memastikan pindaan ini bukan sia-sia.

Pertama, lebih banyak penguatkuasaan melalui penyeragaman bidang kuasa. Contohnya, sekiranya sesiapa nampak sesuatu, jangan dibiarkan sahaja. Kena maklumkan kepada pihak berkuasa sama ada pegawai mahupun rakyat biasa.

Kedua, pemantauan di kawasan dan tempat di mana keluarga miskin lebih tertumpu.

Ketiga, lebih kemudahan untuk kanak-kanak dan orang muda supaya mereka boleh membina kemahiran dan melakukan aktiviti sihat dalam keadaan yang selamat.

Keempat, sekolah pula perlu memberi perhatian terhadap murid-murid yang kerap ponteng sekolah, kelihatan lesu atau penat atau ketinggalan dalam pelajaran.

Kelima, pemantauan terhadap semua sekolah supaya tempat yang dalam keadaan kekurangan boleh diperbaiki untuk menggalakkan kanak-kanak ke sekolah.

Keenam, meneruskan program untuk kanak-kanak miskin seperti program makanan sekolah supaya mereka tidak kecundang.

Terakhir, kerjasama antara negara terutama negara-negara jiran seperti Singapura, Filipina, Thailand dan Indonesia untuk membanteras masalah *human trafficking*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Sila, terima kasih. Ada? Sila.

6.57 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih atas memberi laluan untuk saya membahaskan rang undang-undang ini.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melihat rang undang-undang ini, perkara pertama yang terlintas dalam fikiran saya adalah tragedi apa yang berlaku minggu lalu di mana lima sekawan mati dalam satu kebakaran akibat letupan bunga api di sebuah rumah kedai dan mereka sungguh muda. Dalam usia yang muda itu sudah bekerja, satu kerja yang agak berbahaya.

Akan tetapi pada hemat sayalah, mereka tidak sedar berapa bahayanya mungkin kerja-kerja mereka itu sebab mereka tidak ada mungkin kesedaran. Apa yang membuatkan saya berfikir tentang rang undang-undang ini sangat penting sebab apa yang berlaku selalunya adalah apabila cuti sekolah, ramai anak muda kita itu mencari peluang untuk mendapatkan sedikit pendapatan untuk wang saku.

Akan tetapi apa yang telah berlaku di Ipoh minggu lalu, itu sangat menyedihkan dan inilah menjadikan salah satu daripada persoalan, bagaimanakah pihak kita khasnya kementerian, untuk meningkatkan lagi kesedaran. Ini bukan sahaja untuk majikan-majikan, tetapi juga kita punya ibu bapa tentang hak-hak kanak-kanak dan juga anak-anak muda ketika kita mahu mengambil ataupun mengambil peluang untuk mendapatkan pekerjaan.

Dalam erti kata itu, saya juga melihat bahawa kejadian tersebut membuka sebenarnya satu lembaran di mana banyak industri sebenarnya tidak berdaftar dan beroperasi secara haram. Jadi, sungguhpun kita mempunyai undang-undang seperti ini tetapi saya dapati bahawa penguatkuasaan ini masih belum cukup.

Jadi, saya menyokong penuh dengan adanya rang undang-undang ini sekurang-kurangnya pelaku-pelaku ataupun pesalah, majikan yang mengambil kanak-kanak sebagai tenaga kerja itu diberi hukuman yang setimpal.

■1900

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk membawa beberapa isu, khasnya apabila kita bercerita tentang pekerjaan. Pekerjaan yang kita selalu nampak lebih kepada industri-industri perladangan dalam pembinaan dan sebagainya. Akan tetapi kita juga haruslah melihat ada beberapa pekerjaan tradisi khasnya apabila kita berlaku yang ada kaitan dengan sektor perhutanan disebabkan ramai di antara masyarakat, khasnya di Sabah dan Sarawak ini masih terlibat dalam industri perhutanan, khasnya dalam pembalakan dan sebagainya.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, memandangkan Sabah dan Sarawak mempunyai Ordinan Buruh tersendiri. Apakah tindakan kementerian persekutuan untuk memastikan adanya *streamlining* di antara rang undang-undang ini dan juga Ordinan Buruh Sabah khasnya. Sebab, sungguhpun kita mempunyai satu standard yang bagus di peringkat persekutuan tetapi kita juga mahu memastikan bahawa Sabah dan Sarawak juga mempunyai perlindungan secukupnya, khasnya untuk anak-anak muda. Dalam erti kata, ada juga pindaan berlaku. Saya berharap adanya bantuan daripada Persekutuan untuk membantu kerajaan negeri untuk membuat penggubalan sewajarnya terhadap ordinan tersebut.

Kemudian, saya ingin juga bertanya sebab adakah ia melibatkan industri khasnya, kalau kita lihat di Sabah kebanyakan buruh kanak-kanak ini jikalau kamu pernah naik Gunung Kinabalu. Kita nampak malim gunung, *porter* sebenarnya adalah kanak-kanak. Kadang-kadang kita juga nampak mereka ini masih lagi berpakaian seragam sekolah. Selepas waktu persekolahan itu, mereka mengambil kesempatan untuk membuat satu *trip* atau dua *trip* untuk mengangkat bahan-bahan makanan ataupun keperluan untuk menaiki ke Laban Rata.

Hal ini menunjukkan bahawa sungguhpun adanya undang-undang seperti ini, akan tetapi kejadian perkara buruh kanak-kanak ataupun anak muda ini masih banyak dahulunya tetapi ini kerana ada keperluan juga. Mereka harus membantu keluarga mereka yang mungkin memerlukan pendapatan tambahan khasnya bagi komuniti-komuniti yang tinggal di sekitar kaki gunung Kinabalu itu.

Juga, kita lihat dari segi sektor *tourism* bukan saja di sebelah pergunungan. Kalau kita ke Tawau, Semporna, kita dapat melihat banyak di antara mereka yang mengoperasi, jadi *boatman* dan sebagainya adalah anak-anak muda pada umur yang sangat muda. Saya mendapati mereka ini juga tidak mendapat perlindungan insurans. Sungguhpun mereka

diberikan peluang pekerjaan tetapi perlindungan insurans ini tidak diberikan kepada mereka. Hal ini disebabkan mereka hanya bekerja secara *part-time*.

Jadi, apakah tindakan kementerian dalam memastikan sungguhpun ada di antara mereka ini diambil secara sambilan kerana mengikuti ibu bapa, mungkin bekerja dengan sektor ini, adakah mereka juga harus diberikan sekurang-kurangnya perlindungan insurans?

Akhir sekali, saya ingin bertanya kepada kementerian sebabnya kita mahu dalam proses untuk merealisasikan satu perundangan, undang-undang Malaysia yang setara dengan standard antarabangsa. Adakah Malaysia berhasrat untuk meratifikasikan satu Konvensyen ILO 169.

Ini adalah salah satu daripada konvensyen yang belum ditandatangani oleh Malaysia dan saya rasa Konvensyen ILO 169 ini adalah satu konvensyen yang penting untuk memastikan Malaysia adalah salah sebuah negara yang menghormati standard buruh antarabangsa. Jadi, itu saja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang. Terima kasih banyak.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Datuk Rabyiah binti Ali. Dipersilakan.

7.04 mlm.

Datuk Rabyiah binti Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia kerana membentangkan Rang Undang-undang bagi Meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.

Pindaan ini membuktikan bahawa Kementerian Sumber Manusia serius akan pekerja muda atau kanak-kanak yang mungkin memasuki alam pekerjaan, dilindungi dan aspek kebajikan, keselamatan dan kesihatan serta pengiktirafan ke atas pengalaman yang diperoleh semasa bekerja amat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 4 yang diwujudkan bagi memotong seksyen 8, kerana Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 melindungi semua pekerja termasuklah pekerja kanak-kanak dan orang muda.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah Kementerian Sumber Manusia dapat bersama-sama majikan agar kadar upah bagi menggaji kanak-kanak mengikut jenis kerja dan waktu kerja ini ditetapkan agar bayaran minima yang berbaloi dengan

kudrat dan sumbangan mereka kepada majikan dalam sektor pekerjaan yang dibenarkan dalam akta ini.

Saya membuat satu contoh di mana di rumah-rumah rehat kalau kita bawa, kita berhenti— sekarang adalah musim cuti sekolah, ramai kanak-kanak ini yang diupah untuk menjual buku-buku, kalendar ataupun meminta sumbangan derma untuk rumah-rumah anak yatim, membina surau atau masjid. Sampaikan ke jauh malam, budak-budak ini digunakan untuk mereka meraih kewangan.

Akan tetapi, mereka ini apabila saya menyoal budak-budak itu siapa yang ini ada orang bawa dia berkata, ada orang yang menghantar mereka di rumah. Kadang-kadang daripada jauh-jauh, daripada utara dan daripada selatan ke rumah rehat-rehat ini. Daripada Melaka, saya jikalau balik daripada Melaka, saya singgah di Seremban dan juga di Dengkil.

Jadi saya nampak perkara ini menjadi satu trend dan apabila saya pernah bercakap kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, dia mengatakan itu mungkin kita akan mengambil tindakan. Akan tetapi, sampai sekarang pun tidak ada tindakan apa-apa yang diambil, melainkan kalau saya tengok sesuatu di Melaka, dia buat satu *ambush* kepada budak-budak itu apabila kita *report* budak-budak itu kerja di kedai-kedai makan, meminta sedekah ataupun memohon sumbangan. Itu ada tetapi selepas esok pagi datang balik.

Jadi, itu yang saya rasa keraguan mengenai kanak-kanak ini. Kadangkala waktu itu waktu untuk dia berehat, waktu untuk dia tidur. Itu yang kita merasakan kanak-kanak ini banyak teraniaya dan juga dia menggunakan tenaga kanak-kanak ini untuk meraih keuntungan kepada pihak-pihak yang tertentu. Jadi, bagaimanakah saya menanyakan juga maksimum pembayaran gaji diwujudkan sama ada melalui bank atau di bawah kawal selia Jabatan Tenaga Kerja dapat diwujudkan agar isu eksploitasi dan penganiayaan tidak wujud.

Tuan Yang di-Pertua, apabila membicarakan isu-isu pekerja muda atau kanak-kanak ini, kita pasti bahawa sektor pekerjaan ini dipelopori oleh golongan *school dropout* ataupun golongan yang gagal menamatkan pelajaran di peringkat menengah. Kerisauan masyarakat adalah kemungkinan pekerja-pekerja ini terdedah dengan masalah sosial dan dibimbangi mereka direkrut oleh sindiket jenayah terancang bagi menganggotai kongsi gelap ataupun penagihan dadah. Saya baru-baru ini pergi ke penjara di Sungai Udang, Melaka, buat lawatan.

Di situ, kita dapati ada kanak-kanak yang ditangkap. Semasa itu, budak-budak itu adalah dalam tingkatan lagi ataupun masih lagi kanak-kanak yang ditangkap kerana mengedar dadah. Yang terlibat itu adalah kanak-kanak perempuan yang terpengaruh dengan teman lelaknya sehinggakan dia menjadi orang tengah untuk menghantarkan dadah kepada satu

destinasi yang disuruh. Itu yang saya dapat. Ini adalah satu kenyataan yang benar yang mana kita membuat lawatan sendiri dan diberi kita, saya bertanya kepada budak-budak itu.

Kita juga sangsi, sejauh manakah majikan dapat memberikan latihan dan bimbingan kepada pekerja muda ini? Apakah melalui pengalaman yang diperoleh dalam tempoh usia bekerja muda ini boleh diambil kira sebagai pengalaman kerja terdahulu yang boleh diiktiraf apabila pekerja muda ini ingin melanjutkan pelajaran atau menjalani latihan kemahiran.

■1910

Soalan saya kepada kementerian, sejauh manakah kawalan dan seliaan yang kerajaan dapat gandingkan dengan penguasaan agensi lain agar perekrutan pekerja muda di sektor pekerjaan tidak menyumbang kepada pertambahan masalah sosial dan juga masalah jenayah kongsi gelap ataupun penagihan dadah ditangani dengan berkesan.

Bagaimana kerajaan mewujudkan kerangka kerja yang lebih baik agar pengalaman kerja muda ini diiktiraf dan juga semua institusi latihan kemahiran dapat melatih semula pekerja muda ini bila mereka dewasa. Ini selaras dengan kerangka pendidikan sepanjang hayat melalui kerangka *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL), pengiktirafan pendidikan berasaskan pengalaman kerja terdahulu yang memanfaatkan sumber modal insan kepada negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Rabiya binti Ali.

Akhir sekali, dipersilakan pula Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh. Silakan.

7.11 mlm.

Puan Nuridah binti Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat, sabda Baginda Rasulullah SAW... [*Membaca sepotong Hadis*] Bermaksud, "*Sesiapa yang tidak menyayangi orang muda di antara kami, dan tidak mengetahui hak orang-orang tua di antara kami, dia bukan daripada golongan kami*". Pepatah mengatakan, yang tua menyayangi yang muda dan yang muda menghormati yang tua. Hadis Baginda Rasulullah SAW, dan juga pepatah budaya kita ini menunjukkan besarnya tanggungjawab kita bersama, khususnya kerajaan dalam membentuk rakyat demi masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah buruh kanak-kanak tidak menunjukkan

sebarang penurunan pada tahun ini iaitu seramai 440,500 individu, berbanding pada tahun 201, iaitu seramai 439,600 individu. Jumlah ini belum pasti sama ada adakah kanak-kanak yang dilaporkan hilang juga turut dijadikan sebagai buruh, sama ada secara sah atau tidak sah.

Perkara ini memerlukan solusi yang segera dan menyeluruh supaya masa depan dan keselamatan anak-anak ini terpelihara. Oleh itu, kita melihat bahawa peraturan pekerjaan dan promosi pendidikan yang dijalankan oleh pihak kementerian tidak berjaya menurunkan kadar buruh kanak-kanak.

Ini menunjukkan bahawa usaha yang holistik atau praktikal sangat perlu untuk mengatasi perkara ini. Kita tidak menafikan wujudnya faktor-faktor mendesak kepada perkara ini. Oleh itu, undang-undang ini mesti menjadi benteng yang melindungi mereka daripada dimanipulasi, didiskriminasi dan berada dalam situasi yang tidak selamat secara langsung dan tidak langsung.

Ada kajian menunjukkan bahawa pendidikan ibu bapa yang rendah cenderung menyebabkan pencapaian pendidikan turut rendah dalam kalangan anak-anak mereka. Mengikut kajian yang dikeluarkan oleh UNICEF 2018, seramai 25 peratus ketua isi rumah mempunyai tahap pendidikan hanya sehingga sekolah rendah, yang mana tinggal di kawasan bandar. Jumlah ini membuktikan tahap kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan masih rendah. Oleh itu, saya meminta pihak kerajaan agar tidak menandatangani akta yang sedia ada, malah kementerian dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dapat memandangi serius isu pendidikan kanak-kanak ini dari aspek pembangunan karier ke arah yang lebih baik.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan kadar gaji yang diterima kanak-kanak ini. Di Malaysia, kadar gaji minimum yang ditetapkan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara hanya sebanyak RM4.81 sejam jika dibandingkan dengan negara maju seperti Perancis yang meletakkan gaji minimum yang agak tinggi iaitu sebanyak RM45.88 sejam. Walau bagaimanapun, kadar ini atau paling kurang mematuhi kadar RM4.81 ini masih lagi tidak sepenuhnya diaplikasi oleh majikan-majikan yang menggaji buruh kanak-kanak dan orang muda ini.

Oleh itu, saya mencadangkan agar pihak kerajaan tidak hanya fokus kepada akta, hukuman ataupun memberi jawapan atau meminta laporan sahaja. Saya mencadangkan agar kerajaan fokus kepada pematuhan kadar gaji ini serta pemerkasaan hak kanak-kanak supaya golongan ini dilayan dengan penuh hormat selayaknya, seperti orang bekerja dewasa dan juga pemantauan buruh kanak-kanak dan orang muda ini.

Tindakan meminta laporan aduan ini stail lama, kerajaan dahulu juga meminta laporan. Sehingga hari ini, jawapan Menteri hanya dengan meminta pekerja membuat aduan di Pejabat Tenaga Kerja. Apakah usaha kerajaan dalam memastikan golongan ini mendapat maklumat yang cukup tentang pembangunan karier supaya golongan ini dapat *advance*-kan karier mereka, tidak pasrah berada di tempat itu sahaja. Cadangan saya juga supaya industri boleh betul-betul memainkan peranan untuk membantu anak-anak watan untuk diberi masa depan yang cerah.

Saya ingin menyentuh mengenai tahap pemerksaan kerajaan terhadap isu eksploitasi kanak-kanak. Pihak kementerian menjawab persoalan Yang Berhormat Sekijang pada persidangan Dewan Rakyat 17 Oktober yang lalu yang mengatakan, aduan berkaitan eksploitasi boleh dikemukakan kepada kementerian yang berhampiran atau Pejabat Tenaga Kerja.

Walau bagaimanapun, pada pandangan saya, tindakan untuk menerima aduan tidak begitu efektif. Sebagai contoh, isu pada 15 Disember yang lalu, kanak-kanak yang berumur 15 tahun maut dalam kebakaran di kawasan perindustrian Puncak Jelapang. Isunya, kanak-kanak ini berumur 15 tahun, tidak dibenarkan kerja di kawasan perindustrian. Walau bagaimanapun, akta yang sedia ada terbukti tidak berkesan sehingga kes kematian seperti ini boleh terjadi.

Saya ingin bertanya, sejauh mana kanak-kanak dan orang muda ini berkemampuan untuk membuat laporan dan berapa jumlah aduan yang diterima? Adakah ada kajian khusus yang dilakukan untuk menilai keberkesanan *mechanism* yang disediakan oleh kerajaan? Hal ini kerana saya yakin cara tersebut masih lagi menghalang ramai rakyat untuk pergi membuat aduan di tempat berkenaan.

Justeru itu, saya mencadangkan agar pihak kerajaan menaik taraf medium yang digunakan sekarang kepada medium aduan melalui aplikasi *WhatsApp* atau *Telegram Bot*. Melalui cara ini, rakyat boleh menyalurkan aduan dengan pantas. Saya yakin cara ini lebih dekat dengan rakyat yang terbukti melalui laporan *the Digital News Report 2017*, mendapati penggunaan *internet* di Malaysia mencatatkan penggunaan aplikasi *WhatsApp* terbanyak di dunia.

Bagi mengemaskan lagi proses pemerksaan ini, saya juga mencadangkan agar pihak kerajaan mengambil inisiatif dengan mewajibkan setiap majikan mendaftar kanak-kanak serta orang muda yang ingin dijadikan pekerjaanya seperti mana dijalankan ke atas majikan yang ingin menggaji pekerja asing.

Mereka diwajibkan membuat permohonan penggajian pekerja asing melalui Sistem Permohonan Pekerja Asing Bersepadu. Ini bagi memastikan isu eksploitasi pekerja buruh kanak-kanak dan orang muda dapat dibendung.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai keselamatan kanak-kanak dan orang muda. Akta ada menyebut mengenai golongan ini yang tidak dibenarkan bekerja di bawah tanah dan boleh kerja ringan yang tidak mengundang bahaya. Walau bagaimanapun, isu keselamatan tetap menjadi perkara penting untuk diteliti. Selain daripada isu bahaya atau tidak, aspek kesihatan ketika bekerja juga amat penting. Sejauh mana persekitaran kerja selamat dari sebarang unsur yang tidak sihat dan jauh daripada unsur negatif?

Cadangan saya supaya kerajaan mempertimbangkan SOCSO atau EPF untuk kanak-kanak atau orang muda ini. Pihak majikan disarankan untuk mencarum insurans bagi pihak pekerja sama ada kanak-kanak mahupun orang muda. Hal ini kerana isu keselamatan boleh terjadi bila-bila masa sahaja. Sebagai contoh, kanak-kanak yang bekerja di stesen minyak.

Stesen minyak bukannya tempat yang dikategorikan sebagai tempat larangan untuk kanak-kanak bekerja. Walau bagaimanapun, jika berlaku kebocoran minyak di stesen minyak berkenaan, bagaimana nasib kanak-kanak ini? Juga kanak-kanak yang bekerja di pusat membeli belah juga terdedah dengan bahaya. Sebagai contoh, berlaku isu rompak di sebuah pusat membeli belah di Kuchai Lama. Jika kanak-kanak terlibat dalam kes ini, apakah ada pengadilan untuk anak-anak ini? Saya yakin isu keselamatan merupakan isu yang sangat penting bagi nyawa rakyat.

Soalan saya lagi, apakah kerajaan akan mempertimbangkan cuti bekerja bagi golongan ini? Seperti yang saya tahu, golongan ini tidak dibenarkan bercuti. Apakah nasib Orang Kurang Upaya yang termasuk dalam golongan ini dalam isu keselamatan, kesihatan dan keadilan?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, kejayaan pembangunan ekonomi boleh diukur menerusi sejauh mana kanak-kanak dan orang muda mendapat faedah daripadanya. Inklusiviti kanak-kanak ini, *insya-Allah* akan sejahtera kerana jika pembangunan itu benar-benar mampan, ia mestilah benar-benar saksama dan berusaha mendekati setiap kanak-kanak. Bagi kanak-kanak yang tinggal dalam persekitaran yang tidak baik seperti keadaan rumah yang sesak, kekurangan sanitasi dan kebersihan, kurang pemakanan dan pendidikan akan mengalami tekanan kehidupan seperti kemiskinan dan membawa mereka kepada mencari peluang pekerjaan serta meninggalkan cabang pendidikan. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh. Yang Berhormat Menteri, ada enam orang tadi yang membincangkan perkara kanak-kanak dan orang muda.

Puan Asmak binti Husin: Mohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya tambah berbahas sedikit saja?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

7.23 mlm.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon berbahas tambah sedikit saja, walaupun saya tidak bagi nama pada peringkat awal. Ini kerana apabila saya melihat kepada perbahasan tadi, kita banyak menyentuh tentang sisi konvensional berkaitan dengan buruh kanak-kanak dan orang muda iaitu mereka bekerjalah, kanak-kanak dan orang muda ini. Akan tetapi saya suka hendak tambah sikit tentang beberapa isu kanak-kanak yang berkaitan dengan zaman globalisasi sekarang.

Pertamanya, saya ingin membangkitkan isu kanak-kanak yang terdedah kepada dunia komunikasi lebih awal. Contohnya, kita ada kanak-kanak yang berbakat seperti mereka ini penyanyi, boleh menyanyi *online*. Sekarang kita ada aplikasi *Tik Tok*. Mereka menyanyi, kemudian mereka *famous*, kemudian mereka boleh buat duit dan kemudian mereka digunakan juga oleh penjaga kadang-kadangnya untuk membuat duit.

Akan tetapi mereka ini masih lagi kanak-kanak dan orang muda. Kita ada *Instafamous*, kita ada *Youtuber* sekarang yang mana kalau tengok di peringkat dunia pun, *Youtuber* yang terkaya itu adalah kanak-kanak yang memperkenalkan *toys*. Jadi saya ingin bertanya, adakah rang undang-undang ini- bagaimana kita hendak menjaga kebajikan, *privacy* dan mengelakkan manipulasi kanak-kanak seperti ini oleh ibu bapa atau penjaga ataupun orang dewasa? Itu pertama.

Kedua, saya juga mendapati pada hari ini ada kanak-kanak yang bersifat *entrepreneurship* iaitu keusahawanan. Bagi mereka, mereka perlu bekerja lebih awal untuk mendapatkan kepakaran terutamanya dalam dunia-dunia digital seperti kita ada *coder*. *Coder* ini kalau di Filipina, dia sudah bermula seawal umur 10 tahun, 9 tahun. Di Filipina kita ada budak yang umur 15 tahun sudah menjadi jutawan. Daripada bekerja, akhirnya membuka *company* sendiri di peringkat antarabangsa tetapi baru berumur 15 tahun. Jadi, kita ada kanak-kanak bersifat *entrepreneurship* begini.

Jadi bagaimana rang undang-undang ini boleh menjaga kebajikan kanak-kanak, menyeimbangkan antara hak dan keperluan dia untuk membentuk kepakaran? Ini sebab bagi mereka, kalau mereka mula lewat, kepakaran itu akan dibentuk secara lewat. Kita juga tidak boleh hendak menafikan bahawa pada hari ini, macam anak-anak kawan saya seumur Darjah 6 sudah mula buat *business online*, jadi *content provider* dan lain-lain, buat *review product*, boleh mendapat pendapatan sehingga RM2,000 sebulan, RM3,000 sebulan sambil-sambil belajar. Maknanya, kanak-kanak seperti ini wujud dan bagaimana rang undang-undang ini hendak jaga?

Ketiga, saya dapati kebanyakan akta atau undang-undang kita ini berkaitan dengan kanak-kanak banyak menyenaraikan hak tetapi kurang menekankan liabiliti tanggungjawab. Contohnya, kita ada apa yang boleh, apa yang tidak boleh, apa yang patut dan yang tidak patut. Akan tetapi liabiliti tanggungjawab itu kita tidak masukkan dalam rang undang-undang. Contohnya, saya bandingkan dengan undang-undang di Australia. Kalau undang-undang di Australia, liabiliti tanggungjawab orang sekeliling itu dimasukkan dalam undang-undang. Contohnya kalau ada anak didera dan pekerja mendera anak dan kalau majikan tahu, majikan tidak ambil tindakan, majikan itu pun akan kena tindakan undang-undang. Maknanya unsur liabiliti tanggungjawab itu diletakkan secara jelas dalam undang-undang.

Jadi, itulah tiga perkara yang saya ingin bangkitkan dan saya mohon maaf kepada kawan-kawan kerana ambil sedikit masa walaupun waktu Maghrib. Mohon maaf juga kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Jadi Yang Berhormat Menteri, ada tujuh orang yang ambil bahagian ini dan sekarang dipersilakan Yang Berhormat menjawab.

7.27 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada tujuh orang Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan dalam perbahasan ini. Saya tengok Tuan Yang di-Pertua, itulah sifat orang tua, penyayang. Walaupun Yang Berhormat Senator tidak senarai nama dia, dia bangun tetapi itu sifat orang tua itu sangat penyayang. Perlu ada pula akta perlindungan untuk orang tua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sifat saya itu mengasihi kepada orang perempuanlah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ya [*Ketawa*] Itu hebat, seni orang tua menjawab itu. Jadi, tadi Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris pun ada menyebut tadi kalau tidak silap

saya, boleh atau tidak boleh budak-budak ini kerja mengurut dan sebagainya. Akan tetapi saya ingat kalau mengurut macam Tuan Yang di-Pertua suruh cucu mengurut, saya ingat tidak salahlah. Cucu mengurut, cucu jejak belakang. Maklum sajalah kita sudah berumur. Macam Tuan Yang di-Pertua pun berumur 80 tahun lebih sudah, balik daripada Dewan ini lenguh-lenguh, jadi hendak suruh Tok, Tok pun tidak tergamak hendak mengurut, jadi suruh cucu mengurut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Belum sampai 80 tahun.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada semua. Berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, ada beberapa perkara yang akan saya sebut. Kalau tidak sempat saya sebut kesemua, pegawai-pegawai saya ini akan membuat catatan dan akan menjawab secara bertulis. Perkara yang dibangkitkan ialah kanak-kanak yang tidak mengikut sistem pendidikan. Kedua, adakah denda yang dikenakan ini mencukupi.

Malaysia merupakan antara negara yang telah menandatangani dan meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-kanak. Antara perkara penting di dalam konvensyen ini ialah pengiktirafan terhadap hak kanak-kanak ke atas beberapa perkara asas iaitu hak untuk hidup; hak kepada pembangunan; hak untuk dilindungi daripada pengaruh yang merosakkan, penderaan dan eksploitasi; dan akhir sekali, hak untuk bersama dengan keluarga, kebudayaan dan kehidupan sosial.

Ibu bapa ataupun penjaga adalah pihak terlibat secara langsung dengan pembesaran dan pembangunan diri kanak-kanak. Antara perkara penting yang dibentangkan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan) 2016 [*Akta 611*] adalah tugas dan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga dalam memelihara kesejahteraan kanak-kanak dan mengelak daripada sebarang perbuatan penderaan, pengabaian, pencuaian yang boleh mengakibatkan penderitaan sama ada dari segi fizikal atau emosi kepada kanak-kanak di bawah jagaan mereka.

■1930

Manakala Akta 350 pula adalah undang-undang yang mengawal pekerjaan dalam kalangan kanak-kanak dan orang muda. Akta yang saya sebut tadi, akta yang di bawah kelolaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadi, Akta 350 ini di bawah Kementerian Sumber Manusia, merupakan undang-undang yang mengawal pekerjaan dalam kalangan kanak-kanak dan orang muda sekiranya mereka bekerja sahaja. Pindaan akta ini bertujuan untuk mengawal selia pekerjaan di kalangan kanak-kanak dan orang muda tanpa mengganggu pendidikan.

Ini bermakna bahawa bukan bermakna mereka ini perlu terabai, tercicir daripada arus pendidikan yang perlu dilalui oleh semua kanak-kanak di peringkat persekolahan, daripada sekolah rendah dan sekurang-kurangnya sampai sekolah menengah. Ini harus difahami. Oleh sebab itu akta ini bukan akta yang bertujuan untuk hendak mengurangkan pekerja kanak-kanak dan sebagainya tetapi akta ini bertujuan untuk mengawal supaya mereka mendapat keadilan dan tidak dieksploitasi oleh mana-mana pihak.

Akta 611 merupakan perundangan berhubung dengan perlindungan kanak-kanak secara keseluruhan. Kanak-kanak yang tidak mengikuti sistem pendidikan adalah di bawah bidang kuasa kementerian-kementerian yang berkenaan. Mengikut akta ini, pekerjaan adalah di mana terdapat kontrak perkhidmatan di antara kanak-kanak dan majikan. Sekiranya sekadar membantu keluarga tanpa gaji tidak diklasifikasikan sebagai pekerjaan. Contoh, mengurus tok wan, jadi tak adalah diklasifikasikan sebagai pekerjaan tetap dan sebagainya.

Jadi, tidak perlu bayar gaji, cuma bayar dua kupang lah *kot* Tuan Yang di-Pertua. Bagi dua puluh sen upah dia mengurus malam-malam. Kepada soalan yang kedua Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, pindaan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 (Pindaan) 2018, Akta 350 adalah untuk memperkemas penguatkuasaan mengenai penggajian kanak-kanak dan orang muda. Pekerjaan itu bermaksud *employment in any labor for the purpose of the gain, whether the gain to a child, young person or to any other person*.

Akta 350 ini berfungsi mengawal dan menetapkan syarat penggajian kanak-kanak dan orang muda supaya boleh bekerja dalam jenis-jenis pekerjaan yang sesuai dengan umur mereka. Denda yang tinggi iaitu RM50,000 dan RM100,000 akan dikenakan terhadap kegagalan majikan mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta 350.

Aktiviti pemeriksaan adalah salah satu daripada mekanisme kementerian untuk pengesanan dan pencegahan awal sebelum pelanggaran undang-undang dan majikan yang menggaji kanak-kanak dan orang muda. Perkhidmatan khidmat nasihat dan promosi amalan terbaik perburuhan diteruskan oleh kementerian bagi memupuk kesedaran keperluan pematuhan perundangan negara berkaitan penggajian kanak-kanak dan orang muda.

Sememangnya JTK sentiasa membuat pemeriksaan-pemeriksaan ke atas majikan ataupun premis-premis majikan, di mana ada terdapat pekerja, termasuk kanak-kanak dan juga orang muda yang bekerja.

Selaras dengan pindaan yang telah dicadangkan, kementerian akan mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Belia dan Sukan

serta agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan bagi memastikan perlindungan dan penguatkuasaan ke atas isu-isu penggajian, eksploitasi kanak-kanak dapat ditingkatkan, *insya-Allah*.

Berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu yang membangkitkan cara berkesan untuk Kementerian mengesan pelanggaran. Aktiviti pemeriksaan adalah salah satu daripada mekanisme Kementerian untuk mengesan dan mencegah awal sebelum pelanggaran undang-undang oleh majikan yang menggaji kanak-kanak dan orang muda. Perkhidmatan khidmat nasihat dan promosi amalan terbaik perburuhan diteruskan oleh Kementerian bagi memupuk kesedaran keperluan pematuhan perundangan negara berkaitan dengan penggajian kanak-kanak dan orang muda.

Di samping itu, tambahan pegawai pemeriksaan akan meningkatkan lagi keberkesanan penguatkuasaan undang-undang perburuhan supaya dapat memenuhi keperluan *Labor Inspection Convention 1947, No. 80-81*. Mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja, pada tahun 2018 hingga 30 Oktober tahun ini, sebanyak 32,955 premis perniagaan telah dijalankan pemeriksaan berkanun. Hasil daripada itu, 73 Kertas Siasatan bagi kegagalan majikan mematuhi Akta 732. Kementerian akan memberikan komitmen berterusan dalam usaha memastikan tindakan penguatkuasaan diambil kepada setiap majikan bagi mematuhi Akta 350.

Berkaitan dengan persoalan yang kedua iaitu bilakah Akta 350 ini akan diseragamkan di Sabah dan juga di Sarawak? Kementerian telah pun mengadakan libat urus bersama Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Sarawak serta kerajaan negeri mengenai pindaan yang dilaksanakan supaya dapat dipanjangkan pemakaiannya ke Sabah dan Sarawak.

Pindaan ini sewajarnya akan dimasukkan dalam Ordinan Buruh Sabah 1967 dan Ordinan Buruh Sarawak 1976. *Insya-Allah* selepas daripada mendapat persetujuan daripada pihak kerajaan negeri, *insya-Allah* akan dibawa pembentangan pindaan kepada kedua-dua ordinan buruh ini yang dijangka pada pertengahan tahun 2019.

Berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen, perkara berkaitan dengan isu *human trafficking* di Gerik, Perak yang melibatkan dua remaja dan lima kanak-kanak.

Mana-mana majikan yang memperdagangkan kanak-kanak bagi maksud eksploitasi adalah melakukan kesalahan jenayah di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Mana-mana majikan yang didapati mengeksploitasi kanak-

kanak, melakukan kesalahan dan tindakan pendakwaan boleh dilakukan. Jadi, akta ini di bawah KDN yang mengendalikan penguatkuasaannya.

Berkaitan dengan soalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen, di mana beliau mencadangkan lima langkah untuk kerajaan melaksanakan penguatkuasaan membasmi buruh kanak-kanak dengan berkesan.

Saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Sumber Manusia atas cadangan tersebut yang meliputi aktiviti penguatkuasaan melalui penyeragaman bidang kuasa, aktiviti pemantauan yang lebih kerap dan berterusan dan mengadakan lebih banyak kemudahan untuk aktiviti latihan kemahiran kepada kanak-kanak dan orang muda.

Bagi Kementerian Sumber Manusia dan agensi kerajaan yang melaksanakan TVET, perkara ini sememangnya dilaksanakan menerusi lebih daripada 400 buah institusi latihan kemahiran awam di seluruh negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang telah membangkitkan isu berkaitan dengan kemalangan yang melibatkan remaja di Ipoh, Perak yang berlaku minggu lepas. Adakah mereka bekerja dilindungi sekiranya berlaku sebarang kemalangan atau kematian di tempat kerja? Ya, kanak-kanak dan orang muda yang bekerja dan telah memasuki kontrak perkhidmatan adalah dilindungi dan layak untuk mendapat perlindungan PERKESO. Mereka layak untuk mendapat perlindungan PERKESO.

Bagi kemalangan di Ipoh, Perak, kos pengurusan jenazah telah pun dibayar oleh PERKESO sebanyak RM2,000 setiap orang dan ibu bapa serta adik-beradik di bawah 21 tahun juga layak ke atas faedah orang tanggungan yang akan dibayar oleh PERKESO.

Jadi, saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh bahawa sememangnya mereka telah pun layak untuk di carum di dalam PERKESO. Jadi, kita sentiasa memberikan perlindungan kepada mana-mana golongan yang diberikan hak untuk bekerja.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabyiah binti Ali turut membangkitkan isu kanak-kanak yang bekerja sehingga lewat malam. Ini adalah satu kesalahan di bawah akta ini kerana kanak-kanak tidak dibenarkan bekerja daripada jam lapan malam sehingga tujuh pagi. Jadi, kalau ada di mana-mana berlaku, maknanya Yang Berhormat boleh maklumkan atau membuat laporan kepada JTK dan kita akan mengambil tindakan kerana ini bertentangan dengan akta ini.

Jadi, mereka hanya boleh bekerja sebelum daripada lapan malam. Lapan malam sampai tujuh pagi, mereka mesti berada di rumah. Jadi, Yang Berhormat Senator juga boleh

membuat aduan terus kepada Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran atau secara bertulis untuk tujuan siasatan oleh pihak jabatan. Jadi memanglah, itulah jawapan kementerian untuk apa yang disebut oleh Yang Berhormat Nuridah binti Mohd Salleh tadi bahawa menjawab, akan siasat, minta buat *report*. Oleh kerana kalau orang tidak buat *report*, macam mana kita hendak tahu?

Akan tetapi pemeriksaan berkanun itu sentiasa kita buat. Jadi, kalau ada kes-kes yang berlaku sebelum pemeriksaan itu dibuat, maka sudah tentu memerlukan kepada laporan daripada orang ramai ataupun daripada pekerja itu sendiri.

■1940

Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh telah membangkitkan cadangan untuk menambah baik keberkesanan terhadap penggajian kanak-kanak dan orang muda. Kementerian Sumber Manusia mengucapkan ribuan terima kasih dan menyambut baik cadangan tersebut.

Perkara kedua, adakah kanak-kanak dan orang muda tidak boleh bekerja di kawasan perindustrian?

Mengikut Jadual Keempat, kerja-kerja berbahaya yang disenaraikan di dalam Jadual ini tidak boleh dilakukan oleh kanak-kanak dan orang muda.

Jadual Kelima pula meletakkan kerja-kerja yang menjejaskan moral kanak-kanak dan orang muda dan tidak boleh dilakukan. Subseksyen 2(2) menyatakan kanak-kanak tidak boleh bekerja di kawasan perindustrian. Bagi orang muda pula, subseksyen 2(3) membolehkan mereka di bawah perenggan C.

Yang Berhormat Senator Puan Nuridah bt Mohd Salleh ada bertanya tentang sejauh mana kanak-kanak mampu membuat aduan. Jadi, pemeriksaan berkanun dijalankan oleh JTK bagi memenuhi keperluan yang telah pun diratifikasi oleh Labour Inspection Convention 1947 No. 81, Malaysia pada 1 Julai 1963.

Oleh yang demikian, setiap negara anggota perlu menjalankan pemeriksaan ke atas tempat pekerjaan sekerap yang mungkin bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang perburuhan. Laporan Jabatan Tenaga Negara Amerika Syarikat pada tahun 2014, 2015 dan 2016 telah menggesa pihak Kerajaan Malaysia menambah bilangan pegawai pemeriksaan.

Pegawai-pegawai JTK juga telah di warta sebagai penguat kuasa di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan juga Anti Penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] selain menguatkuasakan 11 Akta Perburuhan yang lain, termasuk Rang Undang-undang (Pindaan)

Akta 350. Kementerian mengambil maklum cadangan Yang Berhormat untuk mengemukakan aduan secara aplikasi ataupun secara *WhatsApp* selepas daripada ini.

Akhir sekali, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, isu kanak-kanak yang di manipulasi untuk membuat persembahan bagi mendapat wang dan juga aktiviti perniagaan atas talian, *online*. Isu ini adalah perlindungan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan tidak diliputi oleh pindaan kepada akta ini. Jadi, ia di bawah Akta Kanak-kanak, jadi mungkin kalau ini dalam perbahasan persidangan yang akan datang ini mungkin boleh dibangkitkan.

Namun begitu, bagi saya bahawa sudah tentu kalau dia bekerja di atas talian dan tidak hanya berada di rumah dan sebagainya, saya fikir itu perniagaan atas talian itu satu perniagaan yang sangat harus digalakkan untuk membina sifat-sifat keusahawanan dia daripada kecil lagi, khususnya dari kalangan anak-anak kita.

Jadi, kalau itu dapat dibina, maka sudah tentu dia belajar, dia pergi sekolah, dia belajar sampai ke universiti, dia keluar dengan segulung ijazah, dia tidak mengharap hanya kepada kebergantungan untuk makan gaji dengan kerajaan ataupun swasta tetapi *business minded* dia itu akan membolehkan dia walaupun berlawanan dengan disiplin ilmu yang dia belajar, yang dia terhasil daripada segulungan ijazah. Akan tetapi kerana *business minded* dia itu lebih baik daripada boleh menghasilkan pendapatan yang lebih lumayan.

Puan Asmak binti Husin: Okey, mohon pencerahan. Katakanlah orang muda itu berumur antara 13 hingga 18 tahun. Selepas itu mereka memang mempunyai *talents* seperti *Youtuber* dan semua itu dan mereka terlibat dengan kerja-kerja *online*. So, kerja-kerja *online* ini dia boleh dibayar gaji tetapi masanya itu tidak tentu. Contohnya, malam pun dia boleh bekerja tetapi secara *online* dan dalam lingkungan 13-18 tahun, bukan kanak-kanak. Akan tetapi ada juga unsur manipulasi dilakukan oleh orang dewasa kerana bakat yang dia ada itu. Bagaimana itu kalau hendak kira dalam kes itu?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Itu saya akan mohon minta pegawai-pegawai saya untuk mencatat dan kita boleh memberikan jawapan secara bertulis, kalau itu ada berkaitan dengan akta yang lain kita akan minta supaya pihak kementerian yang lain untuk menjawab berdasarkan kepada akta yang ada, yang boleh diambil tindakan dan sebagainya.

Akan tetapi secara umumnya bagi saya, macam saya katakan tadi bahawa itu satu benda yang harus diberikan galakan kerana dia tidak membabitkan dia keluar daripada rumah dan sebagainya. Dia berada dalam kawalan ibu bapa dan ini seharusnya diberikan galakan

supaya kita dapat melahirkan di kalangan masyarakat generasi baru kita ini supaya generasi yang mempunyai konsep hidup berdikari. Dia mampu untuk hendak *survive* hidup dia. Tidak mahu dia keluar dengan segulung ijazah tetapi akhirnya dia tidak tahu hendak buat apa dengan segulung ijazah. Lebih baik pak dia yang boleh hanya bela itik *telog* di Kelantan tetapi boleh menghasilkan pendapatan RM12 ribu sebulan.

Saya ucap tahniah walaupun dia tidak ada segulung ijazah tetapi anak-anak yang ada segulung ijazah ini kadang-kadang dia tidak tahu hendak buat apa tetapi dia anggap itu kerja main dengan *telog* itik, *berlemuih*, *kotoq*, bau busuk tetapi hakikatnya RM12 ribu sebulan dapat diperoleh oleh orang kampung.

Jadi, itu harus digalakkan *business minded*, keusahawanan yang harus ada kepada anak-anak kita. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi bagi pihak Kementerian Sumber Manusia ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Pandangan, cadangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian dalam merangka dasar dan program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekiranya ada isu-isu yang tidak sempat dijawab, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan selepas ini dan saya mohon menjawab secara bertulis. Saya mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, kerana esok adalah hari akhir dan kemungkinan saya tidak berpeluang bercakap lagi. Saya ingin mengucapkan selamat menyambut tahun baru 2019 untuk bersama dengan satu keazaman bagi menggalas amanah untuk membina negara yang tercinta ini, *insya-Allah. Wallahu'alam. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Mahfuz bin Haji Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Kamarudin Jaffar) dan diluluskan]

■1950

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.50 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau Akta 333 telah berkuat kuasa mulai tahun 1987.

Objektif utama akta ini diwujudkan adalah untuk mengawal selia sektor pengangkutan jalan, seterusnya mewujudkan suatu persekitaran pemanduan yang selamat. Akta ini menyediakan peruntukan-peruntukan utama berkaitan pembinaan dan penggunaan kenderaan, peraturan-peraturan pendaftaran kenderaan, peraturan-peraturan pelesenan untuk pemandu kenderaan serta peraturan-peraturan jalan raya dan lalu lintas.

Kali terakhir Akta 333 dipinda ialah tahun 2016. Dalam proses pindaan tersebut, akta ini telah ditambah baik dengan memasukkan peruntukan yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bertaraf majlis perbandaran untuk melaksanakan fungsi sebagai kuasa warden lalu lintas.

Selain daripada itu, pindaan juga telah menambah baik kaedah pelaksanaan sistem pemberian mata *demerit* melibatkan kesalahan pelanggaran peraturan-peraturan jalan raya dan lalu lintas. Pindaan tersebut bertujuan meningkatkan tahap keselamatan pemanduan di atas jalan raya dengan mengelakkan perlakuan kesalahan yang berulang.

Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa meneliti dan menyemak semula semua peruntukan di dalam Akta 333 dan kali ini akan melaksanakan pindaan-pindaan berdasarkan kepada perkembangan dan keperluan semasa.

Cadangan pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2018 akan mengandungi beberapa topik pindaan utama seperti berikut:

- (i) pemberian kuasa kepada majlis bandar raya untuk melaksanakan fungsi warden lalu lintas. Dalam pindaan tahun 2016, kerajaan telah memperluaskan kuasa warden lalu lintas kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bertaraf majlis bandar raya dan majlis perbandaran. Walau bagaimanapun, beberapa rujukan kepada Datuk Bandar bagi sesuatu majlis bandar raya telah tidak ditakrifkan dengan jelas dalam pindaan-pindaan tersebut. Pindaan kali ini adalah bertujuan melengkapkan semua rujukan yang memberi kuasa kepada PBT bertaraf majlis bandar raya;
- (ii) memansuhkan rujukan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) susulan pembubarannya. Semua rujukan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dimansuhkan susulan kepada pembubaran entiti berkenaan;
- (iii) menetapkan fi bagi proses kelulusan kenderaan. Akta 333 telah menetapkan bahawa tiada sebarang kenderaan bermotor boleh diguna atau didaftarkan sebelum mendapat kelulusan ke atas aspek pembinaan dan penggunaannya. Bagi mendapatkan kelulusan ini, semua pembuat kenderaan perlu melalui proses yang dinamakan kelulusan jenis kenderaan (VTA), dengan izin *vehicle type approval* yang melibatkan prosedur pemeriksaan di atas kertas iaitu pemeriksaan dokumen serta pemeriksaan kenderaan di lapangan. Proses-proses ini melibatkan kos kepada kerajaan. Oleh yang demikian, bagi menampung sebahagian kecil daripada kos yang terlibat, pindaan yang dimasukkan adalah untuk memberi kuasa kepada Menteri menetapkan fi ke atas proses permohonan kelulusan jenis kenderaan (VTA) serta lain-lain proses yang berkaitannya;
- (iv) menambah baik proses pembatalan pendaftaran kenderaan. Salah satu prosedur terakhir sebelum sesuatu kenderaan motor boleh dilupuskan adalah proses membatalkan pendaftaran kenderaan berkenaan. Jika sesuatu kenderaan dilupuskan tanpa membatalkan pendaftaran kenderaan tersebut, rekod pendaftaran akan kekal dalam sistem Jabatan

Pengangkutan Jalan (JPJ) walaupun kenderaan dikenakan secara fizikal sudah dilupuskan. Bagi menambah baik proses pembatalan pendaftaran kenderaan, pindaan yang dimasukkan adalah untuk memperjelaskan peruntukan yang memberi kuasa kepada Menteri membangunkan kaedah mengenai tatacara pembatalan pendaftaran kenderaan bagi apa-apa sahaja sebab yang munasabah. Kaedah ini akan diguna pakai oleh JPJ serta lain-lain pihak yang telah diberi kuasa seperti PBT; dan

- (v) memberi kuasa kepada Menteri menetapkan fi berkaitan penggunaan cermin gelap. Pindaan ini adalah bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan fi ke atas sebarang permohonan kelulusan menggunakan lapisan filem ke atas cermin kenderaan melebihi had yang ditetapkan. Kenaan fi ini adalah antara lain bertujuan mengawal dan memastikan supaya hanya mereka yang betul-betul mempunyai sebab yang sah sahaja mengemukakan permohonan.

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2018 akan mengandungi pindaan-pindaan utama seperti berikut:

Fasal 2 bertujuan mewujudkan beberapa takrifan baru termasuk takrifan Datuk Bandar dan majlis bandar raya yang bertujuan memperjelaskan pemberian kuasa kepada majlis bandar raya untuk melaksanakan fungsi sebagai warden lalu lintas. Pindaan juga memansuhkan takrifan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat susulan pembubaran entiti berkenaan.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 3 dengan memperkenalkan seksyen 4A baharu bagi menerangkan pemberian kuasa kepada Datuk Bandar dalam sesuatu majlis bandar raya untuk melantik sebilangan orang dalam perkhidmatannya sebagai warden lalu lintas dan melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan.

Fasal 5 bertujuan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen 4 baharu yang menerangkan bahawa kuasa warden lalu lintas yang diberikan kepada sesuatu majlis bandar raya atau majlis perbandaran adalah terhad di dalam kawasan kuasa majlis berkenaan sahaja.

Fasal 6 memansuhkan seksyen 4B susulan pembubaran SPAD.

Fasal 8 meminda seksyen 64(1) untuk memberi kuasa kepada Timbalan Pengarah Pengangkutan Jalan melaksanakan fungsi dan tanggungjawab di bawah seksyen tersebut berkaitan kenderaan yang telah disita. Pemberian kuasa ini bertujuan mempercepatkan

tempoh masa berkaitan proses pelepasan kenderaan yang telah selesai urusan perundangannya.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 65 bertujuan memberi kuasa kepada Datuk Bandar sesuatu majlis bandar raya untuk melaksanakan kuasa-kuasa di bawah seksyen ini.

Fasal 10 meminda seksyen 66(nn) untuk memperjelaskan pemberian kuasa kepada Menteri untuk membangunkan satu kaedah yang khusus dan terperinci mengenai tatacara pembatalan pendaftaran kenderaan motor bagi apa-apa sahaja sebab yang munasabah. Seksyen 66(pp) juga dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri menetapkan fi ke atas proses permohonan kelulusan jenis kenderaan serta proses panggilan semula kenderaan yang mempunyai kecacatan dalam aspek pembinaan atau komponennya.

Perenggan seksyen 66(ss) juga dipinda dengan memberi kuasa kepada Menteri untuk memperjelas dan menetapkan peraturan berkaitan penggunaan apa-apa kaca atau bahan lut sinar yang dipasang pada kenderaan motor serta menetapkan fi bagi proses permohonan itu.

Fasal 11 meminda seksyen 88(1)(r) untuk memberi kuasa kepada pegawai pengangkutan jalan untuk memberi arahan kepada pemandu kenderaan motor untuk mematuhi peruntukan-peruntukan berkaitan peraturan jalan dan kaedah pemanduan di bawah Bahagian III, Akta 333. Pemberian kuasa ini bertujuan membolehkan pegawai-pegawai pengangkutan jalan untuk mengawal aliran trafik dan mengarahkan pemandu untuk mematuhi arahan yang diberikan.

Selain itu, pindaan ini juga akan memberi kuasa kepada pegawai pengangkutan jalan untuk mengiringi kenderaan-kenderaan yang telah disita akibat ketidakpatuhan kepada undang-undang dan peraturan jalan raya seperti kenderaan klon, kenderaan yang disyaki dicuri, kenderaan yang tidak selamat dipandu dan sebagainya.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 120(1) untuk memberi kuasa mengeluarkan notis kompaun kepada Datuk Bandar sesuatu majlis bandar raya serta pegawai-pegawainya yang diberi kuasa bagi kesalahan-kesalahan di bawah Bahagian III, Akta 333. Selain itu, pindaan juga memperjelaskan bahawa semua notis kompaun hendaklah terlebih dahulu mendapat keizinan secara bertulis daripada pendakwa raya sebelum boleh dikeluarkan.

Pindaan-pindaan lain yang tidak saya nyatakan secara khusus di sini adalah merupakan pindaan bersifat editorial dan *consequential*, dengan izin, susulan kepada cadangan pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah amat penting untuk menjayakan usaha-usaha kerajaan meningkatkan

tahap keselamatan di jalan raya serta menambah baik keberkesanan pengurusan penguatkuasaan dan kawal seliaan lalu lintas khususnya di bandar-bandar utama.

■2000

Pindaan-pindaan ini akan akhirnya dapat menyumbang kepada mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta tahap perbelanjaan awam.

Saya dengan rendah hati memohon supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan dapat kelulusan di Dewan yang mulia ini demi kesejahteraan dan kemakmuran hidup semua rakyat Malaysia terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Kamarudin, Menteri Pengangkutan dan sekarang ada siapa yang menyokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Menyokong ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

8.01 mlm.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin berbahas sedikitlah secara ringkas oleh kerana masa sudah pukul 8 malam, sudah lewat sudah. Saya menerima baik pindaan tersebut mengenai usaha untuk memberikan kuasa kepada pegawai JPJ ataupun PBT untuk mengalihkan kenderaan terbiar di kawasan perumahan dan saya jangka ini satu masalahnya ialah *registration*, pendaftaran itu.

Saya dimaklumkan ia perlu *direregister* dulu sebelum kerja-kerja pengalihan boleh dilakukan dan dalam hal ini ada satu kerisauan. Sekiranya sesebuah kenderaan itu masih ada *loan* dengan pihak syarikat kredit ataupun bank dan apakah mekanisme yang harus dilakukan oleh pihak JPJ ataupun bolehkah pihak JPJ memperuntukkan kuasa undang-undang, supaya pihak bank itu boleh menandatangani satu surat lepas tangan atau perjanjian sekiranya kereta tersebut telah dijadikan terbiar sebegitu sahaja. Sebelum tindakan pengalihan boleh berlaku kerana untuk mengelakkan sebarang tindakan undang-undang.

Kedua, saya bercadang dalam mekanisme mengalihkan kenderaan tersebut yang terbiar di kawasan perumahan mungkin pihak JPJ boleh memikirkan satu kerjasama bersama

bengkel, woksyop, bengkel membaiki kereta ataupun, dengan izin, *company* syarikat *scrap metal* untuk mengalihkan kenderaan supaya kos dan sumber pihak kerajaan boleh dikurangkan sekiranya mereka bekerjasama untuk kenderaan yang begitu buruk, maka ia *just* dihantar untuk menjadikan *scrap metal* ataupun barangkali *spare part* nya boleh diguna pakai maka bengkel woksyop membaiki kereta boleh bekerjasama dengan pihak penguat kuasa. Setelah proses pengalihan dikeluarkan maka mereka boleh masuk campur dan ini adalah satu perkara yang baiklah kerjasama antara pihak swasta dengan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi warden lalu lintas yang diperuntukkan kepada, saya difahamkan hanya sembilan Majlis Bandaraya iaitu Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Melaka Bandar Bersejarah, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

Saya hendak tahu daripada Menteri sama ada ia dilanjutkan kepada tiga Majlis Bandaraya di Sarawak iaitu Majlis Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Majlis Bandaraya Miri itu yang saya hendak tahu. Sekiranya dilanjutkan kepada ketiga-tiga Majlis Bandaraya di Sarawak maka saya harap satu peruntukan daripada Kementerian Pengangkutan boleh diagihkan kepada ketiga-tiga majlis tersebut yang mereka ini mengalu-alukan penubuhan warden lalu lintas untuk menjaga lalu lintas dan sebagainya.

Mengenai fi Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir yang saya hendak bangkit adalah fi yang mungkin dikenakan, yang ditetapkan oleh Menteri ke atas penggunaan cermin gelap. Saya harap ia akan diberi percuma kepada mereka yang memerlukan cermin gelap atas alasan kesihatan. *No fee is to be charged to them*, dengan izin.

Untuk fi atas alasan keselamatan, saya harap satu fi yang munasabahlah boleh dikenakan sebab isu keselamatan itu jangan kita salah anggap itu untuk orang kaya sahaja. Maka ia mungkin *applicable to anybody who are straighten* dengan izin, so saya harap fi itu boleh munasabah. Kalau tidak, mungkin berlakulah mereka tidak mahu memohon dan sebagainya melalui cara yang lain dan itu *observation from me*, dengan izin. Itu saja daripada saya sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong dan lagi siapa yang hendak bercakap, saya bagi peluang. Oleh kerana, kalau tidak ada, minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Alan Ling di atas empat perkara yang dibangkitkan. Saya cuba menjawab

seboleh-bolehnya tetapi jika jawapan saya ini tidak begitu lengkap atau tidak begitu tepat, saya akan susuli dengan bertulis selepas saya dapat panduan daripada pegawai-pegawai.

Saya mula dengan yang terakhir berkaitan dengan fi untuk cermin gelap. Saya yakin bahawa apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator itu adalah merupakan pandangan yang ada di pihak kementerian juga. Sebagaimana yang dicadangkan bahawa untuk kes-kes kesihatan fi tidak dikenakan. Ya, itu dalam perkiraan kementerian sekarang ini, tidak ada fi untuk kes kesihatan yang tulen. *Genuine cases of health*.

Keduanya, tentang fi untuk keselamatan diminta atau dicadangkan supaya ia munasabah. Itu saya fikir adalah antara sudah tentu pertimbangan yang akan diambil kira iaitu supaya pertimbangan antara kepentingan keselamatan dan munasabahnya fi itu akan diberi pertimbangan. Jadi, perkara itu saya dapat sebutkan.

Berkaitan dengan warden sembilan bandar raya yang disebutkan dan pertanyaan atau cadangan tiga lagi di Sarawak iaitu Kuching, Kuching Selatan dan Miri, saya fikir yang pentingnya ialah bahawa pindaan ini memberi kuasa kepada kementerian untuk menamakan dan memberi kuasa kepada PBT yang dinamakan untuk memberi kuasa pula kepada warden-warden untuk mempunyai kuasa untuk menjaga keselamatan dan peraturan di jalan raya.

Jadi cadangan Yang Berhormat itu sudah tentu kita akan beri perhatian sama ada ia boleh dilaksanakan dan bila ia- pentingnya dilaksanakan. Naik lagi kepada yang kedua iaitu tentang kuasa ataupun cadangan untuk JPJ bekerjasama dengan bengkel. Ini saya fikir perlu difikirkan. Saya tidak fikir ini dalam perkiraan kementerian sekarang ini sebab ia mungkin terdedah kepada berbagai-bagai tafsiran atau tuduhan bahawa kita sebenarnya melaksanakan ini untuk kepentingan perniagaan bengkel dan sebagainya.

Akan tetapi saya fikir yang dalam perkiraan kementerian ialah bahawa apabila kuasa ada tertakluk kepada soalan pertama tadi oleh kementerian untuk berkuasa memindahkan kereta-kereta ini maka selepas itu pertimbangan sama ada kereta-kereta ini dipindahkan ke tempat-tempat yang memang dikhususkan untuk penempatan kereta-kereta yang dianggap akan dilupuskan. Ataupun ia selepas itu ada urusan mengikut undang-undang yang sesuai yang boleh dari segi kerajaan mendapat pula pendapatan dengan ia dilelong atau sebagainya kepada bengkel-bengkel itu akan menjadi perkiraan selepas itu.

Berkaitan dengan soalan yang pertama iaitu berkaitan yang bahagian kedua, jika kenderaan masih ada *loan* dengan bank, adakah JPJ akan adakan peruntukan untuk batalkan *loan* tersebut. Jawapan yang saya terima adalah di dalam proses mengalihkan kenderaan

yang rosak atau buruk ini dalam kawasan PBT, pembatalan pendaftaran adalah proses akhir. Maknanya kuasa untuk mengalih boleh sudah dilakukan sebelum pembatalan pendaftaran.

■2010

Sebelum proses pelupusan kenderaan, PBT tidak perlu melantik ataupun membatalkan pendaftaran kenderaan sebelum mengalih kenderaan itu. Dari segi undang-undang, itu kuasa yang ada menerusi pindaan ini. Makna kuasa untuk mengalih itu sudah ada sebelum atau tanpa pembatalan pendaftaran. Setelah kenderaan dialihkan, PBT akan dapatkan maklumat pemilikan kenderaan daripada JPJ. Jika ada *loan* kenderaan, PBT perlu dapatkan pengesahan dari bank. JPJ tiada kuasa untuk membatalkan *loan* sebagaimana yang disebutkan tadi.

Jadi ini sedikit sebanyak maklumat yang saya dapat berikan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong. Terima kasih di atas soalan itu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat termasuk Tuan Yang di-Pertua yang sanggup menunggu untuk sama-sama kita selesaikan urusan kita untuk negara kita yang tercinta ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Kamarudin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam yang saya pegang ini sudah 8.15 malam dan kita masih ada di sini... [*Tepuk*] Masih ada di perbatasan.

Tadi saya nampak akhir-akhir ini suara “bersetuju”, lagi kuat dan nampak ada muka yang sama juga ada. Yang Berhormat Senator Dato’ Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah berkejar, dia datang lekas dia tahu, dia orang perjuangan. Jadi orang daripada Sabah, Sarawak, Semenanjung ada di sini, saya rasa bersemangat. Itulah tadi Yang Berhormat yang kenapa saya selalu nampak muda, semangat sokong itulah. Itu ya.

Jadi itu tadi saya beritahu tadi saya nampak juga Yang Berhormat Senator kita Yang Berhormat Tuan Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy pun ada sampai petang, dia ada. Sokongan daripada kita- tepuk tangan sedikitlah... [*Tepuk*]

Yang Berhormat Dato’ Kamarudin Jaffar, Menteri kita dan tidak lain tidak bukan, kita punya Menteri iaitu, kita punya Yang Berhormat Dato’ kita ada bersama kita ini. Dia ada bersama-sama kita ini untuk mengamanahkan dia punya tugas itu. Kita semua rasa sangat senang hati kerana semua hadir pada petang ini dengan bersemangat.

Yang Berhormat Dato’ Mahfuz bin Haji Omar *thank you*, terima kasih banyak... [*Tepuk*] Kehadiran Menteri-menteri ini ibaratnya memuji kita punya perjuangan. Saya sangat senang hati...

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato’ Mahfuz bin Haji Omar]: Sekarang pun muda lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Saya hendak cakap, pokoknya buat sesuatu dengan sungguh-sungguh. Itu penting.

*Pergi memburu ke padang datar;
Dapat rusa bergelang kaki;
Kalau berguru kepalang ajar;
Ibarat bunga kembang tak jadi... [*Tepuk*]*

Ini nasihat kepada anak-anak muda yang teruna, jadi ingatlah di mana janji mesti ditepati.

*Cantik si dara di sebalik tabir;
Buat si teruna ternanti-nanti;
Bicara jangan sekadar di bibir;
Biar seiring tujuan di hati... [*Tepuk*]*

Sekian lagi Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih banyak. Banyak kita belajar hari ini dan kepada Yang Berhormat Senator. Balik hati-hati, memandu dengan baik dan teliti.

Jadi Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 20 Disember 2018. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.18 malam]